



## DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

### PENGGAL KEDUA

### MESYUARAT KETIGA

---

**SHAH ALAM, 01 DISEMBER 2014 ( ISNIN )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

### **YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/l Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Ramli bin Shaiei  
Encik Mohd. Redzuan bin Adam  
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi  
Encik Ahmad Hafizan Yusof  
Encik Shahzrin bin Dzahari  
Encik Ibrahim bin Mat Mom  
Encik Hairudin bin Omar

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

( Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmannir rahim. Asslamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke13 bagi hari yang keenam 01 Disember 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sebelum saya meneruskan sesi pertanyaan ingin saya mengalu-alukan kedatangan Timbalan Speaker Dewan Negeri Kelantan Yang Berhormat Ustaz Haji Abdul Latif bin Abdul Rahman berserta 4 lagi ADUN daripada Kelantan, ADUN Perumpuk, ADUN Limbongan, ADUN Tendong dan ADUN Guail. Selamat datang ke Dewan Negeri Selangor. Baiklah soalan seterusnya Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker soalan saya no. 90.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK : MENAIKTARAF PENAPIS LOJI RAWATAN AIR**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan akan menaiktaraf penapis di LRA BATU 11 Cheras dan Bukit Tampoi untuk mengatasi permasalahan pencemaran air sungai oleh tahap ammonia yang sering berlaku?
- b) Nyatakan perancangan Kerajaan dalam usaha penukaran paip-paip bekalan air yang uzur.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Balakong yang bertanya. Kejadian yang ditugas penapis air Bukit Tampoi dan Loji Penapis Air Batu 11 Cheras adalah berpunca daripada Pencemaran Air Mentah dari

Sungai Langat Cheras. Adalah berpunca daripada Pencemaran Sumber Air Mentah dan Sungai Langat. Pencemaran tersebut adalah disebabkan oleh kandungan ammonia yang melebihi paras yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Semua ammonia dalam sungai adalah disebabkan atau berpunca daripada Baja untuk pembangunan-pembangunan tanah dan pertanian tapak pelupusan sampah *litché* dan pembangunan tanah yang tidak terkawal, ukur bahan yang dirawat daripada penternakan ayam itik rumah-rumah setinggan di tepi sungai, di tepi sumber air, tangki-tangki *septic*, kilang-kilang, tanah-tanah pemindahan. Juga disebabkan oleh air kumbahan yang dilepaskan daripada kawasan-kawasan perumahan, komersial, institusi dan kemudahan-kemudahan berkaitan. Pelepasan air kumbahan dan bahan-bahan kimia ber *toxic* daripada pelbagai industri. Aliran air di permukaan air disebabkan oleh hujan lebat, minyak dan air kumbahan daripada bilik-bilik dan dapur juga daripada *influen* loji olahan ukur bahan perbandaran. Pada ketika ini piawai untuk air mentah bagi loji-loji pembersihan air iaitu kualiti air mentah adalah ditetapkan oleh Jabatan Bekalan Air Malaysia di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air. Berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia paras ammonia yang dibenarkan bagi setiap Loji Rawatan Air meneruskan proses rawatan adalah hanya pada tahap 1.5 ppm. Melihat kepada keadaan yang berlaku di loji rawatan air Bukit Tampoi dan juga loji Batu 11 Cheras kandungan ammonia yang dicatatkan pada waktu itu adalah pada kadar 1 hingga 3.4 ppm. Kadar ammonia yang tinggi tidak sesuai dirawat kerana pihak operator loji rawatan terpaksa menggunakan dose bahan kimia yang banyak yang mana akan memberi kesan buruk kepada kualiti air minuman dan juga pada kesihatan pengguna. Walau pun tak dapat cadangan untuk menaik taraf loji rawatan air termasuk penapis dan sebagainya bagi mengatasi masalah pencemaran ammonia ini ianya bukan penyelesaian yang terbaik kerana paras ammonia yang tinggi tidak masih boleh dirawat sekali gus bertentangan dengan garis panduan yang telah dikeluarkan. Oleh demikian cara terbaik untuk mengatasi masalah pencemaran ammonia ini adalah dengan menyediakan sumber air mentah yang mencukupi bagi membolehkan proses pencarian *division* dilakukan semula lagi. Dengan kapasiti air sungai yang banyak kandungan ammonia yang tinggi dapat dipulihkan dan seterusnya dapat mengelakkan kejadian penutupan loji akibat pencemaran ammonia. Dalam hal ini Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Mitigasi Tambahan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan air untuk meningkatkan bekalan air mentah ke Sungai Langat melalui penyaluran air mentah dari terowong yang siap dibina ke Sungai Langat. Projek ini dijadualkan siap pada akhir tahun 2014 ini dan dengan siap projek ini sumber air mentah tambahan boleh dialihkan ke Sungai Langat terutamanya ketika paras sungai rendah bagi tujuan untuk meningkatkan kebolehan penurunan sendiri air sungai. Air mentah tersebut bagi tujuan menjaga kebersihan sungai-sungai di Selangor Kerajaan Negeri adalah tegas dalam melaksanakan kuat kuasa undang-undang ke atas pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran sungai. Berkenaan dengan yang kedua perancangan Kerajaan Negeri saya kira telah pun dijawab dan selepas selesai penstrukturkan semula air di negeri Selangor ini maka

proses-proses untuk penukaran paip-paip air yang uzur akan dilakukan bagi meningkatkan tahap penyaluran air begitu juga mengurangkan NRW terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong dulu.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO, jawapan yang diberikan tadi adakah adalah air mentah dari Langat 2 akan projek Langat 2 siap pada 2014 iaitu sebulan sahaja dari sekarang. Adakah ia pasti siap dan air mentah akan disalurkan ke Sungai Langat, terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Balakong yang bertanya. Projek Langat 2 seperti mana yang kita umum ketahui itu ada jangka masa yang tersendiri tetapi yang dimaksudkan adalah pengaliran air melalui terowong terus ke Sungai Langat seperti mana yang diperkatakan dan diperbincangkan. Ianya akan siap pada akhir tahun 2014 ini, maknanya air daripada Sungai Semantan dari terowong Langat dan akan masuk ke Sungai Langat, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker, saya nak tahu tanya kepada Yang Berhormat EXCO tentang ammonia ini kita selalu dengar-dengar. Adakah yang berpunca ammonia ini yang baru-baru ini negeri sudah pun memperkenalkan ke puncanya sebab apa, dari mana dan apakah tindakan-tindakan telah diambil atas siapa-siapa pun telah pun dikatakan. Telah buat demikian dan ada masalah-masalah ini.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sri Andalas, seperti yang saya maklumkan tadi ammonia ini berpunca daripada pelbagai sumber, pelbagai sumber termasuk juga di sepanjang Sungai Langat itu ada loji kumbahan. Loji kumbahan ini ada yang di menepati. Ada loji kumbahan yang baru yang dipantau dan diselenggara oleh IWK dan ada juga yang mempunyai teknologi-teknologi yang lama. Jadi sebab itulah proses untuk kita mengenal pasti atau pun mengawal seperti mana yang saya sebutkan tadi. Tadi kita dah ada Akta-akta dan Enakmen-enakmen sebagai untuk mengawal proses pembuangan sisa ini bagi mengawal proses pembuangan sisa ini. Walau bagaimanapun seperti yang ditanyakan tadi untuk tindakan-tindakan itu saya kurang pasti saya akan buat semakan sama ada sudah dibuat tindakan-tindakan ke atas mereka yang telah pun mengalihkan, menggalurkan kumbahan-kumbahan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditentukan oleh Kementerian atau pun oleh Jabatan Agama Islam sendiri. Jabatan Agama Islam menetapkan 3ppm minimum barulah boleh disalurkan ke Sungai sementara Kementerian Kesihatan 5ppm untuk *intake* ambil ke Loji Rawatan Air. Jadi berkenaan dengan tindakan-tindakan penguatkuasaan atau pun

Undang-undang yang diambil itu mungkin bagi saya peluang untuk buat semakan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HJ MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Lanjutan daripada soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Seri Andalas tadi, apakah langkah-langkah kawalan bagi menghadapi pencemaran atau yang berlaku di loji-loji di seperti Bukit Tampoi, Loji Cheras.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Langkah-langkah tindakan yang telah pun diambil seperti mana yang dia mempunyai beberapa akta yang dikuatkuaskan dan juga oleh yang dipantau secara berkala oleh Pegawai-pegawai yang bertugas. Antaranya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling kumbahan dan *influence-influence Industrian* 1979. Yang keduanya Enakmen Luas 1999 dan juga di bawah PBT sendiri Akta Kerajaan Tempatan Akta 1971. Jadi dari situ dari sudut pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa kita adakan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Tuan Speaker soalan saya no. 91.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI KAWASAN KAMPUNG**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan khas kepada Ketua-ketua Kampung untuk pengurusan sampah memandangkan perkara ini masih lagi tidak diatasi?
- b) Apakah sudah ada mekanisma tertentu untuk pengurusan sampah di kampung-kampung? Jika ada, minta dinyatakan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Dusun Tua. Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk memberi peruntukan, peruntukan khas kepada Ketua-ketua Kampung untuk pengurusan sampah. Peruntukan tahunan sebanyak RM10,000 disalurkan kepada Ketua Kampung boleh digunakan untuk mengadakan program gotong-royong di kawasan kampung. Terdapat PBT yang menyediakan tong sampah di kawasan-kawasan kampung yang berhampiran

dengan PBT. Tong sampah tersebut diletakkan di lokasi yang bersesuaian supaya lori sampah dapat mengutipnya. Selain itu ada kerja-kerja penyelenggaraan kawasan seperti di kawasan kampung telah distrukturkan contohnya MBSA telah melantik kontraktor bagi kerja kutipan sampah domestik melalui tender terbuka. Namun begitu Kerajaan Negeri bersedia untuk menimbang cadangan yang memberi manfaat dan juga membaiki kebersihan di kawasan kampung, sekian, tuan speaker.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Y.B. EXCO. Tak silap sayalah dalam Dewan Yang Mulia ini juga penggal yang kedua mantan Menteri Besar ada menyebut. Kita akan selidik Kerajaan Negeri akan cuba buat penyelidikan dan kalau perlu dengan keadaan kampung sekarang ini tak macam dulu. Ada kampung yang duduk di kampung pinggir bandar dan masalah sampah ini akan dibagi peruntukan sedikit tambahan daripada RM10,000 yang dibagi ke kampung-kampung. Jadi kalau ini dapat diteruskan biasa ini satu usaha yang baik. Kerajaan Negeri dengan tema Belanjawan kita Bajet Tahun ini kalau boleh saya minta kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan perkara ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Dusun Tua, peruntukan tambahan untuk JKKK atau pun Ketua Kampung dikaji semula dan saya berasa Kerajaan memang prihatin dan kita akan menitik dengan cadangan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya keliru sedikit sebab EXCO katakan RM10,000 itu dari Dana Ketua Kampung untuk digunakan untuk kerja sampah dalam kampung masing-masing. Tapi saya nak minta RM10,000 untuk program-program Masyarakat dan rakyat di sekampung kalau minta Ketua Kampung untuk gunakan peruntukan itu untuk pembersihan dan untuk sampah saya ingat itu tak wajar dan saya minta Kerajaan untuk teliti balik kampung-kampung ini pembersihan mereka di bawah PBT-PBT masing-masing kena peruntukan selain dari peruntukan yang dibagi kepada Ketua Kampung.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Sri Andalas, apa yang saya maksudkan tadi adalah peruntukan tersebut boleh digunakan sebagai program gotong-royong di kawasan kampung itu satu. Kedua Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran baru memang kita mengambil berat tentang isu kebersihan di kawasan PBT dan juga kawasan Kampung, itu sebab Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM31 juta kepada semua PBT di kawasan Selangor dan minta mereka untuk mengadakan satu kempen kebersihan yang khas bukan sahaja di kawasan bandar tetapi di kawasan kampung. Dan saya juga menerima cadangan daripada dua-dua Yang Berhormat iaitu Dusun Tua dan juga Sri Andalas bahawa Kerajaan

Negeri perlu mengadakan satu program khas atau satu cara bagaimana kita nak bantu pada penduduk kampung untuk bersihkan tempat tersebut, sekian.

**TUAN SPEAKER:** Kuang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Peraturan Tetap 24(2).

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Rawang yang membantu Yang Berhormat Kuang. Ini menunjukkan Pakatan Rakyat membantu barisan Nasional. Yang Berhormat Kuang ada bertanya berhubung air percuma. Untuk makluman Yang Berhormat Kuang dan juga Yang Berhormat Rawang, semenjak Jun 2008, sehingga Ogos 2014, jumlah keseluruhan bayaran air percuma adalah RM866,4500,180.01 sen. Sebagaimana yang telah dijanjikan, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian air percuma sebanyak 20 meter padu kepada semua rakyat negeri Selangor meliputi pengguna air domestik yang mempunyai meter air individu dan bagi pengguna pangsapuri yang belum mempunyai meter individu melalui program lapor dan dapat. Dahulu dikenali sebagai sistem kupon. Selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan agensi merakyatkan negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat sebanyak 3 pangsapuri kos rendah, Pangsapuri Vista Subang, Pangsapuri Kampung Sri Aman dan Pangsapuri Seri Pelangi, Tanjung Sepat, dengan jumlah keseluruhan 900 unit masih belum menikmati program pemberian air percuma. Bagi pangsapuri bukan kos rendah pula, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM7 juta melalui Skim Permai Ceria untuk membantu melaksanakan migrasi meter air individu. Sebanyak 483 buah kawasan pemajuan yang terlibat dengan jumlah unit keseluruhannya sebanyak 274,818 unit. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya nak tanya lepas air percuma ini, apakah ia akan lepas *re-structure* semula, penstrukturran semula Air Selangor Sendirian Berhad, akan mengambil kira kos air percuma ini, dan kos air percuma yang dah dibelanjakan selama ini, semenjak 2008. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah saya jelaskan penstrukturran perindustrian Air Selangor ini akan selesai sepenuhnya September 2015. Pada ketika ini kita telah memuktamadkan perjanjian dengan Puncak Holding Berhad. Ada dua lagi syarikat konsesi dalam proses memuktamadkan perjanjian jual beli saham mereka iaitu Syarikat SPLASH dan juga ABBAS. Walau bagaimanapun selesai sahaja penstrukturran semula industri air ini, entiti yang akan mengendalikan industri

air ini bagi pihak Kerajaan Negeri ialah Air Selangor dan kita akan melihat keperluan untuk tidak membebankan Air Selangor dengan kos yang tinggi dan akhirnya akan membebankan rakyat daripada segi kadar tarif air. Kita sedia maklum sebanyak RM160 juta setahun diperlukan untuk memberikan meneruskan program air percuma ini. Namun setakat ini kita memutuskan program ini akan diteruskan dan sebaik selesai penstrukturkan industri air ini, kita akan melihat kekuatan Air Selangor untuk diteruskan program ini. Kalau tidak Kerajaan Negeri akan meneruskan program yang berkenaan kerana Air Selangor mempunyai peranan yang utama iaitu menurunkan NRW dan juga memberikan khidmat air yang lebih efisien kepada pengguna dan kita tidak mahu membebankan dengan program ini kerana ia akan memberikan kadar tarif yang lebih tinggi. Jadi Kerajaan Negeri pada ketika ini akan meneruskan program tersebut dan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang, soalan seterusnya.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker, soalan saya nombor 93.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : BLUE PRINT PENGANGKUTAN AWAM**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri bagi menyediakan sistem pengangkutan awam yang senang diakses untuk kurangkan kesesakan lalu lintas?
- b) Senaraikan jumlah subsidi dan kawasan terlibat yang disalurkan oleh SPAD kepada syarikat bas untuk jajaran sosial di Negeri Selangor bagi tahun 2008 – 2014.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan mengambil pendekatan dengan menjalankan kajian-kajian tertentu sebelum membuat keputusan untuk melaksanakan sebarang projek pengangkutan awam. Kajian yang dijalankan akan meliputi sistem pengangkutan awam sedia ada, rangkaian jalan raya serta lalu lintas, untuk membolehkan sistem pengangkutan awam yang dilaksanakan di Negeri Selangor mudah dan senang di akses serta mampu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas. Berdasarkan kepada kajian dan semakan yang telah dibuat, sebelum ini, Kerajaan Negeri telah membuat supaya Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan perkhidmatan bas percuma antara bandar. Perkhidmatan bas percuma yang dikenali sebagai bas

komuniti ini, telah di laksana di Petaling Jaya dan Shah Alam. Antara laluan yang telah diberikan perkhidmatan di Petaling Jaya adalah laluan yang bermula di jalan PJS 3/2, melalui Jalan Templer, Jalan Penchala, Jalan Universiti dan Jalan Gasing. Manakala di Shah Alam, bas komuniti bermula di Perhentian Pusat Bandar, Seksyen 14, dan melalui Seksyen 2, 7, 11, 14, 15, 16, 17, dan 18. Kerajaan Negeri tidak mempunyai akses ke atas maklumat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, SPAD, berkenaan penyaluran subsidi oleh SPAD kepada syarikat bas untuk jajaran sosial di negeri Selangor bagi tahun 2008 hingga tahun 2014.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya tentang pengangkutan awam ataupun *Blue Print* ataupun *Master Plan* bagi DUN Selangor ini. Bagi pengangkutan awam ini, kita tidak akan lari daripada berhadapan juga dengan pengangkutan persendirian. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas apabila kita menyediakan *Blue Print* Pengangkutan Awam ini berbanding juga dengan pengangkutan awam yang sedia ada sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya tidak faham soalan daripada Yang Berhormat Tanjung Sepat. Boleh ulang.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Maksud dia apakah langkah kerajaan untuk menggalakkan mereka yang mempunyai kenderaan persendirian supaya menggunakan pengangkutan awam yang akan dirancang oleh kerajaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sebelum kita dapat menggalakkan orang awam menggunakan kenderaan ataupun pengangkutan awam, yang pertama sekali yang harus dilakukan adalah kita menyediakan kemudahan pengangkutan awam. Dan itulah yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan sama ada oleh pihak kerajaan persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. Tapi seperti yang pernah saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa disebabkankekangan kewangan di pihak Kerajaan Negeri, maka kita amat bergantung pada pihak Kerajaan Persekutuan, untuk melaksanakan pengangkutan awam yang lebih bermutu. Sementara itu untuk membantu Kerajaan Persekutuan, apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah melalui pihak Berkuasa Tempatan, dengan menyediakan bas percuma awam ini.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Puan Speaker. Soalan saya ke-94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PROJEK PENTERNAKAN BABI MODEN**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- Adakah kerajaan masih berhasrat untuk menggerakkan semula projek ini memandangkan ianya akan menyelesaikan masalah pencemaran yang sering mengganggu kesihatan dan kehidupan penduduk di kawasan Kuala Langat?
  - Apakah halangan-halangannya dan apakah cara-cara penyelesaian yang dicadangkan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah ini?

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Kampung Tunku yang bertanya berkenaan dengan *Modern Pig Farming* (MPF). Secara dasarnya, Kerajaan Negeri amat komited untuk meneruskan projek Pernternakan Babi Moden ataupun diistilahkan sebagai *Modern Pig Farming* (MPF) ini memandangkan ia mendatangkan kebaikan kepada semua, termasuk orang umum, termasuk juga penternak dan seterusnya dapat mengatasi isu pencemaran sebagaimana yang telah dibangkitkan. Selaras dengan Pekeliling yang telah pun dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian, bagaimana *Modern Pig Farming* mestilah dilaksanakan dan bermula daripada, dan diberi tempoh selama 3 tahun bermula daripada 2015, mana katanya 2018 tidak ada lagi istilah pemeliharaan khinzir ini yang tidak melalui program ataupun bentuk *Modern Pig Farming*. Untuk pengetahuan Dewan, dan seluruh yang mendengar, Kerajaan Negeri Selangor telah pun mewujudkan satu *term of reference*, berkenaan *Modern Pig Farming* yang akan diadakan di sekitar padang Tumbuk, Mukim Batu, Kuala Langat. Dan seramai 132 penternak dan 137 ladang telah pun dikenal pasti. Dan untuk pengetahuan bahawa program ini berkonsepkan PFI, *Private Finance Initiative*. Dan setakat ini telah ada dua syarikat besar yang berminat dan mereka pun telah selesai membuat *feasibility study* dan akan membentangkan kepada Kerajaan Negeri dalam bulan Disember ini. Dan dalam bulan Januari, kita jangkakan di pihak kerajaan melalui MMKN akan membuat keputusan dan kita jangkakan dalam tempoh 3 tahun, 2015, 16, 17, 2018 kita jangkakan bahawa kita telah pun dapat menyelesaikan isu ini dengan adanya *Modern Pig Farming*. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, tentang projek yang dikatakan akan dijalankan

melalui PFI, *Private Finance Initiative*, saya ingin bertanya apakah rancangan yang ada pada kerajaan sekiranya bulangan penternak yang akhirnya mengambil bahagian dalam PFI ini tidak menepati sasaran yang dikehendaki oleh kerajaan. Dan sekiranya kita tidak ada amaua ataupun penternak yang mencukupi yang mengambil bahagian masalah pencemaran akan terus berlaku, dan ini akan kembali kepada kerajaan juga. Apakah langkah-langkah penyelesaian yang ada pada kerajaan untuk memastikan akhirnya semua peladang dan penternak, semua ladang dan penternak yang terlibat dalam isu ini mereka akan menjalankan projek penternakan moden.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kampung Tunku. Melalui dua syarikat yang telah pun menjalankan *feasibility study* ini, mereka bertanggungjawab sebelum mengemukakan cadangan, mereka telah pun berbincang dengan para penternak dan sebagainya. Mengikut TOR yang telah pun disertakan juga selaras dengan pihak Kementerian, di mana pada satu-satu kawasan *Modern Pig Farming* ini hanya dibenarkan 250 PPS, SPP, *Standing Pig Population*. Dalam masa yang sama mengikut statistik yang dibekalkan oleh Jabatan Veterinar, kita ada sekarang ini ada 287, mungkin ada sedikit lebih. Maka di peringkat syarikat yang membentangkan itu mesti mengemukakan cadangan bagaimana untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang timbul khususnya dalam bab, dalam satu *Modern Pig Farming* ini hanya dibenarkan 250,000 sahaja, walhal kita ada di ketika ini 287. Jadi proses negosiasi di antara syarikat, para penternak telah pun dilakukan. Dan kita sangat teruja untuk mendengar pembentangan laporan yang akan diadakan, tak silap ingatan saya pada 16 Disember ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN:** Terima kasih, Puan Speaker. Memandangkan terdapat dua syarikat besar yang membuat PFI ini, apakah impak kepada pendapatan penternak-penternak ini apabila mereka memindah daripada cara penternakan sekarang kepada cara *Modern Pig Farming* dengan syarikat tersebut.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih pada Bukit Gasing. Sudah pasti dalam proses negosiasi ini, ia akan memberikan kebaikan kepada semua pihak. Kepada semua pihak, termasuklah kita akan melihat berdasarkan pada laporan yang akan dibentangkan bagaimana kebijakan dan juga kepentingan penternak ini dijaga. Termasuklah caj-caj yang akan dikenakan pada penternak. Di peringkat syarikat, boleh mencadangkan tapi di peringkat kerajaan akan menilai, meneliti sejauh manakah mereka tidak hanya berorientasikan keuntungan semata-mata tapi juga menjaga dari sudut kepentingan dengan kewajaran bayaran dan juga tahap keuntungan yang akan di perolehi oleh para penternak.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya, 95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(SELAT KLANG)**

**TAJUK : PAKEJ SEPADU USAHAWAN HINGGA BERJAYA**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Apakah pakej bersepadu yang lengkap untuk menjadikan seorang usahawan sederhana menjadi usahawan yang berjaya?
  - b) Adakah program inkubator di peringkat setiap DUN bagi memastikan potensi setiap DUN boleh dicungkil dan digilap?
  - c) Berapakah peruntukan bagi pembangunan usahawan setiap kawasan DUN?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** *Bismillahir rahmanir rahim,* terima kasih Selat Kelang atas soalan yang ditanyakan. Pertamanya, Speaker, izinkan saya di awal ini untuk memberikan sedikit definisi supaya kita jelas apakah dimaksudkan sebagai usahawan sederhana. Sebab kalau kita ambil takrifan yang diberikan oleh SME Corporation Malaysia, usahawan sederhana adalah usahawan-usahawan yang mempunyai jualan tahunan daripada RM15 juta hingga RM50 juta satu tahun atau daripada 75 hingga 200 orang pekerja. Jualan tahunan daripada tidak melebihi RM20 juta atau RM30 hingga tidak melebih 75 pekerja. Ini takrifan yang diberikan. Maknanya yang di bawah itu kita boleh cerakinkan kepada dua, yang kecil dan mikro. Untuk itu soalan pertama, ada beberapa sifat yang kita kategorikan sebagai pakej lengkap usahawan yang berjaya.

- (i) Mempunyai minat untuk menceburi bidang perniagaan.
- (ii) Mempunyai motivasi untuk berjaya dalam bidang perniagaan atau bidang yang diceburi.
- (iii) Mempunyai dan mempelajari asas-asas perniagaan yang boleh diperolehi daripada pelbagai agensi termasuk daripada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor.
- (iv) Mengikuti perkembangan trend terkini perniagaan seperti perniagaan *on-line* dan

- (v) Mengambil peluang dan ruang pasaran terbuka ataupun *free market*. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan sendiri telah menganjurkan beberapa program termasuk *Seminar ASEAN Economic Community (AEC)*, *Free Trade Agreement (FTA)* dan Taklimat Panduan Pengeksportan.

Untuk soalan yang kedua, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program inkubator. Namun begitu program-program tersebut tidak dipecahkan mengikut kawasan DUN sebaliknya dilaksanakan mengikut daerah kerana penempatan Pegawai-pegawai Penyelaras dan Agensi Pelaksana adalah mengikut daerah seperti Pejabat Tanah Daerah, Pejabat Pertanian Daerah, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah dan Pejabat Perikanan Daerah. Yang Berhormat ADUN bolehlah berhubung melalui agensi-agensi yang terlibat untuk mengesyorkan supaya program-program bermanfaat diusahakan di peringkat DUN dan sekiranya mempunyai potensi yang bersesuaian untuk dipertimbangkan berikut adalah program-program inkubator yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Yang pertama yang akan dilaksanakan :-

- (i) Vendor Inkubator Payung,
- (ii) Subkontraktor Bumiputera
- (iii) Pusat Inkubator Jabatan Pertanian Negeri Selangor, Hulu Langat yang ditanggung sementara pengoperasiannya, ditangguhkan sementara pengoperasiannya.

Manakala perancangannya yang pertama adalah :-

- (i) Pusat Pengumpulan IKS di Daerah Sepang,
- (ii) Pusat Pengumpulan IKS Daerah Kuala Langat,
- (iii) Projek Inkubator Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor,
- (iv) Pusat Jualan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor Daerah Sabak Bernam dan
- (v) Pusat Jualan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor ataupun Daerah Selangor.

Untuk soalan (c), sebab program ini tidak diagihkan mengikut DUN maka kita tak boleh cerakinkan atau pecahkan ikut DUN namun saya lampirkan di sini ada 7 jabatan yang mempunyai peruntukan-peruntukan tertentu untuk Program Pembangunan Usahawan tahun 2014.

- (i) Seksyen Sektoral, sebanyak RM2.2 juta,
- (ii) Jabatan Pertanian Negeri Selangor RM1.2 juta,
- (iii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor RM1.45 juta
- (iv) SkimSel mempunyai RM2 juta
- (v) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bernilai RM3.89 juta

Semuanya berjumlah RM10.751 juta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 96

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : URUS TADBIR BAIK NEGERI**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- (a) Apakah perancangan Dato' Menteri Besar untuk memastikan urus tadbir baik Kerajaan Negeri?
  - (b) Bagaimanakah untuk memastikan elemen integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran negeri sekarang?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat Kota Damansara. Izinkan saya menjawab persoalan yang dibangkitkan berhubung pendirian Kerajaan Negeri dan komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan urus tadbir yang baik. Pentadbiran Kerajaan Negeri berikrar untuk membudayakan nilai integriti, kebertanggungjawaban dan tata kelola yang baik dalam pentadbiran. Semua anggota perkhidmatan awam dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri perlu mempunyai jati diri merangkumi sikap amanah, keterbukaan dan ketelusan. Selain itu, kita sedia maklum Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat sebagai usaha untuk membolehkan rakyat mendapatkan akses maklumat secara munasabah dari setiap jabatan Kerajaan Negeri bagi menunjukkan ketelusan dan pentadbiran amanah. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum ini turut telah mengarahkan supaya

Jawatankuasa PAC bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri Selangor untuk memantau teguran Ketua Audit Negara ke atas semua Jabatan dan Agensi Negeri untuk memastikan setiap jabatan mengamalkan tata kelola yang baik, berhemah dan berintegriti dalam mengendalikan urusan kewangan dan proses tender. Integriti dan akauntabiliti merupakan asas kepada sebuah tadbir urus yang baik. Justeru itu, Kerajaan dalam usaha memantapkan integriti telah mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam yang menggabungkan Pegawai SPRM dengan Pegawai Agensi dalam menguruskan integriti secara lebih fokus, terancang, menepati keperluan dan kesesuaian Agensi. Terdapat dua seksyen di bawah Unit Integriti :-

- (i) Seksyen Pengukuhan Integriti, Tadbir Urus dan Pematuhan yang bertanggung jawab dalam memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
- (ii) Seksyen Pengesanan dan Pengesahan, Tatatertib dan Pengurusan Aduan pula yang menjalankan fungsi mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi.

Untuk memperkuuhkan lagi usaha ini dalam ucapan Belanjawan yang dibentangkan 24 November yang lalu, Kerajaan Negeri bercadang untuk menuuhkan Pejabat Integriti Negeri Selangor dan mewujudkan Pegawai *Embarkment* yang bertugas untuk menyiasat aduan awam selari dengan dasar Kerajaan Negeri yang berpegang kepada prinsip pentadbiran yang bersih dan berintegriti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan Ijok nombor 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : PERUMAHAN**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkat pembinaan rumah kos rendah di kawasan Kuala Selangor khususnya di Ijok.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. *Bismillahir rahmannir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat

pagi. Untuk menjawab soalan Ijok, Kerajaan Negeri tidak ada satu program yang khusus untuk DUN Ijok sahaja tetapi setakat ini projek-projek mampu milik yang telah diluluskan di kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor termasuk di Ijok adalah sebanyak 5 projek dan 1,713 unit. Ia adalah oleh pemaju Sri Istana Sdn. Bhd itu projek Sri Pristina, Mukim Ijok, 405 unit, *Gold Page Asset Sdn. Bhd*, mukim Kuala Selangor, Pekan Pasir Penampang, yang ini kita belum muktamadkan lagi jumlah unit. Yang keduanya adalah yang seterusnya di *Sun Sin Hin Development Sdn. Bhd* di mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor, 34 unit, yang seterusnya adalah yang masih tertangguh lagi *Puncak Alam Resources jv dengan TM Facilities Sdn. Bhd* di mukim Ijok dan mukim Jeram, di bandar Puncak Alam daerah Kuala Selangor sebanyak 1034 unit, dan seterusnya adalah *Perfect Eager Development Sdn. Bhd*, mukim Ijok daerah Kuala Selangor sebanyak 180 unit. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan. Ijok ingin tanya yang telah disenaraikan ialah rumah mampu milik. Saya nak tanya rumah kos rendah.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Rumah kos rendah dan rumah mampu milik sekali iaitu type A hingga type D.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya nombor 98.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHRU)**

#### **TAJUK : JAWATANKUASA PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI (JPPT)**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - (a) Senaraikan mesyuarat JPPT yang diadakan pada tahun 2014
  - (b) Nyatakan mesyuarat JPPT yang membincangkan projek perumahan terbengkalai di Lembah Beringin sejak tahun 2011
  - (c) Adakah JPPT mengambil tindakan terhadap projek yang hampir terbengkalai seperti projek Taman Desa Bukit Bujang, Ampang Pecah?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan

Projek Terbengkalai (JPPT) adalah sebanyak sepanjang 2014 adalah sebanyak 7 kali, iaitu 29 Januari, 14 Februari, 4 April, 6 Jun, 21 Julai, 5 September, 17 November. Ia merangkumi sebanyak 22 projek dan menurut rekod yang terkini adalah 9 projek telah siap, bukan siap, telah ada penyelesaiannya. 8 projek terdapat sedang berlaku rundingan sama ada di antara pemaju ataupun peliquidasi bersama dengan pemaju penyelamat atau bersama dengan pembeli-pembeli rumah. Tentang projek Lembah Beringin, dia merupakan Projek Berlesen dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dikategorikan sebagai Projek Terbengkalai oleh KPKT pada 31 Disember 2001. Memandangkan projek ini di bawah pemantauan KPKT dari masa ke semasa, maka mesyuarat secara berkala diaturkan oleh KPKT bagi membincangkan pemuliharan projek-projek ini. Berdasarkan status ini projek ini telah dijual oleh peliquidasi iaitu *Federal Hockson Sdn. Bhd* kepada Tetuan Punari Sdn. Bhd melalui proses tender. Tetuan Punari Sdn. Bhd akan bertanggungjawab dalam usaha memuliharkan semula projek terbengkalai dan menyelesaikan masalah pembeli. Walau bagaimanapun, pembida daripada pihak lain telah melahirkan ketidakpuasan hati dan mempertikaikan proses penjualan tanah ini dibuat oleh peliquidasi maka pembida daripada pihak lain telah memfailkan permohonan ke mahkamah bagi mencabar keputusan pembelian yang dibuat oleh Tetuan Punari Sdn. Bhd. Sehubungan dengan kes tersebut mahkamah telah menetapkan tarikh kes perbicaraan pada bulan April 2015 bagi menentukan keputusan kes tersebut. Ini telah menyebabkan usaha untuk meneruskan projek itu terpaksa ditangguhkan sehingga satu keputusan dibuat oleh pihak mahkamah. Tentang projek pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang, Kampung Ampang Pecah Kuala Kubu Baharu daerah Hulu Selangor yang dimajukan oleh *ARK Development Sdn. Bhd*, ia nya adalah bukan di bawah tindakan dan pemantauan JPPT tetapi memandangkan isu ini berkaitan dengan permohonan pemberimilikan tanah ke atas 77 plot unit yang berstatus Tanah Kerajaan daripada pemaju *ARK Development Sdn. Bhd*. Sehubungan dengan itu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 23 Oktober 2014 telah meluluskan permohonan pemberimilikan tanah kepada pemaju *ARK Development Sdn. Bhd* ke atas 77 plot yang terdiri daripada 64 unit yang telah siap dibina namun Sijil Layak Menduduki belum dikeluarkan manakala 13 plot telah siap dibina dengan Sijil Layak Menduduki dengan dikenakan kadar premium pada harga pasaran. Selain itu *ARK Development Sdn. Bhd* hendaklah membina dan menyiapkan tangki air mengikut keperluan dan ulasan terkini SY.A.B.AS bagi keseluruhan fasa 1. Selain dari itu, baki pemberimilikan ke atas 70 lot perumahan, 60 unit kedai dan stesen minyak dalam fasa 1 hanya didaftarkan setelah infrastruktur dan tangki air disiapkan dalam masa 6 bulan selepas Borang 5A dikeluarkan. Perkara ini telah disampaikan kepada pihak *ARK Development* dan mereka telah bersetuju dengan syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya, terima kasih. Soalan tambahan. Projek terbengkalai itu ada 2 jenis. Satu ialah projek tersebut belum siap langsung dan tidak

boleh diduduki oleh penduduk dan satu lagi ialah sebahagian penduduk boleh berpindah masuk ke projek tersebut dan mempunyai CF. Sekarang ialah, masalah yang dihadapi oleh penduduk ialah jenis yang kedua iaitu mereka pindah masuk tetapi semua kemudahan awam seperti longkang, jalan dan lampu jalan, begitu juga dengan sistem pembetungan tidak diserahkan kepada Kerajaan Tempatan atau agensi berkenaan. Jadi mereka tidak dapat menikmati kemudahan tersebut dengan baik. Adakah Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai itu juga bermesyuarat mengenai bagaimana projek terbengkalai itu boleh menyiapkan kemudahan-kemudahan tersebut untuk penduduk di sana. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Projek Bukit Bujang ataupun Kampung Bukit Bujang ini bukanlah di bawah JPPT. Ia adalah *straight forward* di bawah dengan izin *ARK Development* yang mana kita telah mensyaratkan supaya *ARK Development* menyiapkan infrastruktur barulah kita akan bagi mereka Sijil atau Hak Milik Tanah. Ini yang kita pegang kepada mereka, kita tak bagi terus Hak Milik Tanah sehingga mereka siapkan segala kerja-kerja infrastruktur tersebut.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker. Yang saya nak tanyakan tu bukan Taman Desa Bukit Bujang, yang saya nak tanya tu ialah projek yang sebesar macam Lembah Beringin di mana terdapat lebih daripada 180 rumah diidami oleh penduduknya tapi sebahagian besar yang tadi Y.B. EXCO sudah jawab katakan masih terbengkalai. Ini menyebabkan masalah seperti *Indah Water* belum lagi memberi perkhidmatan mereka kepada penduduk tersebut dan saya sendiri kena mengeluarkan peruntukan saya untuk memperbaiki tempat-tempat yang tersumbat semasa banjir. Kumbahan tu masuk ke rumah orang yang mendiami tempat tersebut.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih, masalah ataupun projek Desa Bukit Bujang ini adalah penyakit dia sama dengan projek-projek yang sewaktu dengan dia. Ia nya adalah pembesaran kampung. Dalam kebanyakan pembesaran kampung yang dibuat di bawah pentadbiran yang dulu, diberikan kepada JKKA dan apabila disiapkan projek itu dia tidak masukkan kos untuk infrastruktur. Jadi apabila dijual kepada pembeli-pembeli, tidak termasuk kos infrastruktur dan ia nya tidak disiapkan. Sekarang ini ada 5 projek pembesaran kampung, ada lebih daripada itu sebenarnya tapi 5 projek pembesaran kampung yang sekarang kita bincangkan di bawah PKNS di mana kita akan lihat kembali, kita akan siapkan di mana kos infrastruktur itu kita akan perolehi melalui penjualan lot-lot yang belum dijual lagi. Jadi bermakna yang ini sedang berjalan, bermakna kita akan guna kos tambahan daripada penjualan lot-lot yang tidak dijual itu untuk memajukan infrastruktur. Contohnya seperti di Bukit Bujang, Desa Bukit Bujang ni ada lot-lot

yang tidak terjual lagi. Jadi kita boleh guna pulangan daripada lot-lot yang tidak terjual itu, mungkin dinaikkan harga untuk menyelesaikan masalah infrastruktur tersebut.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terdapat satu projek *joint venture* PKNS dengan sebuah syarikat kalau tak silap pemunya nya adalah bekas pusat Menteri di Setia Alam...

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik, yang itu soalan spesifik. Tak berkenaan dengan soalan pokok.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terbengkalai, terbengkalai.

**TUAN SPEAKER:** Tak boleh macam itu sebab projek spesifik itu memerlukan info untuk EXCO menjawab.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya rasa tak spesifik sangat. Cuma nak tanya apakah tindakan kerajaan untuk bantu untuk pastikan projek ini dapat dilaksanakan. Ini projek dalam kerajaan kita terbengkalai. Projek baru.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Projek kalau terbengkalai kita masuk bawah JPPT la. Bermakna kita akan bincangkan cara-cara untuk kita selesaikan masalahnya. Saya rasa adakah masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adakah sebab projek itu tak siap atau kualiti projek tersebut. Ada dua benda berbeza.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kedua-dua sekali. Tak siap dan kualitinya rendah.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Jadi bermakna bahawa ini bawah JPPT la. Maknanya kita selesaikan bawah Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Tuan Speaker soalan no. 99.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PEMBINAAN MASJID**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah pembinaan masjid pada setiap tahun dan adakah masih terdapat projek terbengkalai.
  - Apakah status projek pembinaan Masjid Zakaria di Gombak?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Gombak Setia bertanyakan berkaitan pembinaan masjid. Jumlah pembinaan masjid pada setiap tahun bermula dari tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti berikut. Tahun 2011 2 buah. Tahun 2012 3 buah. Tahun 2013 2 buah. Tahun 2014 4 buah. Mengikut rekod, tiada projek yang dikategorikan sebagai projek terbengkalai. Walau bagaimanapun, terdapat 2 projek yang dikategorikan sebagai projek sakit iaitu projek Masjid Ukay Perdana (Gombak) dan Masjid Al-Islah Sementa (Klang). Untuk projek pembinaan masjid Zakaria di Gombak status pada masa ini Cadangan Pembinaan Masjid Zakaria ialah dalam proses pengambilan tanah untuk laluan jalan masuk seperti mana yang telah saya jawab ketika Gombak membahaskan dalam perbahasan belanjawan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B.. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan no. 100.

**TUAN SPEAKER:** Ya pihak kerajaan. Soalan no.100.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: TREK BASIKAL DI BANDAR SHAH ALAM**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sejauh mana keberkesanan pembinaan trek basikal di Bandar Shah Alam?
  - Berapakah purata pengguna trek basikal dalam tempoh sebulan?
  - Senaraikan program-program yang dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi membudayakan aktiviti berbasikal?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Pada tahun 2012, MBSA telah membina trek basikal yang berasingan dari jalan raya sejauh 10km dengan lebar trek 12 kaki dan kos hampir RM5 juta. Ia bukan sahaja untuk trek basikal tetapi juga adalah untuk pejalan kaki. Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, penggunaan trek basikal nampak ketara pada hari Jumaat dan cuti hujung minggu khususnya di Pusat Bandar yang digunakan oleh warga Shah Alam, pelajar-pelajar dari Universiti Madinah dari kawasan sekitar Seksyen 3, 4, 6, 7, 8 dan 9 serta warga kerja dari pejabat kerajaan dan swasta yang menggunakan trek tersebut untuk berjalan kaki ke pusat Bandar. Bagi keluarga yang menggunakan trek basikal in mereka merasakan lebih selamat kerana ia jauh dari laluan trafik yang membahayakan mereka. Oleh itu, MBSA yakin bahawa penggunaannya akan terus meningkat dengan kemajuan pesat bandar Shah Alam di mana pelajar-pelajar daripada sekolah antarabangsa, SOHO dan DEMC di pusat bandar yang akan menyumbangkan kepada keberkesanan pembinaan trek basikal ini. Di samping itu, pihak Tourism Selangor dengan kerjasama MBSA juga telah membincangkan ‘buggy tour’ melalui trek basikal dan pedestrian di sekeliling pusat bandar dan Taman Tasik Shah Alam. Program pembinaan trek basikal dan pedestrian ini akan diteruskan lagi pada tahun 2015 yang akan menghubungkan Stadium Shah Alam dari pusat bandar dengan jarak 10 KM dan anggaran kos RM7 juta.

Pada masa ini MBSA belum membuat kajian terperinci purata bulanan terhadap jumlah penggunaan trek basikal Shah Alam. Walau bagaimanapun MBSA mengambil maklum perkara ini dan akan membuat kajian tersebut pada tahun 2015.

Pihak MBSA telah menganjurkan program-program berkaitan aktiviti berbasikal dengan kerjasama pihak NGO, swasta dan agensi lain pada tahun 2013 dan 2014. Pada tahun 2013 sebanyak 13 aktiviti telah diadakan. Pada tahun 2014 sebanyak 11 aktiviti telah diadakan. Sekian.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali dulu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya ingin bertanya di sini pada 30 Mei 2014, Dato' Mohd Jaafar Mohd Atan selaku Dato' Bandar ketika itu menyatakan bahwasanya terdapat persetujuan dengan Sime Darby untuk memanjangkan trek basikal sejauh 90 KM. Saya ingin bertanya di sini apakah statusnya setakat hari ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, isu ini terlalu spesifik, saya perlu sedikit masa untuk mengambil maklumat dari pihak MBSA dan saya akan jawapan lisan kepada Yang Berhormat Batang Kali.

**TUAN SPEAKER:** Kalau kenyataan itu dibuat oleh pihak EXCO saya boleh minta jawapan *on the spot* tetapi dibuat oleh Dato' Bandar kena bagi masa kepada pihak kerajaan untuk mendapatkan jawapan ya Batang Kali. Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya soalan tambahan saya. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk buat laluan trek basikal ini di Kajang juga memandangkan persekitaran memandangkan MRT akan siap dan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas orang digalakkan berbasikal ke stesen. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Kajang. Pendirian saya memang saya suka PBT untuk membuat trek basikal di kawasan PBT dan juga tempat yang boleh menghubung kepada kemudahan awam seperti sekolah, hospital, stesen dan sebagainya tapi ini bergantung pada status kewangan PBT masing-masing. Tapi kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian ada cadangan di kawasan-kawasan yang spesifik bolehlah kemukakan cadangan kepada PBT dan juga Kerajaan Negeri. Kita boleh mempertimbangkan.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda. Soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan101.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI DILIHAT TIDAK  
MENYUMBANGKAN ATLET KE PERINGKAT NASIONAL.**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah masalah utama yang dihadapi persatuan sukan di Selangor Huraikan.
- b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan memandangkan banyak kemudahan sukan ada di negeri Selangor. Huraikan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sri Muda yang sentiasa muda dan bertanya soalan fasal orang muda. Soalan pertama, melalui maklumat yang kita perolehi daripada Majlis Sukan Negeri Selangor yang bergabung dengan 40 persatuan sukan negeri yang berprestasi tinggi dalam Majlis Sukan Negeri Selangor terdapat 3 permasalahan utama yang sedang dihadapi oleh Majlis Sukan Negeri

Selangor dan persatuan-persatuan secara keseluruhannya. Pertama, melibatkan peruntukan kewangan kerana program kesukaran ini memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi dan tidak dapat menunjukkan hasilnya dalam tempoh yang singkat. Peruntukan-peruntukan itu akan diperlukan untuk melaksanakan program-program pencarian bakat baru, latihan pusat, pengajuran program, menyertai kejohanan, pembelian peralatan latihan dan kejohanan mengikut teknologi terkini serta program-program binaan yang perlu untuk melahirkan atlet berprestasi tinggi. Yang kedua, pada masa ini Majlis Sukan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang kemudahan sukan yang dimiliki seterusnya oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor dan pada masa sekarang pihak Majlis Sukan Negeri Selangor terpaksa menyewa dan menyesuaikan keadaan latihan bagi atlet-atlet yang kebanyakannya di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan universiti dan terpaksa pula mengeluarkan kos yang tinggi untuk menyewa tempat-tempat kemudahan sukan yang sebahagian besarnya dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak swasta atau pun pihak-pihak syarikat persendirian. Namun begitu melalui Majlis Sukan Negeri Selangor kita telah menubuhkan Majlis-majlis Sukan Daerah dengan kerjasama oleh pihak PBT dan diharapkan selepas ini pihak PBT akan mengenakan kos yang minimum untuk memastikan program sukan ini dapat digerakkan dengan lebih hebat dan cemerlang. Yang ketiganya, program pembangunan yang tidak berterusan. Ini disebabkan oleh adanya program pembangunan di peringkat persekutuan seperti sekolah-sekolah sukan. Justeru sekolah-sekolah sukan ini akan menarik bakat-bakat yang sangat baik dari setiap negeri dan dikumpulkan di sekolah-sekolah sukan tertentu seperti Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Sukan Bandar Penawar yang akhirnya akan mengurangkan bakat-bakat di peringkat negeri dan memberikan kesan sebab *sparing partner* dengan izin atau rakan latihan mereka itu di kalangan par yang rendah dan menyebabkan prestasi sebahagian atlet kita di peringkat negeri sukar untuk dibangunkan dengan lebih berkesan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi soalan B pula pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui MSN sentiasa akan bekerjasama dengan semua pihak. Termasuk dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksanakan program-program pembangunan sukan memandangkan kemudahan sukan banyak di negeri Selangor. Walau bagaimanapun kebanyakan kemudahan sukan ada di negeri Selangor tidak berada dalam keadaan baik dan lengkap dan *Insya-Allah* melalui peruntukan baru dan hasrat Kerajaan Negeri yang baru melalui penubuhan Perbadanan Aset Sukan Negeri kita akan mampu untuk melaksanakan atau memastikan pembangunan atau naik taraf kemudahan-kemudahan sukan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan boleh digunakan oleh semua. Untuk menjawab tajuk soalan ini saya kira negeri Selangor masih lagi merupakan mesin penting untuk mengeluarkan atlet-atlet kerana kalau saya boleh senaraikan di sini daripada 5 pingat emas yang disumbangkan atlet-atlet negara, dua pada Sukan Asia 2014 di Incheon, dua daripadanya datang dari negeri Selangor iaitu dari sukan karate-do iaitu Syakila Salmi binti Jefri Krisnan, melalui sukan perahu layar orang Batu Laut Ahmad Syukri bin Abdul Aziz dan Mohd Farizal Norizan. Di saat dikatakan bola sepak negara atau

pun negeri Selangor juga masih dianggap tidak baik dan cemerlang pada ketiga ini 12 pemain daripada 22 pemain Harimau Muda C datangnya dari negeri Selangor. Jadi saya boleh katakan kita banyak menyampaikan atlet kita tapi bertindak di peringkat pusat namun ada kesan pada program pembangunan di peringkat negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, soalan 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN YEO BEE YIN**  
**(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: BIASISWA MENTERI BESAR**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Biasiswa Menteri Besar akan ditawarkan seperti yang dijanjikan di Manifesto Pakatan Rakyat Selangor?
- b) Apakah status penubuhan biasiswa tersebut?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Damansara Utama. Dukacita saya memaklumkan bahawa cadangan penubuhan biasiswa Menteri Besar tidak pernah dibawa ke pihak Perbendaharaan Negeri untuk dibincangkan dan diperhalusi berhubung prosedur dan tatacara pelaksanaan sehingga hari ini tidak ada mekanisme yang telah dirangka bagi melaksanakan program biasiswa tersebut. Ada kenyataan-kenyataan yang dibuat sebelum ini yang sekadar menyebut ia akan dibiayai oleh MBI namun tidak ada mekanisme dan tatacara yang jelas tentang pelaksanaan biasiswa berkenaan. Sebab itu saya tidak dapat memberikan status penubuhan biasiswa tersebut kerana ia tidak pernah dibawa dalam perbincangan dengan pihak Perbendaharaan. Walau bagaimanapun menyedari perkara ini yang telah diberikan dan disampaikan pada Kerajaan Negeri seperti yang telah saya umumkan dalam belanjawan 2015 Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk memberi fokus tentang program-program biasiswa. Pertama, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan tabung kumpulan biasiswa negeri Selangor yang berjumlah RM16 juta dan juga program hadiah anak masuk universiti yang berjumlah RM8 juta. Selain itu juga kita telah memperkenalkan biasiswa untuk anak-anak daripada desa yang berpendapatan rendah yang berjumlah RM10 juta setahun dan Kerajaan Negeri memperkenalkan dana bantuan sara diri anak Selangor, satu program baru berjumlah RM12 juta setahun. Selain daripada itu seperti yang telah saya umumkan Kerajaan Negeri akan membentuk *brain bank* dengan mengadakan sejumlah 10

biasiswa bagi pengajian bidang strategik dan kritikal di peringkat PhD dengan memperuntukkan RM5 juta dan Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM2 juta khusus bagi program pengajian tahliz Al-Quran dan Al-Qiraat yang ditawarkan oleh KUIS. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Mungkin perkataan yang kita guna adalah *different* tapi ini ada dalam manifesto Pakatan Rakyat untuk Pilihan Raya ke-13. Jadi saya nak dapatkan penjelasan bahawa boleh tak *you just change the name or whatever but we need to fulfill the whatever*.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama. Saya dimaklumkan memang perkara ini terkandung dalam manifesto Pakatan Rakyat. Namun sebarang manifesto yang ditawarkan mestilah dibawa ke meja perbincangan dengan pegawai dan jabatan yang berkenaan supaya apa yang telah kita janjikan itu dapat dilaksanakan bergantung pada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Sebab itu saya nyatakan tadi perkara ini tidak berlaku walau pun ianya sebahagian daripada manifesto. Namun ianya tidak pernah dibawa perbincangan dengan Perbendaharaan Negeri dan ianya menyebabkan sehingga hari ini tidak ada satu peruntukan yang jelas, tidak ada tatacara dan mekanisme yang jelas untuk melaksanakan manifesto tersebut. Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya umumkan dalam Belanjawan 2015, walau pun tidak disebut sebagai program Biasiswa Menteri Besar tetapi kandungan program tersebut jelas menunjukkan sejumlah peruntukan yang cukup besar diberikan tumpuan untuk menyediakan biasiswa bagi mahasiswa kita di Unisel dan KUIS selain daripada program untuk membesarkan BRIM Bank dan program-program tertentu dalam bidang-bidang strategik dan kritikal untuk program PhD. Jadi penjenamaan itu boleh kita pertimbangkan untuk menamakan biasiswa Menteri Besar tetapi bagi saya pengisian itu yang lebih penting untuk dilaksanakan setelah beberapa tahun kita tawarkan program ini kepada rakyat, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya tentang BRIM Bank yang berjumlah RM5 juta yang dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi. Siapakah jawatankuasa yang akan tetapkan dan bilakah ini akan bermula untuk dilaksanakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pelaksanaan program ini akan bermula awal tahun 2015 dan mekanismenya akan diperincikan dalam satu jawatankuasa tertinggi Kerajaan Negeri yang saya umumkan pada hari Jumaat yang lalu untuk memantau pelaksanaan semua program-program yang telah kita umumkan dalam Belanjawan

2015. Dalam konteks penganugerahan biasiswa untuk membesarakan BRiM Bank ini, ianya adalah sebahagian daripada jadual kerja yang telah kita tetapkan untuk memastikan ada satu garis panduan yang jelas dan dianggotai oleh jawatankuasa tertinggi pendidikan bagi menganjurkan program yang berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker. Memandangkan di bawah Vot Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dengan 4100 dengan tajuk Biasiswa dan Mahasiswa dan Bantuan tapi *figure* yang ditunjukkan hanya RM10 sahaja. Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah sama ada Kerajaan Selangor akan mengkaji supaya memastikan manifesto Pakatan Rakyat itu dipenuhi, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya rasa sudah dijawab tadi, kerajaan akan mengadakan mesyuarat dengan satu jawatankuasa tertinggi Kerajaan Negeri. Yang Berhormat semua, bukan saya tidak hendak bagi peluang untuk tanya soalan tambahan tapi saya memang mahu mendapatkan kerjasama semua Ahli Dewan Negeri supaya soalan tambahan itu benar-benar soalan tambahan yang berkaitan dengan soalan pokok. Jangan tanya *don't ask for the sake of asking*, ok? Paya Jaras, tidak hadir. Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK:** Terima kasih Puan Speaker, soalan 104.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PENASIHAT EKONOMI NEGERI SELANGOR**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah elaun setiap bulan yang dibayar kepada beliau?
- b) Berapakah pegawai yang bertugas di pejabatnya?
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan yang perlu dibayar untuk pengurusan pejabatnya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker dan Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Seperti Yang Berhormat Puan Speaker sedia maklum, perkara ini telah pun berbangkit dalam sesi minggu lepas dan saya telah memberikan jawapan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Puan Speaker, soalan 105.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : BELANJAWAN MBPJ 2015**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pecahan belanjawan 2014 dan 2015?
- b) Berapakah yang diperuntukkan untuk pembangunan baru infrastruktur 2015 berbanding 2014?
- c) Berapa yang dibelanjakan dan nyatakan pulangan penganjuran fiesta/festival antarabangsa tersebut.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Puan Speaker, terima kasih kepada Taman Medan. Pada 2014 jumlah hasil untuk MBPJ (Majlis Bandar raya Petaling Jaya) jumlah hasil ialah sebanyak RM304,998,280. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM324,319,890. Bagi tahun 2015 jumlah hasil adalah RM325,859,200. Jumlah perbelanjaan adalah RM371,721,460. Pecahan saya akan bagi secara lisan kerana banyak angka-angka. Peruntukan untuk permohonan infrastruktur berbanding di antara 2014 dengan 2015 untuk 2014 adalah sebanyak RM21,886,020. Bagi 2015 adalah sebanyak RM25,098,010. Ada tambahan sebanyak RM3,211,990. Perbelanjaan bagi penganjuran PJ *International Fair* 2014 iaitu Forlow Festival adalah sebanyak RM439,600 sekian.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya difahamkan peruntukan bagi pembangunan 2013 tidak dihabiskan. Adakah perkara ini berlaku pada 2014 dan apakah sebab ia berlaku demikian.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Puan Speaker, untuk menjawab soalan daripada Taman Medan saya tidak ada maklumat tentang angka-angka yang

digunakan pada 2013 dan juga 2014 yang ada baki dia. Tapi saya akan memberitahu MBPJ supaya dapatkan maklumat kepada saya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan, saya lihat perkara ini sangat serius, setiap kali permintaan atau pun aduan infrastruktur dikemukakan kepada pihak PBT, jawapan yang sering diberi adalah tidak ada peruntukan. Jadi itu pertanyaan saya sama ada peruntukan untuk pembangunan itu telah digunakan sepenuhnya atau pun masih ada lebihan bagi tahun-tahun 2014, 2013.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Bagi status kewangan di MBPJ memang *stable* dan ada juga *reserved* yang banyak. Saya rasa bagi MBPJ bukan masalah untuk MBPJ mengeluarkan peruntukan bagi menaiktarafkan di kawasan-kawasan ....

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Puan Speaker ...

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Maaflah saya tak dengar apa dia cakap. Sebab macam dia berbisik berdua saja, minta maaf ya.

**TUAN SPEAKER:** Kuat sikit Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya rasa di kawasan MBPJ tidak ada masalah kerana status kewangannya amat kukuh. Jadi tidak ada masalah untuk cadangan daripada Yang Berhormat untuk memberi peruntukan untuk menaiktarafkan infrastruktur di kawasan operasi MBPJ. Tapi untuk makluman secara spesifik tidak ada dalam jawapan saya, itu yang saya tak dapat untuk menjawab soalan daripada Taman Medan.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datuk, tidak hadir. Selat Kelang.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Puan Speaker, saya mohon untuk ambil soalan Teluk Datuk sebab ...

**TUAN SPEAKER:** Saya sudah panggil Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 107.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(SELAT KLANG)**

**TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI DAN TAMAN PBT PERLU PENYELENGGARAAN BERJADUAL**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan MPK untuk penyelenggaraan dewan orang ramai Telok Pulai?
- b) Bagaimana Kerajaan Negeri boleh memastikan dewan-dewan MPK di selenggara dengan baik bagi kepentingan awam?
- c) PBT kerap mengadu tidak cukup peruntukan untuk mengurus taman permainan. Apa peranan Kerajaan Negeri?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Puan Speaker untuk menjawab soalan daripada Selat Kelang, peruntukan Majlis bagi tujuan penyelenggaraan kerja-kerja sivil di dewan orang ramai Teluk Pulai adalah sebanyak RM180,668.00 bagi 2015. Pasukan untuk pembersihan dewan adalah secara *in-house* setiap hari. Pihak Majlis Perbandaran Klang menyediakan jadual penyelenggaraan secara berkala yang meliputi kerja-kerja pemberian, pembersihan awam, keselamatan dan persekitaran dewan di semua dewan majlis bagi memastikan dewan-dewan MPK di selenggara dengan baik. Terdapat 891 padang permainan yang bersaiz di antara 0.2 hingga 4 ekar di bawah kawasan pentadbiran MPK yang mempunyai kos penyelenggaraan yang tinggi. Dan peruntukan kos mengurus taman permainan Majlis adalah sebanyak RM632,280 setahun, sekian.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Puan Speaker, soalan tambahan yang saya hendak *highlight* kan ialah pengadu selalu mengatakan masalah yang berada di taman permainan kanak-kanak yang mengancamkan keselamatan anak-anak yang memerlukan taman itu, yang hanya sedikit tetapi yang selalu disebutkan oleh MPK ialah tak ada bajet. Jadi soalan saya daripada segi peruntukan bajet adakah ia menjadi *priority* dalam pengagihan bajet itu. Begitu juga dewan orang ramai, adakah masalah seperti siling nak jatuh dan sebagainya tidak menjadi *priority*.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Selat Kelang, memang saya tidak menafikan bahawa ada kelemahan dari segi *maintenance* oleh Majlis. Kalau Yang Berhormat menghadapi masalah tentang isu begitu, sila bagi saya tempat dan juga masalah spesifik supaya saya boleh meminta MPK untuk mengambil tindakan dengan segera.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 108 telah dijawab sekali dengan 37. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan saya nombor 109.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM PENINGKATAN HASIL PADI**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan akan meneruskan program peningkatan hasil padi.
- b) Apakah langkah-langkah untuk menambah baik program ini.
- c) Berapa peruntukan disediakan untuk program ini.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Puan Speaker terima kasih kepada Kota Anggerik yang bertanya. Untuk menjamin hasil pengeluaran padi yang merupakan *food security* secara berterusan, maka program peningkatan hasil padi di Negeri Selangor diteruskan di mana insentif disalurkan kepada pesawah untuk meningkatkan purata hasil kepada 7.5 metrik tan sehektar. Bagi program ini peningkatan hasil padi adalah memberangsangkan di mana purata hasil padi di Negeri Selangor adalah yang tertinggi di Malaysia iaitu pada kadar 6.4 metrik tan per hektar. Manakala program *natural farming* membantu dalam mengurangkan kos operasi petani serta menjana pendapatan petani hasil daripada jualan produk *natural farming*. Dalam masa yang sama, langkah-langkah untuk menambah baik program ini adalah yang pertamanya meningkatkan aktiviti meningkatkan hasil padi iaitu dengan pengamalan pakej teknologi padi. Keutamaan kepada pengamalan teknologi *Rice Check* di mana tumpuan diberikan kepada penggunaan *transplanter* dan benih CL bagi kawalan padi angin dan benih. Perataan tanah untuk penapakan dan untuk pengurusan air sawah, pembajaan dan pengurusan rosak bersepadu IPM. Yang keduanya Perladangan Persis, membangun dan menilai teknologi pengurusan tanaman padi yang bersesuaian dan ke arah amalan pertanian yang baik.

Ke arah itu data asas dan maklumat kesuburan tanah dikumpulkan dan di analisa untuk mengetahui tahap kesuburan tanah masa tersebut. Dan aktiviti tanaman padi dipantau dengan menggunakan teknologi pertanian Persis atau teknologi *Remote Sensing* yang menggunakan teknologi satelit. Yang ketiga pengurusan perosak bersepadu, salah satu faktor yang mempengaruhi peningkatan hasil padi adalah pengurusan perosak dan penyakit tanaman padi. Keadaan ini memerlukan pemerhatian dan penumpuan khusus kepada pengurusan secara bersepadu perosak dan penyakit terutamanya bila waktu wabak.

Yang keduanya Puan Speaker, automasi dan juga mekanisasi iaitu meluaskan penggunaan mesin jentera oleh pesawah. Yang ketiga pembangunan institusi petani, memperkasakan modal insan dan meningkatkan keupayaan R&D pegawai

dan petani dalam sektor tanaman padi melalui latihan amali, teori dan juga oleh pakar. Juga melalui kursus *hands on*, lawatan, seminar dan sesi kerja. Yang keempat pengurusan berpusat padi. Menggalakkan pesawah dalam satu kawasan atau blok untuk bergabung dan bergabung berfungsi sebagai satu unit pengeluaran supaya semua aktiviti berkaitan tanaman padi dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Serta menggalakkan penubuhan kumpulan-kumpulan pesawah yang mengamalkan Pertanian Lestari. Pesawah akan diberikan insentif berdasarkan kecekapan pengurusan yang mematuhi 10 faktor penentu meningkatkan hasil padi dan aktiviti pertanian lestari serta persijilan Amalan Pertanian Baik atau pun dikenali sebagai *MyGap*.

Soalan C bagi peruntukan program ini pada 2014 adalah seperti berikut bagi daerah Sabak Bernam peruntukan pembangunan RM151,489 dengan peruntukan mengurus RM1,253,205. Kuala Selangor bagi peruntukan pembangunan RM80 ribu, peruntukan mengurus RM925,425 dan menjumlahkan keseluruhan peruntukan pembangunan RM231,489 dan peruntukan mengurus RM2,178,630. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan saya kepada ECXO Pertanian ada berkaitan dengan benih padi, CL 1 yang dikatakan tadi CL 1 atau MR 220 padi kebal. Sudah lebih dari tiga musim ditanam dan di kawasan Sabak Bernam lebih dari tiga musim telah ditanam dan saya nampak untuk mengatasi masalah padi angin ini nampaknya lebih tiga musim sudah ada masalah sekarang nampaknya masalah itu sudah mula kembali mengatasi masalah padi angina. Apakah perancangan kerajaan untuk mengatasi padi angin atau meneruskan penanaman benih padi CL 1 kerana sudah nampak ada masalah terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sekinchan benih CL ini juga dikenali sebagai benih kebal yang sepatutnya kebal dengan padi angina dan juga benih dan setakat ini laporan yang kita terima agak baik dan ini satu feedback yang baru saya terima daripada Sekinchan di mana benih CL ini tidak lagi kebal dan tidak ada juga berkesan daripada padi angin dan padi benih.

Justeru itu, pada peringkat Jabatan Pertanian kita ada *research* dari masa ke masa dan mungkin nanti akan dilaporkan berkenaan dengan peningkatan hasil daripada kajian-kajian dibuat CL 1 ini mungkin akan diberikan akan ditambah baik mungkin ada benih-benih yang baru. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Pada ketika ini baja-baja organik yang dihasilkan di Negeri Selangor dijual bersama dengan Bernas apakah usaha kerajaan supaya dapat menghasilkan beras-beras organik sendiri di kawasan pertanian.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Kota Anggerik yang bertanya semalam saya pun turun ke Program Jajah Tani di Sabak, dan telah pun melihat program-program *Malaysian Farming* dan sebagainya suka dinyatakan sebagaimana kita di Selangor ini tidak wajar untuk kita diserahkan sebagai padi organik kerana kita masih menggunakan air-air yang ada klorin kita masih menggunakan baja-baja uria yang lain dan sebagainya tapi mungkin kita boleh istilahkan sebagai separa ataupun yang separa organik atau sebagainya.

Berkenaan dengan penjualan ataupun pemprosesan padi itu, setakat ini kita dalam proses untuk memastikan supaya para peserta *neutering farming* ini ditingkatkan sehingga membolehkan dari sudut jumlah tan dan sebagainya sesuai untuk kita wujudkan satu kilang beras yang boleh memproseskan hanya padi-padi yang daripada *neutering farming* saji. Setakat ini ada permintaan-permintaan jadi bila berlaku perkongsian dalam satu kilang itu ada yang bersifat semi-organik ada yang padi biasa dia akan mungkin akan membuka ruang kepada penyalahgunaan dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Puan Speaker, soalan 110

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PENGLIBATAN PKNS DALAM PEMBANGUNAN PJ SENTRAL**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Sila jelaskan penglibatan PKNS dalam projek pembangunan PJ Sentral dan urusan berkenaan dengan Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) dan Nusa Gapurna.

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Y.B. Puan Speaker, dan Y.B. Damansara Utama, sukacita saya memaklumkan PKNS dan Besraya telah menandatangani Perjanjian Jual beli pada tahun 2007 sebelum Pakatan Rakyat diberikan amanah, untuk memajukan tanah PKNS yang merupakan ibu pejabat PKNS di Petaling Jaya seluas 9.845 ekar dalam perjanjian tersebut Besraya akan menyumbang kepada PKNS sebanyak RM74.6juta iaitu RM13juta dalam bentuk

tunai dan RM616juta dalam bentuk pembinaan ibu pejabat PKNS di atas tanah seluas 1.8 ekar di Shah Alam.

Pada tahun 2010 telah mengkaji semula cadangan di atas dengan membuat keputusan untuk melibatkan diri secara langsung dalam pembangunan secara usaha sama dengan Besraya di mana PKNS memegang 30% saham dalam entity syarikat yang akan memajukan tapak seluas 9.845 ekar.

Perjanjian Usaha sama ini ditandatangani 3 September 2010 yang mana PKNS menamakan PKNS Holdings Sdn Bhd dan Besraya menamakan syarikat milik penuhnya iaitu Nusa Gapurna. Entity syarikat baru ini dikenali sebagai P.J Sentral dalam tempoh 2010 sehingga Jun 2014 terdapat beberapa pertelingkahan komersial yang menyebabkan sama-sama itu, dirujuk ke mahkamah, ekoran daripada Nusa Gapurna menjual ekuitinya kepada MRCB. Walau bagaimanapun pada 20 Jun 2014 PKNS Holdings telah menandatangani perjanjian penyelesaian dengan Nusa Gapurna dan MRCB. Kaedah penyelesaian yang telah dipersetujui di antara ke semua pihak adalah PKNS Holdings menjual kesemua sahamnya di dalam P.J Sentral kepada MRCB pada nilai RM85.3 juta iaitu 30% pegangan saham dalam P.J Sentral dan MRCB melalui P.J Sentral memberi hak pembangunan ataupun *development right* kepada PKNS Holdings untuk membangunkan satu menara yang berkeluasan 862,511 kaki persegi ataupun bersamaan dengan 60 tingkat pejabat komersial pada nilai balasan sebanyak RM91.1 juta atau bersamaan dengan 32.05% daripada luas lantai bersih kawasan pembangunan. Oleh kerana, PKNS Holdings hanya mempunyai 30% pegangan saham dalam P.J Sentral pembayaran baki 2.05% lagi dikenakan bayar kepada MRCB sebanyak RM5.8 juta. Dengan penyelesaian ini PKNS mendapat semula *development right* sebuah menara 60 tingkat di Petaling Jaya.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan yang RM90.1 juta PKNS bayar kepada MRCB. *"If this is right"*. Ini bermakna bahawa PKNS bagi satu *whole land*, tetapi *sell thier shares to MRCB 85.3 juta* tapi mereka bayar lagi *development right for RM91.1 juta so you have 6million loss by giving away your land ?*

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Y.B. Damansara Utama, seperti yang saya nyatakan PKNS Holdings mempunyai 30% saham ekuiti dalam P.J. Sentral. Oleh kerana ada pertikaian komersial yang dibawa ke mahkamah dan mahkamah telah pun membuat keputusan di mana Kerajaan Negeri kalah dalam kedua-dua kes berkenaan maka sudah ada satu penyelesaian *mutual* di antara Nusa Gapurna dengan PKNS, di mana PKNS akan menjual ke semua 30 saham 30% saham berkenaan dan nilai PKNS saham Holdings pada ketika itu adalah RM85.3 juta yang bersamaan dengan 30% pegangan saham.

Tetapi MRCB memberikan *development right* kepada PKNS untuk membangunkan sebidang tanah menara seluas 862,511 kaki persegi untuk 60 tingkat. Nilai pembangunan ini ialah nilai komersial bangunan ini ialah RM91.1juta jadi kita jual saham kita 30% kita dapat tunai RM85 juta kita mendapat bangunan setinggi 60 tingkat, tapi ada sedikit perbezaan 2.05 % itu maka kita hanya membayar Ringgit Malaysia 5.8juta sahaja tapi kita dapat sebuah menara 60 tingkat

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Cuma nak sedikit penjelasan kos pembinaan bangunan 60 tingkat ini dibayar oleh MRCB ataupun dibayar oleh PKNS, because soalan tadi kita dapat *development right* ataupun kita dapat bangunan 60 tingkat agak berbeza

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Dia cara pembayaran projek pembangunan 60 tingkat ini ialah melalui penjualan saham yang dimiliki oleh PKNS Holdings yang berjumlah RM85.3 juta. Penjualan saham ini membiayai kos pembangunan kos tersebut. Oleh kerana kos pembangunan tersebut berjumlah Ringgit Malaysia 91.1juta maka ada sedikit tambahan yang perlu dibayar oleh PKNS berjumlah RM5.8 juta.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soalan seterusnya boleh, 24(2) untuk Y.B. Meru

**TUAN SPEAKER:** Saya belum panggil lagi soalan seterusnya. Meru

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soalan Meru 24(2), 111

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, baiklah pihak Kerajaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : SKIM HPIPT ANAK SELANGOR.**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sebagai galakan dan kebajikan kepada pelajar. Bolehkah bayaran dibuka kepada setiap pendaftaran peringkat pengajian Diploma & Ijazah?

- b) Adakah halangan untuk menetapkan tempoh 2 minggu kelulusan dan bayaran selepas serahan borang dan dokumen lengkap?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih, kepada Y.B. Puan Speaker dan Y.B. Sekinchan yang bermurah hati mengambil soalan di pihak Meru. Permohonan Hadiah Pelajar Masuk IPT dibuka sepanjang tahun untuk pinjaman sama ada di pihak Diploma ataupun di Peringkat Ijazah Sarjana Muda. Insentif HPIPT ini diberikan secara *one off* bermakna kalau ambil Diploma dan pergi ke Ijazah nanti makna tidak dapat lagi untuk mendapat faedah daripada HPIPT kita hanya bagi satu pemohon. Setiap permohonan perlu diproses mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan dan proses kerja tersebut melibat prosedur kerja yang telah ditetapkan oleh Bendahari Negeri. Purata Permohonan yang diterima sebanyak 1500 permohonan sebulan dan meningkat semasa sesi kemasukan baru pelajar ke IPTA dan juga IPTS.

Masalah atau halangan yang dihadapi oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia SUK untuk memproseskan permohonan ini dalam tempoh 2 minggu ialah kerana kekangan dari segi tenaga kerja dan sistem tapi buat masa ini BPSM dalam membangunkan sistem baru yang diharapkan akan dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian HPIPT.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Soalan tambahan, oleh kerana masa 2 minggu agak sukar untuk dilaksanakan bolehkah Y.B. mencadangkan bahawa kalau cek-cek itu telah siap boleh diagihkan kepada Pusat Khidmat DUN jadi dibuat satu program dan diserahkan kepada pelajar-pelajar yang HPIPT ini supaya kita boleh dekat dan boleh mesra dalam program sedemikian. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ini saya ingat soalan ulangan ini, sebab telah dibangkitkan oleh Meru. Macam yang saya nyatakan prioriti kita tidak mahu ada kes cek lapuk yang mana Kerajaan Negeri ataupun di peringkat kita tidak gagal menghubungi atau bila kita dah hubungi pelajar tersebut tengok-tengok cek itu sudah tidak laku lagi di bank. Jadi yang paling penting kita akan pastikan sistem ini akan dapat diatasi segera, masalah ini akan dapat diatasi segera dan kita akan dapat mempertimbangkan sekiranya kita mengadakan program bersama dengan ADUN untuk mempercepatkan penyampaian ini. Tetapi prioriti dia dahulu ialah untuk memastikan pelajar-pelajar mahasiswa mendapat cek ini pada masa yang sewajarnya itu ririt kita.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Puan Speaker soalan No. 112

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : NAIK TARAF BUKIT BROGA SEBAGAI TEMPAT PELANCONGAN**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktaraf Bukit Broga sebagai sebuah tempat pelancongan di Selangor?
- b) Apakah syarat-syarat untuk menaiktaraf sesebuah tempat tersebut sebagai tempat pelancongan di Selangor?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Y.B. Semenyih, Puan Speaker Kerajaan Negeri dari masa ke semasa sentiasa merancang dan mengambil inisiatif untuk menaik taraf kawasan-kawasan sesuai sebagai tempat pelancongan di Negeri Selangor. Dalam konteks Bukit Broga Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah mempromosikan kawasan ini sebagai sebuah tempat pelancongan di dalam laman web rasmi, media-media sosial dan pelbagai saluran media lain. Majlis Perbandaran Kajang, MPKj pula telah menjadikan kawasan ini sebagai produk pelancongan Hulu Langat dan turut dimasukkan di dalam laman web rasmi MPKj. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui MPKj telah mencadangkan untuk menaik taraf kemudahan makluman dengan memasangkan papan tanda arah, papan tanda makluman yang berkaitan di Bukit Broga pada tahun depan. Pada masa yang sama, ada juga cadangan untuk membuat rancangan pemeliharaan Bukit Broga kerana memang ada kesan kalau beribu-ribu orang pergi ke sana setiap hujung minggu menaiki, mendaki bukit Broga. Oleh sebab itu ada cadangan untuk membuat program Alam Sekitar, menanam pokok dan sebagainya di Bukit Broga. Untuk sesebuah tempat diberi keistimewaan untuk dinaiktarafkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, syarat utama adalah kawasan tersebut perlu menjadi ataupun adalah kawasan ataupun tapak milikan Kerajaan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan ataupun agensi-agensi kerajaan. Sebelum Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk menaik taraf sesuatu produk pelancongan , Kerajaan Negeri melalui kerajaan tetap pelancongan bersama pihak PBT, pihak UPEN dan Tourism Selangor Sdn Bhd, akan memastikan produk pelancongan memenuhi beberapa faktor dan kriteria sebelum menaik taraf sesebuah kawasan menjadi produk pelancongan. Antara kriterianya adalah, satu kemudahan infrastruktur, sedia ada , keduanya kemudahan jalan dan acces, tiga nilai komersial dan empat kumpulan promosi yang dijalankan di kawasan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya

### **III. RANG UNDANG-UNDANG (Sambungan)**

#### **Rang Undang-undang Perbekalan 2015**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekian, dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Berbekalan. Baiklah saya menjemput sekiranya ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak menyentuh jadual B14 Jabatan Agama Islam Selangor. Ya Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih pada Pengerusi. Assalamualaikum dan selamat pagi. Saya merujuk kepada B14, muka surat 232 kod 1800, pengurusan masjid yang bagi saya tidak nampak ada dasar baru dalam pengurusan masjid ini. Y.B. Menteri Besar dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menarik perhatian tentang pembinaan sebuah masjid cina. Selangor sebagai sebuah negeri yang termaju di Malaysia, belum ada sebuah masjid cina. Negeri lain sudah ada, di Melaka ada, di Johor ada, di Perak ada, di Kelantan pun ada. Masjid yang mempunyai ciri-ciri seni bina Cina yang diuruskan oleh Siak nya, Bilalnya, Imamnya Muslim cina. Yang sepatutnya Selangor sebuah negeri yang punya penganut Muslim cina yang ramai, menjadikan masjid cina sebagai sesuatu yang penting dalam pembinaan masjid negeri ini. Ada dua perkara penting yang mengapa pentingnya masjid cina ini yang mahu saya cadangkan. Yang pertama untuk memecahkan stigma atau kefahaman bahawa Islam itu milik Melayu, Melayu itu pemilik Islam. Macam ada pernah kita dengar kata-kata yang mengatakan, Melayu sepakat Islam berdaulat. Itu tidak betul. Yang betul adalah, bila Islam berdaulat semua selamat. Bila Islam berdaulat, manusia selamat, Melayu, cina, India, Kadazan semua selamat. Bukan saja manusia, pokok-pokok, batang-batang semua selamat. Bahkan kera, monyet hatta khinzir pun selamat bila Islam berdaulat. Jadi yang penting adalah kita mengatakan bahawa Islam untuk semua, rahmat untuk semua. Macam mana yang disebut oleh Y.A.B. Dato Menteri Besar 'Islam Rahmat Untuk Semua'. Itu yang pertama. Yang kedua adalah bila kita berjaya membina sebuah masjid berciri-ciri cina ini, kita bisa menarik pelancong yang lebih ramai untuk ke Selangor. Tak cukup dengan sebuah masjid negeri yang besar, kita harus pergi mengorak langkah ke hadapan untuk membina sebuah masjid yang berciri cina tersebut. Masjid yang bukan mahu mewujudkan konfrontasi dengan bangsa. Justeru bangsa cina adalah sebahagian bangsa manusia yang perlu dihormati. Orang cina menerima Islam lebih jauh 14 abad yang lalu, meninggalkan orang Melayu Nusantara yang masuk Islam lewat daripada mereka. Justeru kita harus pertimbangkan cadangan ini dan kalau sekiranya EXCO nak tanya di mana tempat masjid cina mungkin kita boleh cadangkan Pulau Ketam, sesuai untuk masjid cina ini. Saya mencadangkan supaya perkara ini diberikan perhatian yang serius dan saya berharap dapat diberikan segera untuk masuk cadangan ini sebagai dasar baru pembinaan masjid. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Tuan Pengurus, terima kasih atas cadangan Bangi, Bangi untuk mewujudkan masjid bercirikan masyarakat cina. Pun begitu saya kira di negeri Selangor ini, apabila kita mahu saja membina ataupun ada peruntukan, permintaan untuk membina masjid itu kita melihat beberapa ciri-ciri ataupun kriteria yang membolehkan untuk kita wujudkan peruntukan atau pembinaan masjid tersebut. Pun begitu saya kira, mungkin ada keperluannya melihat kepada jumlah juga masyarakat cina yang beragama Islam di negeri Selangor ataupun di negara kita tetapi sudah tentunya lah pembinaan-pembinaan masjid ini mempunyai matlamat-matlamat yang tertentu terutamanya bila kita bina masjid ini kita mahukan, jadikan masjid ini sebagai pusat transformasi masyarakat. Selain daripada program-program ibadah yang kita lakukan, ada juga program-program yang lain berkaitan dengan pembangunan masyarakat dan saya kira, ialah mungkin antaranya bila ada ciri-ciri seperti ini, pelancong akan datang dan kita tidak mahu lah wujudnya masjid itu hanya sekadar untuk jadi pusat lawatan pelancong dan sebagainya. Saya kira Kerajaan Negeri boleh mengambil ini sebagai satu cadangan yang mungkin kita boleh fikirkan di peringkat Kerajaan Negeri tentang pembinaan masjid yang bercirikan masyarakat cina. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih pengurusi. Saya sebelum ni telah dimaklumkan tentang bangunan-bangunan yang Kerajaan Negeri telah bina untuk mahkamah syariah di setiap daerah di Selangor yang telah pun siap. Tapi saya juga dimaklumkan tentang kualiti bangunan-bangunan ini adalah sangat, sangat rendah sehingga belum pun ada bangunan yang digunakan walaupun sudah siap tetapi telah mengalami kerosakan-kerosakan yang begitu serius. Sehingga saya dimaklumkan ada beberapa, sedang berlaku perbicaraan, tiba-tiba selalu elektrik rosak, siling jatuh dan sebagainya. Jadi hal-hal yang macam ni saya fikir perlu semakan semula dan boleh jadi ada satu cadangan yang terbaik bagaimana untuk semakan dibuat terhadap pemaju-pemaju, kontraktor-kontraktor yang buat bangunan ini dan sistem bagaimana kualiti ni tidak boleh dijaga dalam masa membina bangunan sebab hal macam ini sangat memalukan apatah lagi bila disandarkan pada satu jabatan yang begitu penting itulah mahkamah syariah itu sendiri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Apa yang dimaklumkan oleh Sabak itu adalah satu realiti yang berlaku kepada bangunan-bangunan mahkamah syariah yang dibina di seluruh negeri Selangor. Walau pun begitu kita telah melihat perkara ini secara serius dan kita akan melakukan audit-audit ya, berkaitan dengan apa , perkara-perkara yang melibatkan termasuklah seperti yang dikatakan tadi, runtuh sebelum guna, *air-cond* tidak berfungsi, elektrik pun bermasalah, dan semua perkara ini kita akan ambil maklum. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 14 , iaitu wang sejumlah RM236,640,301 dan sen 29 untuk kapala B14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat. RM22,287,016.94.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Bekalan, muka surat, 251, Bekalan B15, apa ni Jabatan..butiran yang 50...5000. Peruntukan yang diberikan sebanyak 22juta ini pada pendapat saya mungkin agak kecil, berbandingkan dengan usaha-usaha kebajikan yang seharusnya diperluaskan lagi dari masa ke semasa. Peruntukan diberikan ini 22 juta dibandingkan dengan yang lain, kerana kita kalau ia nak menjadikan negeri Selangor terus menjadi agen saluran dana Kerajaan Negeri kepada rakyat, berbanding jabatan-jabatan yang lain. Kebanyakannya diperuntukkan kepada emolumen daripada 22 juta ini. Sementara itu saya ingin menyentuh butiran mengenai pemberian dalam negeri sebanyak 10juta sahaja. Saya inginkan penjelasan, apakah pemberian dalam negeri ini, apakah komponen atau mekanismenya. Saya agak musykil mengapa peruntukan ini agak kecil. Kita mempunyai sekitar, 5.5 juta penduduk Selangor. Kata kanlah sekitar 30% masih, penduduk masih tergolong dalam golongan berpendapatan rendah ataupun miskin, ini bermakna sekitar 1.5 juta rakyat masih memerlukan perhatian daripada Kerajaan Negeri. Saya ingin tahu apakah kajian yang terperinci yang ada dilakukan untuk mencari jumlah peruntukan yang bersesuaian untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat ini. Saya memahami wujudnya banyak juga program kebajikan yang diletakkan di bawah MES, program merakyatkan Ekonomi Selangor. Ada yang dikendalikan di bawah Menteri Besar, dan ada yang diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah. Adakah wujudnya apa-apa halangan jika sebahagian daripada program ini diselaraskan bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kajang yang amat prihatin dengan hal-hal kebajikan . Seperti yang Kajang sebut tadi bahawa peruntukan untuk jabatan kebajikan masyarakat, peruntukan daripada Kerajaan Negeri adalah sejumlah 22,287,116.94 yang mana sejumlah 15,494,000.00 adalah untuk, adalah jumlah bagi bantuan Am yang akan disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk 2015. Untuk makluman Ahli Dewan semua bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Selangor adalah bertanggungjawab mengendali dan menguruskan skim bantuan kewangan negeri dan persekutuan. Skim bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk memberi bantuan-bantuan seperti berikut iaitu Skim bantuan Am, Keduanya bantuan bencana dan ketiga bantuan latihan *Aprendis* ataupun untuk

belia. Jadi sebab itulah peruntukan adalah sejumlah RM15,494. Sementara bantuan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah untuk skim-skim berikut:- Yang pertama Bantuan kanak-kanak , atau BKK, kedua Bantuan Anak Pelihara (BAP), ketiga bantuan orang tua (BOT), keempat elau pekerja cacat (EPC) kelima Bantuan OKU tidak Berupaya Bekerja (BTB) keenam Bantuan penjagaan OKU terlantar dan pesakit kronik terlantar (BTP) ketujuh bantuan alat tiruan atau alat sokongan (BAT), kelapan Bantuan Geran Pelancaran dan kesembilan Tabung Bantuan Mangsa serangan binatang buas. Dan untuk makluman semua Ahli Dewan, peruntukan, kalau saya ingin memberikan makluman bahawa untuk peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari, peruntukan yang diterima oleh Jabatan Kebajikan masyarakat negeri Selangor daripada Kerajaan Negeri adalah untuk 2014 adalah sejumlah 14,269,551.85 sementara bantuan daripada kerajaan persekutuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kepada 9 bantuan-bantuan atau pun kategori bantuan tersebut adalah sejumlah 111,058,278. Jadi sebab itulah Kerajaan Negeri kita memberikan 3 kategori bantuan yang diberikan kepada rakyat Selangor . Yang lain adalah saluran dan juga kategori itu adalah daripada kerajaan Pusat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu 3.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Pengerusi. Saya ingin menyentuh kepada muka surat 253 Vot B (15) Jabatan Kebajikan Masyarakat Butiran 505002 Pentadbiran dan Kewangan. Saya ingin mengutarakan satu perkara iaitu saya lihat pengurusan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di sekitar Shah Alam begitu banyak membuat aduan bahawa pengurusan ataupun tempat mereka mengambil bantuan itu agak tidak wajar, ataupun tidak *friendly*, dengan izin iaitu tempat *parking* yang sempit dan sebagainya. Dan setelah saya siasat rupa-rupanya pengurusan ataupun penerimaan untuk menerima semua bantuan ini rupanya berkongsi dengan pejabat Jabatan Kebajikan Negeri, jadi kawasannya agak sempit dan saya tahu bahawa sepatutnya pejabat di Shah Alam ini punya lokasi ataupun bangunan tersendiri untuk urusan penerima bantuan yang agak *friendly* untuk menerima bantuan. Jadi, soalan saya kepada EXCO apakah ada usaha oleh Kerajaan Negeri untuk menempatkan pentadbiran, pusat pentadbiran pejabat Shah Alam di kawasan yang selain daripada ada sekarang, yang lebih kondusif, lebih selesa dan lebih aksesnya kepada masyarakat yang lebih mudah. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Pengerusi, apa yang disuarakan oleh Batu Tiga adalah juga suara daripada para petugas ataupun staf Jabatan Kebajikan Masyarakat kawasan Shah Alam yang mana memang sebenarnya pejabat mereka agak kecil dan sempit untuk mengendalikan para klien-klien Jabatan Kebajikan Masyarakat di Shah Alam. Jadi, sememangnya telah ada satu permohonan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Shah Alam untuk memohon satu pejabat lain yang lebih luas dan *Insya-Allah* ia akan kita kemukakan

kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan premis yang lebih baik jadi, terima kasih Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan saya selanjutnya, terima kasih. Apakah cadangan itu akan dilaksanakan pada tahun 2015? Memandangkan saya tidak nampak ada tambahan kewangan ke atas itu. Jadi, kalau tidak ada dimasukkan ke dalam 2015, ia akan melibatkan setahun lagi pihak penerima untuk menunggu sehingga ia dapat berurusan dengan lebih selesa. Itu soalan saya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Pengerusi. *Insya-Allah* kita akan cuba kemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri dan mungkin pihak SUK cuba ataupun cuba mencari di mana ruang yang sesuai, premis di bawah Kerajaan Negeri yang mungkin boleh kita accommodate untuk pejabat tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Saya merujuk muka surat 251 Vot (15) Jabatan Kebajikan Masyarakat Butiran Program 505000, Pentadbiran dan Kewangan. Saya nak bertanya kepada pihak kerajaan, oleh sebab seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar satu pertiga daripada penduduk Selangor adalah di bawah garis kemiskinan iaitu 1500 jadi berkemungkinan besar adanya GST 2015 sudah tentu kemungkinan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk Selangor ini akan lebih banyak. Soalan saya, apakah tindakan kerajaan untuk mengurangkan birokrasi agar warga marhaen yang layak menerima bantuan boleh diuruskan segera dan mendapat bantuan yang tepat, atau dengan izin, *customized* kepada pemohon ini? Bukannya *one off system fixed all*. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Selat Kelang. Tentang persoalan, tentang yang mana apabila GST dilaksanakan dan dengan kadar PGK ataupun garis kemiskinan negeri Selangor, kita tingkatkan kepada 1500 maka akan ada pertambahan lebih ramai rakyat Selangor yang berada di bawah garis kemiskinan iaitu 30% ataupun 1.5 juta rakyat Selangor akan berada di bawah garis kemiskinan. Dan di bawah apa yang diperkatakan oleh Selat Kelang bahawa permohonan yang mungkin lambat untuk diproses dan juga kategori-kategori untuk bantuan-bantuan ini *Insya-Allah* sedang dalam penambahbaikan, ya, setelah pihak audit masuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat melihat kelemahan-kelemahan ini dan penambahbaikan terhadap program-program ataupun penambahbaikan terhadap proses ini agar lebih cepat dan dapat memberikan kemudahan kepada klien-klien Jabatan Kebajikan Masyarakat maka ia sedang di dalam pertimbangan dan *Insya-Allah* kita akan cuba laksanakan pada tahun akan datang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Puan Speaker, saya ingin merujuk apa yang kita lihat semenjak 2008, masalah yang dihadapi oleh orang miskin yang memerlukan bantuan Lembaga Zakat Selangor. *Alhamdulillah*, akhir-akhir ini apabila Lembaga Zakat Selangor mempunyai rangkaian, nak kata agen atau membantu mereka terjah masuk ke kampung, cari orang miskin. Dulu mereka terpaksa cari Lembaga Zakat, so, sekarang ini, saya nak mengesyorkan, nak bertanya kepada kerajaan adakah kerajaan boleh ikut rentak Dato' Menteri Besar, terjah masuk ke kampung-kampung, tempat orang yang susah ini supaya orang miskin tak perlu mencari mana dia pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat dan melalui segala proses, dokumen itu dan ini, kadang-kadang tak lengkap pula. Kena lagi sekali, nak kena ambil pula teksi. Jadi, saya harapkan Kerajaan Negeri Selangor boleh melihat masalah yang dihadapi orang miskin yang, tak semesti permohonan mereka ini akan dapat kelulusan. Jadi, apa, *reverse* kan dia punya proses. Kerajaan cari orang miskin dan bantu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Selat Kelang. Pengerusi. *Constraint* ataupun kekangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah kekurangan perjawatan ataupun staf untuk melaksanakan program-program yang dicadangkan oleh Selat Kelang itu. Kerana, selain daripada mereka memproses bantuan-bantuan untuk ketiga-tiga program di bawah Kerajaan Negeri iaitu Skim Bantuan Am, Bantuan Bencana, Bantuan Latihan, mereka juga perlu untuk memberikan ataupun memproses 9 perkara bantuan-bantuan yang ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, buat ketika ini, masih belum ada cadangan untuk para pegawai turun padang, tetapi mana-mana permohonan ya, daripada pihak klien yang mana kita telah, sebelum diluluskan, para petugas atau staf ini akan turun padang dan memastikan bahawa mereka ini benar-benar miskin, benar-benar layak untuk diberikan ataupun diluluskan permohonan mereka.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Puan Pengerusi, apa salahnya buat *smart partnership* dengan pejabat Adun?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Selat Kelang, Pengerusi. Itu sebenarnya adalah satu cadangan yang baik. Dan untuk ketika ini, saya juga maklum bahawa beberapa pejabat-pejabat pusat khidmat DUN juga telah pun mendapatkan senarai nama-nama ataupun orang-orang miskin ini untuk dihantar ke pejabat JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat). Jadi, memang sebenarnya tanggungjawab kita semua untuk membantu orang-orang yang miskin di kawasan kita daripada pejabat DUN dan kita sampaikan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat di daerah masing-masing. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RASHYAKARAN:** Terima kasih Puan Pengerusi, saya merujuk muka surat 251. Perkara pertama, Pentadbiran dan Kewangan. Saya ingin

maklumkan kesusahan penduduk-penduduk Petaling Jaya untuk sampai pejabat JKM daerah Petaling yang jauh di kawasan Paya Jaras. Maklumlah terdapat satu Pejabat Kebajikan yang lebih dekat di Subang Jaya yang tidak boleh digunakan oleh penduduk-penduduk di Petaling Jaya, mereka terpaksa juga pergi kepada kawasan Paya Jaras. Jadi, saya berharap..

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Pembetulan tu, Kota Damansara tu, bukan Paya Jaras.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RASHYAKARAN:** Sorry, minta maaf. Kota Damansara di Seksyen U5. Jadi, pertama sekali saya ingin tanya. Dalam Pentadbiran dan Kewangan ini, bilakah Petaling Jaya, Bandar Petaling Jaya ini akan dapat satu pejabat, cawangan Pejabat Kebajikan? Yang kedua, kalau tak dapat pun buat masa yang terdekat ini, tolonglah benarkan mereka pergi kepada pejabat yang sedia ada di Subang Jaya. Itu saya kira tiada kos tambahan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Bukit Gasing. Tentang pejabat untuk daerah Petaling ya, yang mana sedia ada adalah di Subang Jaya dan salah satunya adalah di Kota Damansara maka *Insha-Allah* kita akan cuba berbincang dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melihat perkara ini dan kita cuba mendapatkan premis yang bersesuaian agar memudahkan rakyat di kawasan Petaling untuk mendapatkan bantuan di Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Damansara. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya kongsi pendapat yang sama dengan Y.B. Bukit Gasing. Tapi saya ada isu yang baru, muka surat 253 Vot 512001 Perkhidmatan Luar Dasar Baru. Saya nak meminta penjelasan daripada kerajaan apakah dasar baru yang nak melaksanakan. Dan saya juga nak menarik perhatian dewan Kerajaan Negeri bahawa ada banyak rakyat yang tidak dapat bantuan daripada JKM sebab mereka tidak ada warganegara. Ada yang dari *stateless children* ataupun *stateless citizen*, ada yang banyak sudah duduk di Malaysia sudah lama masih IC merah lagi. Ada according to *NGO Voice of Children*, Suara kanak-kanak, mereka berkata bahawa terdapat 150,000 kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan di Malaysia di satu dokumentarinya called *Stateless Forgotten Children*. So, saya telah berjumpa dengan kanak-kanak sedemikian, mereka tidak dapat pergi sekolah. Masalah mereka tidak dapat pergi sekolah, mereka dapatkan pendidikan yang agak rendah daripada apa-apa yang ibu bapa boleh buat. So, saya sementara kita memberi kebajikan kepada rakyat, saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh mengambil maklum untuk *stateless children* ini sebab kalau tidak ada, risiko akan tinggi apabila mereka menjadi dewasa sebab tiada pendidikan yang formal mereka

tidak ada *environment to get out from their current situation*, dengan izin. So, saya harap Kerajaan Negeri boleh membuat sesuatu untuk..

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama. Puan Pengerusi, tentang yang dipertanyakan oleh Damansara Utama iaitu sejumlah wang RM4,641,427 di bawah Dasar Baru ia adalah pertambahan, maknanya dasar sedia ada, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM10.8 juta dan dengan mungkin keperluan ya, setelah setengah tahun ada keperluan untuk memohon peruntukan tersebut maka sejumlah RM4.681 juta ini diperuntukkan untuk tambahan dalam tahun tersebut. Seperti pada tahun 2014 yang baru-baru ini yang mana peruntukan daripada Kerajaan Negeri adalah sekitar RM10 juta dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat menganggarkan adalah ia tidak mencukupi untuk ke akhir tahun maka pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat memohon tambahan RM4 juta lagi daripada Kerajaan Negeri untuk kecukupan hingga ke Disember. Tentang *stateless citizen* yang disebutkan oleh Damansara Utama yang mana dianggarkan 150,000 kanak-kanak yang bukan warganegara ataupun tidak mempunyai kewarganegaraan pihak Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa-apa cadangan cumanya cadangan saya ataupun kita sebagai ADUN-ADUN, sekiranya ada kanak-kanak yang tidak mempunyai kewarganegaraan ini mungkin kita boleh membantu mereka untuk mendaftarkan mereka di Jabatan Pendaftaran negara seperti yang saya telah banyak juga lakukan di Sementa iaitu ramai anak-anak di kalangan di Kapar tersebut, ada anak-anak yang tidak mempunyai kad pengenalan. Begitu juga orang dewasa yang tidak mempunyai kad pengenalan ataupun kad IC merah. Maka kita pihak DUN kita membantu mereka untuk mendaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi, Kerajaan Negeri memang tidak bercadang buat masa ini lah, bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin timbulkan isu dalam muka surat 251 butiran program aktiviti 50500 pentadbiran dan kewangan dengan tumpuan khusus butiran program 512000 perkhidmatan luar. Isu yang berkaitan dengan JKM ini adalah isu yang sudah lama dan yang telah ditimbulkan dan dijelaskan oleh Batu 3 ketika mana beliau menjawat jawatan EXCO adalah hubungan yang tidak harmoni, hubungan yang tidak sangat membantu dalam menyelesaikan masalah rakyat. Jadi saya kira dari segi bilangan perjawatan yang tidak meningkat daripada tahun 2014 hingga tahun depan bilangan 80 perjawatan di mana kalau kita teliti dari segi pemberian berkenaan bayaran meningkat lebih daripada hampir pada RM5 juta. Jadi persoalannya adalah tenaga kerja dan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Bukit Gasing yang berkaitan bagaimanakah bantuan ini akan diagihkan. Satu anjakan yang perlu kita lakukan adalah dari segi pelaksanaan *delivery* dengan izin kebajikan di mana pada masa lepas kita boleh berfungsi dengan satu garis paras kemiskinan yang telah ditetapkan oleh kerajaan Pusat tetapi apabila Pakatan Rakyat mengambil alih Negeri Selangor

kita meletakkan satu garis paras kemiskinan yang lebih tinggi yang menyebabkan 1.5 juta ataupun 30% rakyat Negeri Selangor miskin. Sejak bajet pertama dibentangkan dalam sidang Dewan pada tahun 2008 hingga hari ini tidak diterapkan, tidak diserapkan dan diterapkan, diletakkan *bill into the system* dengan izin, bagaimanakah kita nak menguruskan pemberian kebajikan kepada rakyat yang sudah meningkat bilangannya peraturan yang sudah meningkat bilangan peratusannya. Jadi ini tidak dizahirkan tidak dinampakkan bagaimana modus operandi dengan izin proses ini dalam bajet yang ada, itu satu persoalan yang perlu dirungkaikan kalau tidak di dalam bajet kali ini hendaklah difikirkan oleh pihak Kerajaan pada masa-masa hadapan kerana kita tidak dapat penzahiran itu dinampakkan. Oleh kerana itu *delivery* nya tidak kesan dan kesan bagaimanakah kita nak menangani kemiskinan di Negeri Selangor ini tidak dapat dilihat dari satu tahun ke satu tahun dan berikutnya. Dan yang keduanya dari segi kita telah menyebut bahawa kerjasama pegawai-pegawai sebahagian besar bukan semua yang mengendalikan pejabat-pejabat dengan kaunter JKM dengan ADUN-ADUN Pakatan Rakyat tidak begitu mesra. Sebaliknya kita telah ada bukti bahawa pemberian-pemberian ini ada dilakukan di Pejabat Parti-parti tertentu pada masa yang silam pada masa yang lepas. Jadi perlulah dalam bajet ini dengan peruntukan kewangan pemberian berkenaan pembayaran yang semakin bertambah ditetapkan satu kaedah bagaimanakah hubungan di antara pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pusat hendak diharmonikan. Jadi saya rasa pada pandangan saya perkara ini perlu dizahirkan dalam penentuan bekalan dalam Jabatan JKM daripada tahun depan jadi kalau boleh kita ruangkan dalam pada bajet akan datang atau bajet yang ini. Jadi itulah saya ingin tegaskan, kalau dua perkara ini dapat diselesaikan iaitu bagaimanakah bajet kita menzahirkan *reflex* bagaimana kita hendak menangani tahap kemiskinan yang dahulu dikatakan hampir sifar dalam pentadbiran yang lama pada 30% miskin dengan izin, yang keduanya bagaimanakah Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor boleh cara terbuka, telus dan jelas menunjukkan hubungan yang membolehkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bekerjasama untuk kebaikan dan kebajikan rakyat. Terima kasih Puan Pengerusi.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Klang, sangat panjang dan lebar tapi mungkin saya tidak mungkinlah akan sangat panjang. Yang pertama tentang hubungan selama ini yang kurang agak tidak harmoni antara pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga kepada Pejabat DUN, betul ya Hulu Klang. Jadi *InsyaAllah* kita *from time to time* dengan izin ataupun setelah kita 6 tahun ya Pakatan Rakyat bersama bekerjasama dengan pihak-pihak ataupun Jabatan Persekutuan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana juga selama 5 tahun lebih JKM bersama dengan Yang Berhormat EXCO yang sebelum ini Batu Tiga mungkin *by* 5 tahun itu Jabatan Kebajikan Masyarakat telah boleh bekerjasama dengan kita jadi *Insya-Allah* selepas ini kita harap Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat bekerjasama dengan lebih baik lagi dan semoga dengan hubungan antara pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga pihak DUN dan juga pihak Kerajaan Negeri akan berjalan dengan lebih harmoni lagi, *Insya-Allah*. Tentang apa yang

disebut tentang bilangan perjawatan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, buat masa ini belum ada penambahan untuk bilangan perjawatan tersebut tetapi mungkin kita boleh kemukakan cadangan-cadangan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor agar *delivery* itu atau sistem itu akan lebih cekap lagi. Untuk tentang untuk Rakyat Selangor yang mana sebelum ini para penerima untuk Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan skim kebajikan ini mereka haruslah berpendapatan RM720 ke bawah tetapi oleh kerana kita telah menaikkan PJK kita kepada 1,500 sememangnya angka para penerima ataupun peserta untuk menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah lebih besar untuk masa akan datang jadi satu kertas kerja juga mungkin kita akan kemukakan dan juga untuk makluman Ahli Dewan bahawa pemberian ataupun kadar yang diberikan atau yang diperolehi oleh para penerima bantuan am kita untuk Negeri Selangor adalah kedua terendah yang mana kadar yang diterima oleh *client* kita adalah dalam kadar RM100, RM150 dan RM175, ianya agak rendah berbanding dengan di negeri-negeri yang lain. Di satu kertas cadangan akan dikemukakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk dibawa kepada Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk memohon pertambahan dan kita juga mungkin akan menambahkan bantuan kadar yang selama ini kita berikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B15 iaitu wang sejumlah RM22,287,016.94 untuk kepala B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa RM8,755,355.13.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 257 perkara yang pertama, Pentadbiran dan Kewangan. Pada pagi ini saya ingin bangkitkan dua isu. Isu yang pertama adalah berkenaan dengan keputusan-keputusan yang dibuat berkenaan dengan *zoning* dengan izin, saya mendapati dalam 5 tahun yang kebelakangan ini terdapat beberapa keputusan *zoning* yang dibuat di peringkat negeri tetapi ia tidak konsisten dengan izin dengan *local plan* rancangan tempatan Majlis-majlis. Saya ada dua contoh jika diperlukan saya boleh diberi, jadi saya ingin tanya proses membuat keputusan pada masa yang akan datang kita lihat 2015 ke hadapan dalam proses membuat keputusan *zoning*. Saya tahu ada banyak permohonan daripada pemaju, daripada pemilik tanah tetapi adakah pihak JPBD ini dan pihak Kerajaan Negeri akan ikut dan konsisten dengan setiap rancangan tempatan yang ada yang sudah diwartakan di Negeri Selangor. Itu yang pertama, lepas jawapan saya tanya yang kedua.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Terima kasih kepada Bukit Gasing. Sebarang perubahan *zoning* ia perlu pergi kepada *public hearing* ataupun pendengaran awam dan selepas itu ia akan masuk balik kepada apa yang dipanggil

SPC atau Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan kemudian barulah kepada EXCO dan kemudian diwartakan. Itu dia punya urutan peraturan ataupun *procedure*. Tetapi mungkin ada kes-kes di mana apabila kita telah dipamerkan kepada umum dan kemudian terdapat bantahan ataupun cadangan pengubahan kepada perkara-perkara yang tidak dipamerkan dalam isu tersebut kita membuat keputusan bahawa jawatankuasa pendengaran awam ataupun SPC atau EXCO tidak boleh membuat keputusan. Ianya perlu pergi balik kepada rakyat untuk dipamerkan semula dan kemudian masuk balik ke dalam SPC bermakna bahawa pernah dulu berlaku di mana ia ditukar di pendengaran awam dan terus diterima oleh SPC tapi sekarang tak boleh ianya terpaksa pergi balik kepada rakyat untuk dipamerkan semula.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih saya menghargai penambahbaikan. Yang kedua saya ingin tanya apakah rancangan dasar ataupun dengan izin *planning goals* JPBD untuk tahun 2015, apakah mungkin *area* yang akan diberi fokus oleh JPBD untuk tahun yang akan datang. Mungkin isu perumahan, pengangkutan, ada tak *any idea focus* selain daripada kita biasa terima permohonan daripada PBT ataupun pemaju baru kita mempertimbangkan tapi *our planning, our goals*.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ya la terdapat banyak permohonan, contohnya nak tukar daripada peniagaan kepada industri ataupun kepada perumahan, daripada perumahan kepada industri ataupun tetapi kita kena lihat secara keseluruhan sama ada sebarang pertukaran itu akan ada melibatkan impak kepada pengangkutan atau impak kepada sosial bagi sesuatu tempat tetapi untuk menjawab seperti mana yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa fokus kita adalah sekarang ini adalah perumahan terutamanya perumahan mampu milik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya merujuk kepada B16 0550 Jabatan Perancang Bandar. Saya mengesyorkan supaya dalam perancangan bandar ini dia akan lihat secara keseluruhan. Saya dapati jalan-jalan *reserve*, *reserve* jalan ini masih kecil. Saya cadangkan sekurang-kurangnya jalan-jalan di Negeri Selangor ini 6 *lane* 3 kiri 3 kanan supaya di masa hadapan keperluan jalan ini besar. Di kawasan saya di U10 kawasan bangunan begitu besar sekali, jalan 2 *lane* dan ini *jammed* dan akibatnya fasal *highway* tambahan supaya perancangan bandar ini dibuat awal lagi, dirancang lebih awal lagi.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kita kalau perancangan itu perancangan baru contohnya sekarang ini di mana kita lihat ada syarikat besar nak membangunkan sesuatu pembangunan yang besar, kalau pembangunan yang

besar sedemikian kita boleh menetapkan *planning rules* ataupun *guideline* dengan izin tetapi kalau kawasan itu telah siap kita boleh menetapkan RT, RT menetapkan jalan dan sebagainya tetapi ianya adalah subjek ataupun terpulang ataupun subjek kepada pengambilan tanah kalau kita nak membesarakan jalan dan ataupun kalau kita nak menambah ataupun kemudahan subjek kepada pengambilan tanah juga jadi bermakna perlu kita lihat secara menyeluruhlah kalau pembangunan yang baru kita boleh melaksanakannya tetapi kalau kawasan yang sudah matang atau sudah *matured*, kita memang menghadapi masalah kalau kita nak melaksanakan perkara-perkara tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bangkitkan kepada P16, perkara 521000 Kawalan Perancangan..mengenai dasar sedia ada dan dasar baru. Salah satu isu yang berhadapan dengan sebuah negara maju terutamanya di Negeri Selangor ialah bagaimana kita harus merancang dan juga mengawal pembangunan-pembangunan yang dikemukakan supaya dia selaras dan juga tidak menimbulkan kesan-kesan impak yang perlu..impak negatif..yang perlu diselesaikan nanti secara *adhoc*. Kajian struktur negeri telah pun dibuat tetapi kita lihat pada masa yang sama permohonan-permohonan pembangunan telah dibuat untuk memajukan kawasan-kawasan berkenaan secara berdasarkan kepada permohonan daripada pemajuhan itu dan permohonan daripada tempat-tempat tertentu. Masalahnya kita perlu ada satu,,orang kata perancangan secara menyeluruh '*master plan*' melihat keperluan ini supaya dalam masa terdekat '*interior*' masanya adalah masa jangka lima tahun tidak masalah-masalah baru. Saya ingat satu yang ketara sekali ialah dari segi perancangan yang dibahas didebatkan rangkaian hubungan apa ni..pengangkutan dan juga infrastruktur yang berkaitan. Ini kerana kita lihat apa yang berlaku sekarang perancangan-perancangan dilakukan ini ya..selepas lima tahun dia telah menjadi masalah pula sama ada dari segi kesesakan, masalah apa ni..keadaan perkhidmatan-perkhidmatan setempat dari segi pengaliran sistem pengairan yang ini akan menjelaskan pembangunan. Jadi, soalnya sejauh mana Kerajaan Negeri akan mengambil kira supaya kita melihat satu pembangunan ini secara '*master*' menyeluruh bagi kawasan terutamanya kita melihat Lembah Klang ini supaya dari segi perancangan '*master*' yang menyeluruh ini tidak akan menjelaskan pada masa depan. Yang kedua, pada masa yang sama juga terdapat juga apa orang kata..pelaksanaan Agenda 21 dan juga pelaksanaan perancangan tempatan yang melibatkan '*participation*' ataupun daripada rakyat yang ini melibatkan apabila suatu perancangan pelaksanaan suatu projek ini mengambil kira bantahan-bantahan dari penduduk. Walaupun garis panduan ini telah dilaksanakan, saya perhatikan ada beberapa kes misalnya..bantahan-bantahan ini tidak dilaksanakan. Saya ambil contoh di Tanjung Karang lah ya..di kawasan saya terdapat rancangan pembinaan gereja di mana kawasan sekitar masyarakat situ adalah masyarakat Islam. 80% lebih daripada penduduk di mana gereja itu akan dibina ialah apa ni..masyarakat

Islam. Tapi saya perhatikan bahawa proses bantahan sebab dasar Kerajaan Negeri yang perlu mengambil sensitiviti kawasan setempat itu saya kira perlu diambil kira. Jadi..ini mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dari segi perancangan, setiap kawasan Majlis ada dia punya Rancangan Tempatan. Rancangan Tempatan ini melihat kepada satu jangka yang..satu jangka masa yang panjang. Contohnya apa yang kita ada sekarang adalah sampai 2020. Walau bagaimanapun, ingin ditegaskan di sini bahawa kita punya pembangunan itu '*fluid*' dengan izin. Bermakna sentiasa ianya bergerak dan sentiasa kita ada pembangunan-pembangunan baru ataupun cadangan-cadangan daripada pihak pemaju ataupun pihak tuan tanah. Tuan tanah boleh membuat permohonan kepada Majlis untuk menukar '*zoning*' tetapi ini adalah tertakluklah kepada kelulusan iaitu kelulusan perlu ada pendengaran awam, perlu masuk SPC dengan izin dan perlu diluluskan oleh EXCO. Jadi bermakna kita melihat keseluruhan daripada..daripada pembangunan dan kalau ada pertukaran adalah akibat daripada keperluan-keperluan yang timbul dalam masa 10 tahun atau 20 tahun itu. Kita memang meletakkan..kita ada banyak '*wish list*' kita sama ada dalam Rancangan Tempatan. Tetapi kadang-kala kuasa untuk meletakkan atau mewujudkan perkara-perkara yang kita hendak itu bukan di tangan Kerajaan Negeri. Contohnya dari segi pengangkutan, dari segi hospital, balai polis semuanya kita letakkan di situ. Tetapi ianya terpulang ataupun kepada desakan kita supaya agensi-agensi yang terlibat terutamanya Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan perkara tersebut sama ada yang keduanya adalah dari segi pelan struktur..pelan struktur ini kita belum siap lagi bahawa kita telah ada pelan tersebut dan kita akan pergi kepada rakyat untuk dipamerkan untuk mendapat '*feedback*' dan maklum balas. Pelan struktur ini kita tahu bahawa ianya terlampaui '*detail*' begitu '*detail*' sampai kepada jumlah lembu bagi sesuatu daerah pun ada dalam dalam pelan struktur. Bukannya suatu perkara yang, yang dibuat secara rambang tetapi secara terperinci. Berkenaan dengan bantahan..bantahan ini ada proses dia. Saya rasa kesemua bantahan-bantahan akan melalui proses-proses tersebut.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Saya ada tambahan pada soalan tadi. Berkenaan dengan tempat ibadat bukan Islam yang terdapat di kawasan yang majoritinya adalah orang Islam..kita juga kena lihat pada keadaan sebenar. Kita tidak boleh menggunakan satu dasar di mana kalau 80% kawasan itu penduduknya adalah orang Islam maka, kita tidak membenarkan orang bukan Islam mendirikan rumah ibadat. Saya rasa Islam pun tidak menghalang orang bukan Islam untuk beribadah. Jadi kita kena lihat keperluan ya. Jangan kita hanya sebut sensitiviti yang sensitiviti orang bukan Islam pun kena jaga. Jadi kerajaan yang baik jaga semua. Bukan jaga satu komuniti. Jadi di kawasan juga ada kawasan di mana majoritinya orang bukan Islam. Kita juga benarkan buat surau sebab kita tak boleh lihat orang Islam tak beribadah. Tak boleh. Itu ajaran agama. Semua agama sama.

Jadi, saya berharap jangan guna isu seperti ini untuk menjadi modal politik. Kita kena secara praktikal lihat bagaimana apakah masalah dan kita cari penyelesaian.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Mohon penjelasan ya. Yang pertama dari segi tadi saya membangkitkan kerana apabila dasar-dasar yang telah ditetapkan ini biasanya dia berubah dan strukturnya misalnya 'zonning' yang telah ditetapkan itu kemudiannya diubah. Saya nak bagi contoh macam pembinaan jejantas di i-City di mana kawasan itu pada asalnya dizonkan sebagai *buffer* atau kawasan perumahan dan perkilangan tapi telah bina jejantas. Jadi isu-isu ini kalau kita ada satu '*master plan*' yang dipertahankan jadi kita boleh mengambil kira supaya keperluan-keperluan ini dalam beberapa tahun dia sudah orang kata ketinggalan zaman itu. Walaupun saya memahami ini kita dah ada '*fluid*' tapi kalau kita ada satu '*master plan*' yang mengambil kira jangka panjang jadi perkara-perkara ini mungkin tidak akan orang kata terjejas dan menjadi kekangan. Itu yang pertama. Yang kedua saya ingat Sungai Pinang dia salah faham dengan apa yang saya cakapkan. Saya bukan menentang pembinaan gereja di kawasan Islam..ramai masyarakatnya Islam. Saya, saya di Tanjung Karang tu..boleh ada tempat yang ramai masyarakat bukan Islam. Di situ boleh dibina gereja cuma yang saya ingin bangkitkan ialah daripada segi proses bantahan penduduk itu tidak dibuat. Sedangkan dalam apa ni Agenda 21 dan juga dalam apa ni..dalam Rancangan Tempatan itu ada garis panduan telah mengatakan perkara tersebut. Ini yang saya bagi contoh mengatakan proses bantahan itu perlu diambil kira dan saya ingatkan memanglah saya setuju kita kena mengambil kira sensitiviti semua agama ya..tapi pada masa kita melihat sensitiviti daripada kedudukan keperluan mereka. Saya tidak kata di Tanjung Karang tidak perlu ada gereja tapi yang perlu ialah di mana kawasan lokasi itu sekelilingnya di kawasan taman itu adalah masyarakat Islam. Dia boleh di kawasan yang masyarakat beragama Kristian di Tanjung Karang itu ada di tapak-tapak lain yang boleh buat. Tapi itu isu yang saya bukan nak berdebatkan dan saya pun bukan nak menjadikan modal politik. Saya hanya memberikan contoh tentang proses bantahan yang tidak wujud dan ini yang saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ini adalah dari segi pembangunan tadi..pembangunan memang kita akan buat perancangan untuk 20 tahun. Tetapi sekarang ini pembangunan bergerak pantas. Ada banyak perbezaan ataupun keperluan-keperluan baru dari segi kependudukan, dari segi ekonomi dan sebagainya. Itu sebab terdapat ruang untuk kita membuat apa yang dipanggil pengubahan kepada Rancangan Tempatan tersebut tetapi pengubahan Rancangan Tempatan perlu melalui pendengaran awam. Jadi, bermakna bukanlah Kerajaan Negeri tidak mengubah atau memberi peluang kepada rakyat untuk membuat bantahan tetapi boleh kita tukar zon atau kita tambah perkara-perkara yang ada dalam Rancangan Tempatan itu tetapi mesti melalui pendengaran awam. Jadi kena beri peluang kepada rakyat. Dari segi isu gereja itu saya tidak ada maklumat yang terperinci tetapi ianya apa-apa perkara atau bantahan perlu melalui prosedur atau

melalui proses. Kita memberi peluang kepada rakyat untuk membuat bantahan dari segi ‘zonning’ ataupun dari segi guna tanah dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam..saya nak ambil sikit perbahasan mengenai ini dalam merujuk kepada muka surat 257 di bawah kod 52100 mengenai Kawalan Perancangan. Saya nak sebut tadi juga bagaimana rakan saya daripada Bukit Gasing mengenai ‘zonning’. Saya ada dua..ada tiga perkara yang saya nak bangkitkan. Saya nak buat ringkas saja. Yang pertama mengenai ‘zonning’. Saya nak minta keputusan akhir yang ada daripada pihak kerajaan mengenai pembangunan ataupun rancangan penukaran ‘zonning’ sebagaimana yang berlaku di kawasan apa ni..tanah permainan ataupun padang permainan PKNS di Kelana Jaya. Jadi, selepas kita buat pendengaran awam, pendengaran di peringkat SELCAT nampak ada masalah-masalah yang dapat kita temui tapi selepas itu tidak ada keputusan muktamad. Jadi, apakah sudah ada keputusan yang muktamad samad perancangan pembangunan Kelana Jaya..padang awam Kelana Jaya ini akan diteruskan ataupun sudah dimuktamadkan tidak akan terus dibangunkan oleh pihak kerajaan? Jadi saya nak dengarlah sebab dalam sidang-sidang yang lepas pun tidak ada keputusan muktamad daripada pihak kerajaan sama ada tidak akan ada pembangunan ataupun masih ada kajian-kajian sebab dulu dalam jawapan Menteri Besar yang lama kata nak semak dulu daripada segi apa ni..apa ni rayuan dan sebagainya. Jadi, saya nak tanya yang itu dulu sebelum saya bangkit soalan yang kedua. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Sepertimana yang dimaklumkan di siri-siri pertemuan yang telah diadakan..saya rasa apa yang perlu kita lakukan, kita akan maklumkanlah secara dalam masa yang terdekat.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Maknanya belum ada lagi lah keputusan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Belum ada lagi.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Belum ada. OK. Yang kedua saya juga nak bangkitkan mengenai..nak bertanya sebenarnya mengenai zon penampang. Jadi, saya nak tanya dalam..di bawah Jabatan ini sama ada kerajaan ada mempunyai satu dasar yang jelas mengenai bagaimana pembangunan kawasan-kawasan zon penampang terutama dalam kawasan-kawasan bandar utama dalam negeri kita. Sebab ada beberapa kawasan yang kita tengok kawasan yang dizonkan sebagai zon penampang tapi ada pembangunan. Ini saya nak minta sama ada penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri sama ada kalau sekiranya satu kawasan itu digazetkan, dizonkan sebagai zon penampang apakah ia digazetkan? Dan

bagaimana pula sekiranya ia ada permohonan daripada pemaju ataupun orang awam ataupun individu atau mana-mana syarikat untuk membangunkan kawasan-kawasan zon penampang ini? Jadi, ini saya nak minta penjelasan. Apa garis panduan dan juga dasar Kerajaan Negeri? Apakah memang tidak boleh terus dibangunkan kawasan-kawasan zon penampang ini? Sebab kita tahu zon penampang ini ada tujuan dan matlamatnya. Jadi saya nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Penampang disediakan oleh pemaju apabila mereka memajukan kebenaran merancang. Jadi, dalam..dalam kebanyakan kes saya rasa..kalau kita benar-benar mahukan supaya zon penampang itu dikenalkan terutamanya apabila ia melibatkan kawasan industri di mana mesti terdapat zon penampang di antara industri dan juga dengan pembangunan-pembangunan terutama sekiranya pembangunan sekeliling itu adalah kediaman ataupun institusi. Jadi bermakna status ataupun pendirian Kerajaan Negeri adalah supaya ianya dikenalkan zon penampang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang terakhir..apa ni Tuan Pengurus..saya juga ingin bertanya kepada kerajaan mengenai dasar pembangunan kawasan-kawasan ‘pocket land’ ni. Kita sedia maklum kawasan-kawasan bandar ni banyak kawasan-kawasan ‘pocket land’ yang kecil..1/2 ekar, 1 ekar barangkali..jadi apa sebenarnya dasar kerajaan mengenai permohonan kawasan ‘pocket land’ ini. Syarat-syarat dan sebagainya supaya kalau sekiranya ada permohonan akan memberikan kemudahan. Ada dasar yang jelas yang dibuat oleh Kerajaan Negeri mengenai pembangunan kawasan ‘pocket land’ ini atau ada mengikut ‘zonning-zonning’ yang ditentukan tapi masih ada kawasan ‘pocket land’ bagaimana kita nak proses untuk permohonan pembangunan dan sebagainya.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Samada ‘pocket land’ atau apa saja kawasan pembangunan ianya mesti mematuhi akan kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan perancangan. Tetapi dari segi ‘pocket land’ ada satu dasar yang khusus untuk ‘pocket land’ dan sekiranya kalau ianya kurang daripada 2 ekar ianya tidak boleh dibangunkan untuk pembangunan berstrata. Itu yang penting sekali. Yang lain bermakna dari segi ‘zonning’, dari segi ‘density’ kepadatan dengan izin tadi adalah mesti patuh kepada peraturan-peraturan perancangan yang telah kita tetapkan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengurus. Saya merujuk muka surat 257, butiran program aktiviti 505000 Pentadbiran dan Kewangan – Emolumen. Kita lihat bahawa emolumennya menunjukkan peningkatan sebanyak 0.16 juta dan perjawatannya pun stabil 107 ke-108 bagi tahun depan. Saya ada beberapa isu yang saya ingin timbulkan di sini. Pertamanya tentang dari segi perancangan. Perancangan Jabatan Bandar dan Desa hari ini telah mengetuai

satu usaha untuk menjadikan Bukit Tabur yang disambung terus ke Permatang Kuatza di Hulu Kelang sebagai pusat pelancongan. Saya telah mencadangkan perkara ini dan memaklumkan kepada EXCO yang berkenaan yang memimpin jawatankuasa berkaitan dengan Permatang Kuatza. Keseluruhannya menggambarkan perlunya meningkatkan kedudukan Bukit Tabur sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa. Gambaran kita mungkin sebagaimana kawasan rekreasi dan Gunung Kinabalu..dan itu gambaran yang telah diwujudkan dan saya telah mempengaruhi satu mesyuarat dan kemudian ditegaskan bahawa mesyuarat ini akan diketuai oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Dan saya dari segi perancangan saya ingin penjelasan adakah rancangan ini diambil sebagai satu '*time frame*' dengan izin tertentu untuk dijayakan secepat mungkin dan seboleh-bolehnya pada tahun depan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima Kasih Hulu Kelang. Berkenaan dengan tentang Permatang Kuatza yang bakal dibangunkan sebagai satu tapak rekreasi dan juga pelancongan yang penting untuk Kerajaan Negeri, memang perkara ini diselaraskan ataupun sekretariatnya di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Dan pada masa yang sama, selain daripada pelancongan, Kerajaan Negeri juga telah membuat permohonan kepada Jabatan Warisan Negara untuk menjadikan Permatang Kuatza bukan sahaja sebagai warisan negeri bukan sahaja untuk kelayakan warisan Negara tetapi untuk status antarabangsa iaitu UNESCO '*standing*' dengan izin. Jadi, ini adalah satu pakej ataupun pembangunan yang mantap ataupun yang menyeluruh. So, kita bukan sahaja fokus kepada rekreasi dan pelancongan tetapi untuk memelihara kawasan tersebut sebagai satu tapak warisan Negara.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Bukit Lanjan dari segi perancangan dan saya amat berharap agar Bukit Tabur itu dijadikan satu pelaksanaan yang secepat mungkin berdasarkan perancangan yang ada. Kerana minatnya memang kita kalau buka '*google*' *internet headline*'nya banyak tapi tidak ada daripada institusi ataupun jabatan rasmi Kerajaan Negeri Selangor ataupun Malaysia. Ramai orang yang berminat dengan tempat itu mempromosikan di peringkat antarabangsa. Pada hujung minggu berbagai begitu ramai berbagai-bagai Negara datang untuk menikmati keindahan alam dengan mendaki gunung ataupun Bukit Tabur tanpa penyelaras yang setakat ini telah melibatkan 11 kematian kerana mereka terjatuh daripada tempat-tempat yang mereka tidak tahu bahayanya. Yang kedua yang saya timbulkan Puan Pengerusi adalah berkaitan dengan Permatang Kuatza..pada tahun 60an, ketika mana Dato' Haron Idris menjadi Menteri Besar, dia menggalakkan rakyat Selangor untuk memajukan. Satu orang boleh teroka satu ekar. Tempat itu dinamakan '*Ranjau D Boy*' iaitu di mukim Hulu Kelang dan Setapak. Dan...saya difahamkan memandangkan Jabatan Perancangan Bandar telah membuat satu pemetaan baru maka apa yang telah diisyiharkan oleh Dato' Menteri Besar yang lepas iaitu Sungai Panjang telah diubah daripada taman waris..taman rimba kepada taman warisan. Yang bererti bahawa tempat itu boleh dikatakan sebagai rizab hutan

yang khusus. Jadi kesan daripada itu, mereka yang telah mendapat geran..mereka dakwa sebagai geran pada taman warisan satu ekar satu peneroka itu telah dinyatakan akan ditarik balik dengan memberi pampasan. Jadi kita..mereka sedih lah kerana mereka telah menanam tanaman-tanaman buah-buahan dan sebagainya dan ingin mendapat hasil berterusan. Jadi kalau saya minta penjelasan apakah status sebenar taman warisan di ‘Ranau D Boy’?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Hulu Kelang. Untuk makluman Hulu Kelang...ini soalan yang pertama lah sebelum yang kedua itu. Memang ada pelbagai perancangan termasuk cadangan-cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Kelang. Jadi, bukan sahaja JPBD tetapi Majlis Perbandaran Ampang Jaya juga ada cadangan untuk menaiktaraf kawasan tersebut. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang diberi tanggungjawab untuk menjaga kawasan tersebut supaya mereka..kita tidak ada...kemalangan yang berlaku di sana ataupun kematian maka ada syarat-syarat yang ketat diperkenalkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor khas untuk pendaki Permatang Kuatza supaya mereka ada satu permit. Dua, alat peralatan mendaki yang memuaskan. Tentang selain daripada itu, kita juga telah ada satu ekspedisi bio-diversiti di mana pelbagai jabatan dan juga universiti menyertai ekspedisi tersebut dan satu buku akan dicetak pada masa yang terdekat. Dua minggu yang lalu ada satu seminar khas di mana bukan sahaja kajian saintifik diperkenalkan tetapi kita juga ada menjemput sebagai contohnya Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara dan juga seorang rakan yang menjaga tapak-tapak warisan berciri ekologi daripada Negeri Sabah untuk memberi maklum balas dan juga cadangan-cadangan di mana macam mana kita boleh membangunkan Permatang Kuatza. Berkenaan dengan tentang lot-lot yang diberi sebelum ini..kepada beberapa penduduk-penduduk berdekatan setakat ini JPBD dan juga Majlis, maaf bukan Majlis..Pejabat Tanah dan Daerah mengesyorkan bahawa satu zon penampang perlu diadakan khasnya kalau kita ingin mendapat kelayakan warisan antarabangsa UNESCO. Walau bagaimanapun, kalau sesuatu lot yang berada berdekatan ataupun dalam zon penampang kalau mereka menepati syarat-syarat yang amat ketat, sebagai contohnya kalau Hulu Kelang menyatakan bahawa mereka ada kebun menanam sayur ataupun ada pokok-pokok buah-buahan dan sebagainya kalau saya tak silap..itu dibenarkan. Tetapi kalau nak naikkan satu kondo 20 tingkat di sana tidak dibenarkan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Akhir sekali Tuan Pengurus, adalah tentang apa yang berlaku di Kampung Kemensah, Hulu Kelang. Beberapa tahun yang silam yang lepas mereka digalakkan untuk meneroka kawasan hutan, menanam pokok buah-buahan tanaman-tanaman kontan yang diberikan TOL. Kemudian, di atas perancangan Jabatan Bandar dan Desa, kerjasama dengan PBT MPAJ, saya dimaklumkan juga dengan Pejabat Daerah Tanah Gombak tempat itu telah dikemukakan pada pihak MMKN pada selepas tahun 2008..kemudian dipersetujui dan dirizabkan digazetkan sebagai kawasan tадahan air. Dan merupakan hutan kekal..hutan simpan kekal...yang mana pada masa ini yang

juga...yang sekarang ini tanaman mereka yang telah mereka tanam tujuh lapan tahun yang lepas telah mendatangkan hasil. Jadi ini isu sentimen yang menyebabkan 28 orang penduduk dan peneroka orang kampung di situ. Jadi, maknanya masuk saja di tempat itu, mereka akan diberikan notis oleh Jabatan Hutan denda RM50,000.00. Bawa keluar buah rambutan durian..kena denda RM100,000.00. Jadi, mereka merayuh di atas ihsan Kerajaan Pakatan Rakyat bagaimana nak buat. Terutamanya Dato' Menteri Besar yang prihatin..mereka merayu bagaimanakah mereka boleh menikmati sekurang-kurangnya beberapa tahun dan tak nampaklah gambarannya bahawa pokok durian, rambutan, manggis, pulasan nak ditebang. Tetapi mereka berjanji bahawa mereka akan buat yang terbaik selaras dengan apa yang dikehendaki oleh pihak kerajaan asalkan mereka boleh masuk tak kena..tak kena notis saman dan boleh bawa keluar..membawa hasil untuk keluarga mereka dan orang kampung. Jadi saya minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Hulu Kelang. Perkara ini perlu disemakkan tetapi untuk makluman dewan yang mulia ini, penerokaan kawasan yang digazet sebagai hutan simpan dan juga taman warisan tidak lagi dibenarkan. Walau bagaimanapun, kalau ada sejarah sepertimana yang disebut oleh Hulu Kelang kita akan semak dan lihat macam mana kita boleh memberi bukan TOL kerana TOL itu hanya untuk tanah kerajaan tetapi permit penggunaan untuk mengeluarkan hasil-hasil yang tertentu sebagai contohnya buah-buahan. So, kita boleh ada syarat-syarat yang ketat untuk perkara ini.

**TUAN SPEAKER:** Yang terakhir Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 257, perbekalan 16 vot 505000. Dalam saya suka untuk...apa ni menyambung apa yang dikatakan tadi mengenai 'zonning'. Saya melihat apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Cempaka tadi itu perkara ini satu perkara yang sulit dan berubah-ubah mengikut kehendak semasa. Dan saya melihat terutamanya di kawasan saya kehendak-kehendak pembangunan begitu memuncak sehingga baru-baru ini 25 kelulusan diberikan untuk apa ni..pembangunan. Dan dalam hal ini saya melihat bahwasanya ada beberapa permasalahan di dalam kita meluluskan perkara-perkara macam ini. Semasa kita merancang pembangunan sesuatu tempat. Kita melihat bahwasanya ada masalah pengurusan kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan baru masyarakat yang akan lebih bergantung kepada Kerajaan Pusat. Jadi, persoalannya di sini terutamalah contohnya seperti infrastruktur-infrastruktur baru. Jadi pengurusan-pengurusan sebegini menimbulkan masalah dan desakan rakyat kemudiannya. Dan ini telah pun nampak kita lihat di kawasan saya ya..jadi kalau tidak diambil kira pengurusan-pengurusan kehendak dan keperluan-keperluan baru rakyat setempat saya bimbang kita akan mengalami masalah-masalah di kemudian hari nanti. Terutamanya kalau macam jalan dia akan menyebabkan kesesakan-kesesakan

jalan-jalan baru. Jadi persoalan saya di sini apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengambil alih pengurusan masalah-masalah ataupun kehendak-kehendak baru ini tanpa kebergantungan kepada Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dari segi jalan, jalan raya. Jalan pun ada banyak perkara yang sememangnya di selenggara oleh Kerajaan Negeri bukan kesemuanya diserahkan kepada Kerajaan Pusat. Tetapi Kerajaan Pusat juga ada tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri dan kepada rakyat Negeri Selangor. Saya rasa benda ini termaktub dalam Perjanjian Persekutuan di mana rakyat di negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia ini ada hak-haknya tersendiri. Dan memang betul banyak perkara dari segi penyelenggaraan dan juga banyak kemudahan-kemudahan sememangnya diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri. Seperkara dari segi ‘zonning’, tukar ‘zonning’ kita mesti membezakan sama ada ianya adalah hanyalah tukar ‘zonning’, tukar daripada..mungkin daripada pertanian kepada kediaman, ataupun kepada perniagaan ataupun ianya hanya sekadar memasukkan kemudahan-kemudahan baru. Ia satu perkara yang berbeza. Kalau kita ada pembangunan pun..pembangunan baru di dalam satu tempat tetapi ‘zonning’ nya memang telah ditetapkan sebelumnya pembangunan tersebut maka tidak perlu ditukar zon tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Puan Speaker, soalannya di sini ialah apabila ia membuat ‘zonning-zonning’ baru untuk pembangunan terutamanya perumahan tanpa mengambil kira kita punya kemampuan untuk menyediakan infrastruktur dan kebergantungan kita kepada kerajaan mesti buat dan tanpa mengambil kira bajet-bajet apa ni...Kerajaan Persekutuan saya bimbang contohnya macam kawasan saya lah..saya melihat kelulusan yang diberi sampai 2,000 ekar dengan pemilik-pemilik tanahnya memecahkan kepada empat lima bagi 1,000 ekar itu yang tidak payah memerlukan apa ni kebenaran Kerajaan Persekutuan. Cukup dengan kelulusan Kerajaan Negeri. Ini akan membawa kepada kepadatan hingga 80 ke-100,000 orang bagi sesuatu kawasan. Jadi kalau kita tidak...kalau kita tidak bersedia untuk mengambil alih apa ni...keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak semasa ketika itu, saya bimbang kerana bila pembangunan itu berlaku 250, 250, 250, 250 ekar dia tidak akan ada ‘phases’. Tidak akan ada ‘phase 1’, ‘phase 2’. Dia akan mungkin akan tumbuh serentak. Jadi keperluan itu kena tengok apabila kita nak apa ni..meluluskan sesuatu zon pembangunan di kawasan-kawasan berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua perkara di situ. Yang pertamanya adalah dari segi pembangunan. Pembangunan apabila pembangunan itu besar, dan ianya melebihi daripada 100 ekar, ataupun ia mempunyai penduduk lebih daripada 10,000, ia tidak boleh diluluskan di peringkat Kerajaan Negeri sahaja. Ia perlu pergi kepada peringkat persekutuan, dan perlu dibentangkan dalam Majlis Perancangan Fizikal Negara. Jadi tidak betul kalau, satu pembangunan yang besar lebih daripada 100 ekar atau

lebih daripada 10,000 penduduk, pihak kerajaan persekutuan tak tahu, sebab kita, di negeri mana-mana sahaja di Malaysia ini bahawa kalau lebih daripada 100 ekar, lebih daripada 10,000 penduduk mesti diluluskan di peringkat Majlis Perancangan Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Perkara kedua, kebenaran merancang, kelulusan kebenaran merancang untuk apa-apa projek ditetapkan di situ, dari segi jalan, tanggungjawab membina jalan, tanggungjawab menyediakan kemudahan seperti sekolah, balai polis, sekolah menengah, sekolah rendah, rumah ibadat, memang akan kita syaratkan kepada pemaju-pemaju apabila mereka memohon untuk mendapatkan kebenaran merancang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD:** Soalan akhir, Puan Speaker. Saya nak kepastian sama ada 100 ekar atau 250 ekar ke atas mendapat kebenaran kerajaan pusat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** 100 hektar, minta maaf, 220, ha, ialah 100 hektar. Atau 10,000 penduduk.

**TUAN PENGERUSI :** Jadual B.16 - iaitu wang sejumlah **RM8,755,355.13 (Ringgit Malaysia Lapan Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Lima Ribu Tiga Ratus Lima Puluh Lima dan Sen Tiga Belas)** untuk Kepala B.16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar, **RM13,866,414.03 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Lapan Ratus Enam Puluh Enam Ribu Empat Ratus Empat Belas dan Sen Tiga)**.

**TUAN PENGERUSI:** Kajang.

**Y.B DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 267, iaitu B.17 di dalam Belanjawan 2015 ini, Jabatan Veterinar diperuntukkan sebanyak RM21.5 juta. Saya ingin merujuk kepada peranan Jabatan ini, yang mencakupi aspek yang luas, iaitu kawalan pembasmian penyakit, pengeluaran komoditi ternakan, keselamatan produk veterinar, sumber genetik, penyelidikan dan latihan dan penguatkuasaan. Saya ingin mengetahui, berapakah sumbangan dalam bentuk ekonomi, iaitu pulangan kepada Kerajaan Negeri daripada produk-produk veterinar ini, seperti daging, tenusu dan sebagainya. Ini kerana saya melihat kepada butiran 505000 di bawah peruntukan pentadbiran dan kewangan, sudah mencapai 9.2 juta. Kemudiannya dicatatkan di sini, emolumen perkhidmatan veterinar daerah sebanyak 98,000 sahaja. Saya ingin mengetahui, apakah bilangan pegawai-pegawai veterinar di peringkat negeri dan daerah, apa kini mencukupi. Memandangkan lembu-lembu yang diberikan untuk

korban hari itu memang kurus-kurus. TEPUK. Ini kalaualah pegawai veterinar kita tidak mencukupi, kemungkinan kita akan mendapat lembu yang kurus juga, tahun depan. (KETAWA) Mohon EXCO menjelaskan jumlah pegawai-pegawai yang sedia ada. Saya ingin juga mengetahui apakah bilangan mereka mencukupi atau efektif, untuk menjalankan peranan dalam beberapa aspek yang saya sebutkan tadi. Saya berpendapat bahawa Selangor sebagai sebuah negeri yang maju harus tidak meminggirkan sumber ekonomi daripada hasil tenusu, terutamanya susu kambing sekarang ini, memang popular. Dan berusaha mengurangkan bekalan daging dan produk tenusu yang diimport daripada luar negara. Dahlah kita ada masalah NFC tu, biarlah Selangor menanganinya dengan baik lagi. Usaha memperbanyakkan petugas dan menaik taraf kecekapan mereka, mungkin boleh membantu menjana pendapatan negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Kajang yang bertanya berkaitan dengan beberapa persoalan. Berkaitan dengan status, mungkin yang dimaksudkan dengan bekalan daging itu telah pun saya jawabkan dalam soalan mulut. Memang Selangor dari sudut kadar sara diri kita masih lagi berada di tahap yang rendah dan seperti mana jawapan saya sebelum ini bahawa banyak aktiviti-aktiviti, program-program yang telah kita laksanakan. Dan walau bagaimanapun dari sudut bekalan dalam Selangor ini mencukupi kerana kita ada keupayaan untuk import dan sebagainya. Yang berkaitan dengan emolumen dan sebagainya, kita sekarang ini, dalam proses memastikan bahawa dari sudut guna tenaga ini mampu untuk kita memberi dengan penghasilan yang paling optimum, yang paling optimum. Walau bagaimanapun, kalau ditanyakan kepada jabatan, sudah pastilah ada keperluan-keperluan pertambahan yang lain. Tapi di peringkat kerajaan akan meneliti apa juga permohonan untuk menambah tenaga kerja dan sebagainya. Tapi apa yang lebih penting adalah untuk pastikan supaya dari sudut gerak kerja itu mampu dilaksanakan secara optimum. Dan untuk pengetahuan Kajang juga, bahawa mungkin secara langsung tidak ada kena mengena dengan lembu kurus seperti mana yang telah pun saya jelaskan, saya jelaskan dan *Insya-Allah* itu juga dah dibincangkan di peringkat MTES dan sebagainya dan *Insya-Allah* berilah kepercayaan keyakinan pada 2015 nanti kita mampu untuk mengatasi permasalahan tersebut. Berkenaan dengan lembu tenusu dan sebagainya, di peringkat Jabatan Veterinar, kita menyediakan banyak program terutamanya apa yang di istilahkan sebagai Skim Pengganda Ruminan Selangor (SPERS) untuk menambahkan bilangan ladang-ladang komersial ini. Termasuk juga program-program transvokasi yang penternak-penternak sedia ada, antara ke Ladang Sungai Nilam, Hulu Selangor dan sebagainya. Ramai di kalangan penternak-penternak yang terlibat dalam translokasi projek ini, tidak berapa gemar untuk pindah disebabkan oleh jarak dan sebagainya. Jadi di peringkat Jabatan Veterinar, dari masa ke masa akan berbincang dengan mereka.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Minta maaf, berapa orang, berapa orang Veterinar yang, apakah mencukupi or not.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Berkenaan dengan bilangan dan sebagainya secara spesifik itu, saya akan maklumkan kemudianlah, berapa yang ada dan mungkin berapa pertambahan yang di *request* atau di pohon oleh Jabatan. Terima kasih.

**TUAN PENGURUSI:** Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Puan Speaker, saya merujuk Vot B. 17 Butiran 505000, Perkhidmatan dan perbekalan. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor mengenai dasar tentang haiwan perkhidmatan veterinar ini. Untuk memastikan kita mempunyai *supply*, dengan izin ataupun bekalan yang mencukupi. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu dasar di mana kita mahu bekalan yang paling banyak, produktiviti yang bagus, tetapi di dalam masa yang sama mengambil kira bahawa pemakanan akan adalah satu sumber yang boleh menjelaskan kesihatan di masa depan. Jadi apakah dasar yang dibuatkan oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya produk yang dikeluarkan di negeri Selangor ini tidak menjelaskan, membawa kanser, menyebabkan darah tinggi dan sebagainya untuk masa depan pengguna produk yang dihasilkan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Selat Kelang, yang bertanya berkenaan pemakanan yang sihat dan sebagainyalah. Sudah pasti di sana ada *guide line guide line*, tatacara-tatacara dan juga undang-undang untuk memastikan bahawa segala ternakan-ternakan ruminan, ternakan-ternakan lembu-lembu tenusu, unggas dan sebagainya, dia ada dia punya peraturan-peraturan, undang-undang dan sebagainya. Dan di peringkat kerajaan juga menggalakkan sebenarnya penternakan-penternakan yang mungkin kita boleh *explore* lebih lanjut berkenaan ternakan organik walaupun masih di peringkat awalan dari sudut dasar ini, tapi kita menggalakkan supaya pengurangan bahan-bahan kimia dalam ternakan-ternakan ini mampu kita kurangkan dengan semaksimum mungkin. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih. Saya merujuk kepada butiran program 505001, berkaitan dengan pentadbiran dan kewangan. Seperti kita maklum bahawa mutakhir ini ataupun selalu kita katakan tentang ternakan lembu dan juga kambing. Saya ingin bertanya Kerajaan Negeri, adakah Kerajaan Negeri telah pun mengkhaskan satu kawasan atau pun zon bagi mereka yang berminat untuk menternak lembu secara komersial, secara besar-besaran mungkin boleh difikirkan sebanyak, mungkin lebih daripada 20 ekor lembu, satu-satu pengusaha itu boleh di zon kan dalam satu kawasan supaya lembu-lembu ini akan dijadikan satu produk makanan bagi negeri Selangor. Saya juga ingin merujuk kepada butiran program 522000 mengenai kesihatan veterinar. Kita maklum

bahawa penyakit berjangkit selalu berlaku kepada haiwan-haiwan ini dan akan menjelaskan juga kesihatan bagi penduduk awam. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan khususnya bagi untuk menghindarkan penyakit, daripada penyakit berjangkit khususnya di kawasan-kawasan penternakan babi ataupun khinzir supaya masalah penyakit-penyakit atau penyakit yang dihadapi penduduk-penduduk tempatan khususnya penyakit kulit dan juga penyakit-penyakit lain tidak berlaku secara serius.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Pihak kerajaan mengalu-alukan sekiranya ada di kalangan penternak yang ingin menternak khususnya daging-daging, lembu-lembu daging dan sebagainya dan seperti yang disebutkan tadi ada beberapa tempat termasuk di Ladang Sungai Nilam, yang baru saja saya turun dalam Jelajah Tani, Hulu Bernam dalam dua minggu lepas. Sebenarnya masih banyak lagi tapak-tapak ataupun tanah-tanah yang masih kosong yang kita sebenarnya menggalakkan kalau ada penternak untuk datang dan kita boleh berbincang dan ada juga ada tempat-tempat yang lain, yang kita boleh nyatakan. Yang keduanya berkaitan dengan penyakit berjangkit itu memang menjadi satu tugas Jabatan Veterinar untuk, pertama sekali memastikan bahawa dari sudut permit-permit untuk membawa masuk binatang-binatang lembu dan sebagainya mesti melalui proses tatacara yang telah ditetapkan. Dan juga di sana ada proses kuarantin dan sebagainya, termasuk jugalah untuk ladang khinzir. Dan juga yang keduanya, dari sudut penguatkuasaan, *spot check* dari masa ke semasa juga diadakan di ladang-ladang yang kita mesti memastikan bahawa ladang itu didaftarkan di bawah Jabatan Veterinar, supaya kita dapat maklum, mengambil maklumat dan boleh kita mengadakan semakan secara dari masa ke semasa. Kita juga mohon kepada di peringkat Ahli Dewan juga *public* untuk melaporkan sekiranya ada usaha-usaha penternakan yang kita syak tidak mendaftarkan kepada kerajaan ataupun Jabatan Veterinar.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan.

**TUAN PENGERUSI:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Puan Pengerusi. Merujuk muka surat 267 butiran program 2532000 Perkhidmatan Veterinar Daerah. Dan sekiranya dirujuk kepada buku senarai perjawatan muka surat 104 hingga 110, kita lihat bahawa penempatan pegawai-pegawai veterinar agak seimbang. Walau bagaimanapun kita yakin bahawa oleh sebab pengalaman yang sudah lama dalam menguruskan isu veterinar ini maka, pegawai-pegawai petugas akan pro aktif menangani masalah dan penyakit yang timbul di daerah-daerah tertentu. Cuma saya ingin timbulkan sebagai daerah, 9 daerah, hanya 3 daerah yang diketuai oleh pegawai veterinar, bakinya adalah penolong pegawai veterinar gred G32. Dan saya ingin minta penjelasan kenapa daerah-daerah seperti Petaling, Kuala Langat dan daerah Kelang, diketuai Pegawai Veterinar, sedangkan yang lain adalah Penolong.

Adakah itu implikasi kepada masalah, pengalaman ataupun perkembangan perjawatan semata-mata. Kerana ini ada kesannya kepada.....

**TUAN PENGURUSI:** Yang Berhormat Hulu Kelang, boleh sambung nanti.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula. Baiklah jam telah menunjukkan 1.00 petang. Jadi saya tangguhkan sesi Dewan hingga 2.30 petang hari ini. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Baiklah. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengerusi. Yang saya timbulkan tadi adalah tentang perjawatan di mana dengan perjawatan sebanyak 232 pada tahun ini dan diwujudkan sama pada tahun akan datang.

Kita merujuk pula pada senarai perjawatan Selangor 2015. Dilihat bahawa di setiap daerah ada keseimbangan daripada segi perjawatan (daripada 16 kakitangan ke 20). Cuma persoalan saya timbulkan adalah daripada segi mengapa ada perbezaan beberapa daerah dipimpin oleh Pegawai Veterinar, manakala yang lebihnya dipimpin oleh Penolong Pegawai Veterinar. Adakah sebab masalah yang wujud berlainan ataupun apakah isu yang sebenarnya? Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Hulu Kelang, Puan Pengerusi. Berkaitan dengan perjawatan di peringkat daerah seperti mana yang dimaklumkan tadi hanya ada tiga daerah iaitu Petaling, Kuala Selangor dan Klang sahaja yang diketuai oleh Pegawai Veterinar yang berkelulusan *degree*. Selebihnya Penolong Pegawai Veterinar yang berkelulusan *diploma*. Sekarang ini sebenarnya dalam proses peringkat Jabatan Veterinar sendiri untuk mencadangkan *re-org* kepada Kerajaan Negeri supaya setiap daerah ini dipimpin oleh individu yang mampu mengisi jawatan P&P inilah (peringkat *degree* ataupun Pegawai Veterinar itu sendiri). Dan kita mengharapkan nanti dalam pertimbangan Kerajaan Negeri mampu untuk memenuhi keperluan ini kerana memang sangat perlu di peringkat Jabatan Veterinar daripada daerah ini dipimpin ataupun diketuai oleh Pegawai Veterinar itu sendiri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Pengerusi, seterusnya adalah tentang peningkatan minat dalam bidang ternakan import/eksport di Malaysia ini daripada lembu, kambing dan seumpamanya. Di mana peranan Jabatan Veterinar adalah untuk memastikan penyakit-penyakit yang tidak pernah timbul di Malaysia berkaitan dengan manusia ataupun haiwan dapat kita kawal. Sebagaimana contoh, kalau kita difahamkan di UIA sendiri, terdapat lebih daripada 100 *nationalities* (dengan izin) iaitu pelajar-pelajar yang datang dari pelbagai negara. Sebelum ini, kita tak pernah dengar penyakit TB. Ada. Itu cerita lama tahun 60-an. Tapi telah timbul penyakit *tibcolasis*. Dan kalau kita nak tinjau, Australia (contohnya) mereka sangat *strict* (dengan izin) tentang kemasukan benih-benih tumbuhan ataupun haiwan. Jadi, saya nak penjelasan dengan kakitangan yang agak seimbang di semua daerah yang meluas, di manakah strategi yang digunakan, apakah strategi yang digunakan untuk

memastikan scanning ataupun semakan sepenuhnya terhadap haiwan-haiwan yang ada di Malaysia ini bebas daripada jangkitan virus (kalau berlaku kepada manusia bahawa jangkitan kepada binatang ataupun sebaliknya dalam kawalan).

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Hulu Kelang. Saya rasa soalan tadi lebih kurang sama dengan Tanjung Sepat tadi. Tanjung Sepat. Memang di peringkat Jabatan Veterinar mempunyai tatacara yang ketat berkenaan dengan pengimportan lembu-lembu ataupun binatang-binatang ternakan daripada luar negara. Begitu juga proses semakan ataupun penguatkuasaan pemantauan dari masa ke masa. Dan seperti mana yang disebutkan tadi, walaupun dengan kekangan tenaga kerja, kita tidak kompromi dalam permasalahan ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Puan Pengerasi, soalan saya yang akhir adalah khusus tentang musim korban di mana kemasukan lembu yang (berdasarkan pada) pertanian *feed lock* sangat meningkat. Kita nak pastikan sejauh manakah peraturan yang ditetapkan untuk memastikan setiap haiwan itu mendapat sijil kebenaran untuk disembelih dilakukan. Dan saya difahamkan di Hulu Kelang baru-baru ini oleh sebuah syarikat yang hanya mengimport kambing, tapi kambingnya datang *just two weeks* (hanya dua minggu) sebelum raya korban. Dan dia tinggal itu (dalam dua minggu itu), diberi makan, digemukkan dan hanya untuk diimport dihantar ke surau-surau kepada pelanggan yang nak membeli kambing. Jadi saya khuatir kalau tidak, kalau terlepas pandang ataupun ada tindakan yang tidak *strict* yang menyebabkan haiwan-haiwan ini menjadi punca penyakit *veterinary* pada masa yang akan datang. Sila jelaskan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih. Seperti mana yang kita tahu, binatang-binatang daripada luar negara memang dia ada proses yang ketatlah. Saya tak pasti bilangan dan sebagainya. Mungkin untuk ruang saya semak, tetapi perlu dikuarantinkan, dipastikan dan barulah boleh untuk dibuat korban ataupun disembelih untuk makan dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya nak merujuk kepada muka surat 267 (17) kod 522000 berhubung dengan kesihatan veterinar ini. Saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO peranan ataupun kuasa yang diberi kepada veterinar daerah-daerah ini. Kerana apa yang saya lihat terutamanya di kawasan saya (di Dusun Tua), keghairahan individu-individu yang ingin ataupun dah buat belaan terutamanya lembu, kambing yang agak besar, kandang yang luas, tetapi dari segi kawalan pembersihannya nampaknya begitu teruk sekali. Malahan, penduduk di sekitar telah membuat aduan ada kandang-kandang kambing ini waktu malam berbau. Dan juga lembunya (air najis lembu) itu masuk ke kebun-kebun orang. Dan ini kadang-kadang menjadi satu perkara yang kita rasa perlu veterinar mengambil peranan supaya masyarakat tidak merasakan ini satu perkara yang tak

sepatutnya berlaku kerana agensi kerajaan yang bertanggungjawab seolah-olah tidak ambil kisah malahan aduan telah dibuat tetapi veterinar mengatakan ini tanggungjawab Alam Sekitar. Jadi, ingin tanya kepada Y.B. EXCO apakah aduan ini perlu dipanjangkan kepada pihak EXCO ataupun macam mana tindakan yang perlu mereka ambil untuk mengatasi perkara ini di masa-masa yang akan datang?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Dusun Tua di atas keprihatinan itu. Pertamanya, aduan secara spesifik perlu dilanjutkan kepada Jabatan Alam Sekitar dan juga kepada Jabatan Veterinar untuk diambil tindakan dan kerana apa? Kerana dari sudut kebenaran dan sebagainya nanti, kita akan boleh pantau sekiranya tidak memenuhi spesifikasi yang telah pun ditetapkan. Dalam masa yang sama, kita menggalakkan para penternak ini boleh menggunakan teknologi-teknologi baru seperti *effective micro* (sebagai contohnya) untuk mengurangkan ataupun meniadakan bau-bau busuk daripada najis dan juga hasil-hasil buangan penternakan ini. Ini belanja yang mungkin sedikit perlu diberikan, perlu dikeluarkan oleh para penternak supaya (ialah dalam keadaan kita ingin memastikan bekalan daging dan sebagainya cukup, dalam masa yang sama juga berada mungkin jarak yang mungkin menyebabkan masih lagi bau dan sebagainya sampai, jadi pengorbanan sikit oleh penternak itu untuk belanja pastikan supaya) penggunaan teknologi EM ini mampu untuk diguna pakai. Para penternak boleh merujuk kepada Jabatan Veterinar daerah untuk mengetahui apakah cara-cara dan tatacara untuk pastikan perkara ini boleh diselesaikan.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B17 iaitu wang berjumlah RM13,866,414.03 untuk kepala B17 (Jabatan Perkhidmatan Veterinar) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B18 (Pejabat Daerah dan Tanah Petaling) RM13,903,488.70.

**TUAN SPEAKER:** Saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, kalau satu perkara telah dibangkitkan oleh seorang Adun, tak payah semua orang bangkit isu yang sama ya. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 285 untuk butiran vot B18 (Pejabat Daerah dan Tanah Petaling) butiran 505000 – Pentadbiran dan Kewangan kod 10,000 emolumen.

Puan Pengerusi, saya ingin membangkitkan tentang peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah. Di mana jawatankuasa ini telah pun ditubuhkan beberapa tahun yang lalu di setiap pejabat tanah dan daerah dan termasuk di Pejabat Daerah Petaling. Sepatutnya jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan yang mana mesyuarat ini akan membenarkan

setiap Adun termasuk ahli parlimen juga untuk membangkitkan isu-isu yang berlaku di daerah ataupun di kawasan masing-masing. Saya mencadangkan supaya jawatankuasa tindakan ini dirombak semula. Sebabnya ialah kerana jawatankuasa ini telah pun bertukar menjadi sebuah jawatankuasa ataupun mesyuaratnya semakin panjang dan tidak berkesan. Sebab saya mengatakan begini kerana jawatankuasa ini selalunya menjemput wakil dari pelbagai jabatan kerajaan sama ada daripada kerajaan pusat ataupun Kerajaan Negeri dan mesyuaratnya menjadi begitu panjang. Selalunya kita bermesyuarat dari awal pagi, pukul 9 sampai ke pukul 2, pukul 3 pun ada (saya pernah hadir). Dan saya rasa ini tidak berkesan, tidak efektif. Ada banyak isu seperti isu berkenaan dengan polis, isu berkenaan dengan keselamatan, bomba, kesihatan, PBT. Sebenarnya boleh ditangani oleh ahli majlis ataupun antara pusat khidmat dengan PBT itu sendiri dan tidak perlu melalui koordinasi di peringkat pejabat tanah dan daerah.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya perkara ini dilihat jawatankuasa ataupun Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah ini dirombak semula supaya kita menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tanah Daerah khusus untuk para Adun menumpukan perhatian terhadap perjalanan ataupun pemprosesan hal ehwal tanah seperti masalah pemberimilikan tanah, perlanjutan tempoh hak milik, pelupusan tanah, pecah bahagian, pecah sempadan, isu *strata title*. Ini akan memberi satu peluang kepada para Adun untuk memantau pentadbiran tanah baik seawal dari peringkat daerah lagi. Selalunya masalahnya timbul apabila Adun tidak ada peluang untuk mengetahui perkembangan terkini sesuatu proses ataupun sesuatu permohonan tanah. Dan ini menyebabkan banyak masa dibazirkan. Jadi sebab itu, saya berasa adalah baik untuk Jawatankuasa Tanah Daerah dipulihkan dan Adun boleh memainkan peranan untuk melihat bagaimana pemprosesan tanah itu boleh diadakan.

Ini juga boleh sebenarnya diadakan untuk jabatan-jabatan lain yang mempunyai pejabat di peringkat daerah seperti JKR dan JKM ataupun JPS. Di mana, saya rasa ini akan menjadikan fungsi Jawatankuasa Tindakan Daerah itu akan menjadi lebih berkesan kerana ia akan dipecahkan kepada jawatankuasa ataupun mesyuarat-mesyuarat yang lebih kecil yang khusus untuk jawatan itu saja di peringkat daerah. Jadi, ini adalah isu yang

**TUAN SPEAKER:** Telefon siapa itu?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak apa. Terganggu sikit sekejap ya. Tak apa. Itu adalah yang pertama. Yang kedua adalah berkenaan dengan penguatkuasaan.

Puan Speaker, dalam pernyata JP-ABAS yang lepas, kami telah pun dimaklumkan tentang aduan daripada KSSB tentang operasi beberapa lombong pasir yang haram yang telah pun diadu kepada KSSB kepada pejabat daerah dan juga PTG (khususnya pejabat daerah), tetapi tidak ada tindakan diambil. Dan di kawasan

Petaling ada dua lokasi lombong pasir haram iaitu di Taman Perindustrian Puchong dan tapak Puchong Prima. Mengikut pernyata JP-ABAS, dua surat dan empat surat masing-masing telah pun diajukan kepada pejabat tanah tetapi masih kekurangan tindakan penguatkuasaan di peringkat PTD Petaling. Jadi, saya mohon sedikit penjelasan daripada kerajaan tentang kedua-dua isu yang saya bangkitkan tadi itu. Sekian saja.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama adalah jawatankuasa Tindakan Daerah. Perkara ini (*insya-Allah*) akan diambil maklum dan akan dikaji oleh pihak kerajaan. Namun begitu, isu-isu seperti polis, isu-isu seperti bomba atau isu-isu lain juga perlu dibincangkan di peringkat daerah. Jadi, walau bagaimanapun kalau ianya terlampau panjang, apa yang boleh dilakukan adalah untuk *split* mesyuarat tersebut ataupun khusus untuk isu-isu tanah (*strata title* dan hak milik), ada satu mesyuarat ini khas tetapi isu-isu lain (kesihatan pun dibincangkan, bomba) dan perkara-perkara itu dalam satu mesyuarat yang lain.

Perkara kedua adalah tentang penguatkuasaan. Ada dua isu di situ. Kerajaan Negeri akan menyiasat tentang kedua-dua aduan atau laporan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Puan Speaker (Puan Pengerusi). Saya nak *feed back just* (dengan izin). Yang pertama sekali ialah geran tanah untuk Kampung Baru sangat-sangat perlahan. Yang satu sudah (saya ada 17 *application* yang sudah *two and half years old*), lepas itu ada 38 lagi permohonan baru selepas 5 Mei. So, saya nak minta penjelasan kerajaan kenapa begitu perlahan? Yang ada banyak fail pun sudah hilang. So, ketidakcekapan ini perlu ditangani dan saya bercadang kepada Kerajaan Negeri supaya semua permohonan untuk geran yang dimasukkan dengan dokumen yang sudah siap perlulah dibagi satu masa. *For example*, sebagai contoh, 100 hari kita memastikan bahawa permohonan yang *complete* boleh dibagi untuk penduduk-penduduk Kampung Baru. Begitu juga sama dengan *land title* untuk tokong-tokong. So, sudah lama (hari-hari) kita kejar, tulis surat. So, saya minta ada tindakan daripada Kerajaan Negeri untuk, *you know stream line the bureaucracy* ?

Ada satu lagi ialah TOL. Saya amat *I receive very well* (dengan izin) dan apa yang dikatakan dengan Menteri Besar bahawa tanah rizab TNB dengan JPS akan dibagi TOL untuk penduduk membuat pertanian. Memang ini saya menyambut baik sebab apa-apa pun sekarang rizab tanah jadi untuk sampah sarap, untuk mereka buat besi buruk. Banyak aktiviti sudah haram. So, lebih baik kita bagi TOL bagi orang membuat pertanian. Tetapi, apa yang saya bimbang adalah sama ialah birokrasi kerajaan *make a* (menjadikan yang) *application* (permohonan) untuk TOL ini menjadi

terlalu susah. Kena tunggu bertahun-tahun baru dapat TOL. So, minta penjelasan kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, terima kasih Puan Pengerusi dan terima kasih Damansara Utama. Dalam permohonan tanah ini dia melibatkan bukan saja pejabat tanah, dia memerlukan laporan teknikal daripada pelbagai jabatan termasuk majlis perbandaran, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, JKR, JPS dan sebagainya. Jadi kadang-kadang, itu bukan masalah di pejabat daerah kerana pejabat daerah dan tanah galian memerlukan laporan teknikal ini. Dan ini adalah salah satu sebab kadang-kadang menyebabkan kelewatan.

Untuk kes-kes yang disebutkan oleh Y.B. Damansara Utama, pihak kerajaan meminta butir-butir di mana kita boleh melihat kerana adalah terlalu umum kalau kita menyebut pejabat tanah lambat dalam mengendalikan perkara ini. Jadi, mungkin lebih adil untuk pegawai kita juga sekiranya Yang Berhormat dapat membekalkan butir-butir permohonan-permohonan yang telah pun berlanjutan dan tidak ada jawapan.

Dan keadaan yang sama juga untuk permohonan bagi menggazetkan tanah untuk tujuan rumah ibadat bukan Islam. Dan perkara ini, saya terlibat secara langsung di mana saya telah pun (jawatankuasa yang dipengerusikan oleh saya) telah pun memberikan arahan di mana setiap permohonan dari rumah ibadat selain Islam itu diberikan masa 6 bulan bagi pemprosesan proses laporan dan sebagainya dalam tempoh 6 bulan. Dan selepas 6 bulan, maka pejabat tanah daerah diperlukan untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam mengapakah permohonan itu tidak dapat diproses dalam 6 bulan. Jadi, memang ada tempoh masa yang telah pun ditetapkan untuk pejabat tanah daerah memproses permohonan tersebut.

Dan kemudiannya, apabila dibentangkan di dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam, maka setelah keputusan dibuat sekiranya ditolak, maka memang ditolak terus. Kalau dibenarkan / diluluskan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam, maka ia akan dalam tempoh 2 minggu, PTG hendaklah memaklumkan pada pihak PTD dan kemudiannya dalam tempoh yang tertentu juga (ditetapkan), misalannya dua minggu atau 4 minggu hendaklah sampai ke PTG untuk dibentangkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dan setelah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri meluluskannya, maka ia perlu mendapatkan Pelan Akui daripada JUPEM. Dan sekarang, kita menghadapi masalah di JUPEM. Dan saya sendiri telah pun bermesyuarat dengan pegawai di JUPEM di mana kami dimaklumkan dalam 60 hari mereka akan menyiapkan Pelan Akui. Selepas itu, baru proses gazet itu dapat dilangsungkan. Jadi, dia melibatkan pelbagai jabatan termasuk JUPEM di bawah kerajaan persekutuan. Jadi, kalau kita menyalahkan satu pihak (iaitu PTD saja), agak tidak adil.

Dan untuk permohonan TOL, sudah tentu apabila kita membenarkan (dasar membenarkan) untuk permohonan bagi tujuan pertanian, kita akan pastikan supaya proses birokrasi ini akan dikurangkan. Tetapi, ia tidak boleh melepas ataupun tidak boleh mengabaikan proses teknikal itu tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak minta

**TUAN SPEAKER:** Ya, Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak tanya, boleh tak kita set untuk *time frame* untuk geran juga (geran untuk Kampung Baru) macam rumah ibadat?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kita boleh pada itu kerana dia melibatkan pelbagai jabatan dan kadang-kadang tidak selamat kalau tidak mendapat maklumat daripada (katakan) JKR. Kita ( bila kerajaan) tidak dapat memastikan sama ada tanah tersebut terletak dalam rizab JKR, jika kita luluskan, keluarkan geran, maka itu akan mendatangkan masalah yang lebih besar kemudian. Oleh itu, boleh dipertimbangkan untuk menetapkan tempoh masanya, tetapi tempoh masa itu haruslah munasabah (pertama), (yang keduanya) apakah tindakan yang boleh dibuat sekiranya laporan teknikal masih tidak sampai. Itu yang akan seharusnya kita pertimbangkan supaya tidak ada masalah yang kemudian.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan mengenai B18 di bawah kod jabatan 0215 - 505001 (khidmat pengurusan dan dasar-dasar baru). Saya ingin bangkitkan tentang banyaknya permohonan-permohonan daripada pemaju kawasan yang telah diluluskan untuk perizaban. Biasanya, tanah-tanah yang diluluskan untuk rizab terutamanya rizab keagamaan dan pendidikan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Pengerusi, saya ingin tahu sama ada Sungai Burong membangkitkan isu di bawah Pejabat Tanah Daerah

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Pejabat Daerah Petaling.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Petaling. Ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Yang ada permohonan dibuat di daerah Petalinglah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Jadi isu perizaban tanah ini (tanah yang telah diluluskan pembangunannya dan dibuatkan perizaban). Masalah sekarang, perizaban ini perlu dipohon oleh agensi berkenaan. Maksudnya, misalnya perizaban tentang tapak sekolah agama atau masjid kena dipohon oleh jabatan berkenaan. Tapi, masalahnya ialah jabatan-jabatan ini tidak tahu bila tanah-tanah ini telah diluluskan. Jadi, agensi-agensi ini kalau tidak diberitahu, mereka tidak akan membuat permohonan. Dan ini telah menyebabkan masalah birokrasi.

Jadi, persoalan yang kita timbul hari ini ialah bagaimana kita nak mempercepatkan proses birokrasi sama ada mengenal pasti tapak-tapak yang telah diluluskan ini perlu secara telusnya dimaklumkan kepada agensi-agensi yang berkaitan, supaya dengan ini kita dapat mengetahui ada permohonan-permohonan tanah. Biasanya pada masa yang lepas, kita ada Jawatankuasa Tanah di mana dalam Jawatankuasa Tanah Daerah perkara ini ditimbulkan. Sebagai contoh, katalah Jabatan Pendidikan (dia) ingin misalannya tanah telah diluluskan satu tapak untuk sekolah, tapi kerana dia tak sedar, tak tahu dan tidak dimaklumkan, jadi masalah ini menyebabkan mereka tidak membuat permohonan. Jadi, keadaan ini menyebabkan mereka ini kemudian akan menuing jarilah. Kata tapak belum ada, tapi tapak tanah disediakan, permohonan tidak dibuat. Jadi, perkara-perkara ini secara dapat diwujudkan untuk tujuan penambahaikan sistem pengurusan (apa orang kata) perizaban tanah-tanah tersebut.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya rasa mustahil bahawa mereka tidak tahu. Sebab benda ini diluluskan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Dan dalam banyak kes juga, sekarang ini kita menetapkan masa untuk mereka membangunkan tapak-tapak tersebut sama ada dengan sekolah ataupun perkara-perkara lain yang dipohon. Bermakna bahawa Kerajaan Negeri akan memaklumkan dan kita menetapkan masa untuk mereka membangunkan akan institusi yang mereka pohon itu.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada perkara muka surat 284 (bilangan perjawatan). Saya tidak ingin menyalahkan mana-mana pihak, saya cuma nak tanya untuk mendapat penjelasan.

Isu pajakan tanah menjadi satu isu yang besar di DUN Bukit Gasing memandangkan lebih daripada 80% Bukit Gasing adalah bukan tanah *freehold* tetapi tanah *leasehold* dan banyak penduduk sekarang membuat *renewal* tanah pajakan mereka kerana inilah kawasan yang tertua di Petaling Jaya. Tetapi saya sering mendapat aduan, dia mengambil masa yang lama. Tidak seperti 6 bulan dalam KPI pejabat tanah (mengambil masa 9 bulan, setahun dan banyak kes juga yang lebih daripada setahun). Jadi saya ingin tanya, apa sebenarnya masalah? Kalau tak cukup perjawatan, kita pun tidak tambah perjawatan dalam belanjawan ini. Ataupun ada

tak efficiency pegawai-pegawai ataupun apalah sebenarnya masalah? Mungkin saya boleh dapat penjelasan sebelum soalan seterusnya.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Perkara yang dibangkitkan, saya perlu rujuk kepada pihak yang terlibatlah dan kita akan maklum. Boleh bagi saya masa menunggu yang paling lama sekali mengenai permohonan dan kita akan semak dan supaya KPI ditetapkan itu akan dapat dipatuhi.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Boleh. Saya boleh bagi nombor-nombor fail yang berkenaan kepada Y.B. EXCO untuk menyemak kenapa dia begitu lambat.

Yang keduanya, saya pun dimaklumkan pihak MBPJ (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) telah menulis kepada Pegawai Daerah Petaling memaklumkan satu senarai rumah terbiar yang sudah lama bertahun-tahun terbiar dan sudah usang untuk tindakan pejabat daerah ataupun pejabat tanah. Kerana di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara, pejabat daerah ada kuasa untuk merampas tanah-tanah tersebut yang terbiar. So, tanah-tanah ini menyebabkan kacau ganggu kepada jiran-jiran sekelilingnya. Tetapi kita belum mendapat respons. So, mungkin ada tak juga satu KPI untuk masalah-masalah seperti ini dan apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menjawab apa yang dimohon oleh MBPJ?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Puan Pengurus. Sebenarnya adalah tidak adil sekiranya untuk tanah yang terbiar itu dirampas oleh kerajaan. Dalam undang-undang itu diperuntukkan (dalam Kanun Tanah Negara diperuntukkan) jika disalah guna tanah maka boleh dirampas. Tapi kalau terbiar, itu kita kena lihat keadaan sebenar. Jadi, sekiranya dia menimbulkan kacau ganggu kerana tidak menjaga tanah tersebut dan menyebabkan adanya ular dan binatang liar, masih tindakan boleh diambil oleh pihak tuan pemilik tanah. Jadi, tidak adil kalau kita rampas umpamanya rumah. Dia mungkin dah mungkin ditinggalkan. Ini adalah harta warisan pusaka. Tapi anak dia tidak tinggal di situ, orang tua dia tidak ada, tapi dia masih harta dia dan dia pernah bayar premium. Jadi, adalah tidak adil kalau kita rampas. Jadi kita kena lihat kepada keadaan sebenarlah.

Dan sebenarnya pihak majlis perbandaran juga ada kuasa untuk membersihkan tempat tertentu. Kemudian, menuntut daripada pihak pemilik tanah tersebut. Jadi, kuasa-kuasa itu boleh digunakan. Jadi, kalau kita hanya ambil tindakan merampas saja kerana orang tidak jaga tanah maka dia akan menimbulkan masalah. Mungkin nanti Yang Berhormat akan bawa balik, kenapa rampas harta rakyat sedangkan dia masih belum berkemampuan (pinjaman belum dapat dan sebagainya), ekonomi tidak baik. Jadi, kita kena lihat keadaan sebenarnya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya rasa mungkin ada sedikit salah faham. Bukannya saya suka tanah dirampas dan bukannya saya kata semua kena dirampas. Tetapi, ada juga beberapa kes di mana berpuluhan tahun tak ada orang

duduk di rumah tersebut dan rumah itu memang dalam keadaan usang (bumbung dah hilang, ada sesetengah dinding yang sudah hilang) dan yang paling penting pemilik dia tidak dapat dicari. Saya cuma (saya pun dapat dimaklumkan) oleh MBPJ bahawa banyak rumah yang dia dapat dikesan pemiliknya, pemiliknya didakwa kerana membiarkan rumah dia dalam keadaan yang tidak terjaga. Itu di mana kes yang boleh cari pemilik. Tapi bagaimana dengan kes yang tidak boleh dicari pemilik? Kalau MBPJ boleh membersihkan keseluruhan rumah itu tak apa, tapi buat masa ini MBPJ hanya mampu membersihkan kawasan di luar rumah. Semak-semak itu MBPJ mampu membersihkan, tetapi pagar yang hilang (*gate* yang hilang), bumbung yang hilang, MBPJ tidak mampu membuat apa-apa.

Ada satu kes di mana penduduk jiran-jiran dia tersendiri membawa traktor merobohkan rumah yang sudah separuh roboh kerana 30 tahun tidak ada orang menduduki rumah tersebut di kawasan DUN Bukit Gasing. Jadi, yang saya merujuk ini bukannya kes-kes biasa. Tapi dia *special cases*.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau *special* kes kita bawa ke mesyuarat yang *speciallah*. *Special* kes untuk kita tangani masalah seperti itu dibawa secara khusus kerana ini tidak melibatkan satu dasar dan perkara seperti ini kerana ia merupakan.... jadi untuk ini saya mohon juga mungkin Yang Berhormat boleh memaklumkan kepada Majlis Perbandaran dan membuat siasatan yang khusus dan membuat mesyuarat yang khusus menangani masalah yang khusus ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Itu yang tadi saya bagi tahu MPPJ ada menulis surat kepada Pejabat Daerah Petaling ada memaklumkan beberapa kes ini. Bukan kita kata semua rumah yang kosong tidak tetapi beberapa kes ini sudah ditulis suratnya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau pihak Pejabat Tanah tidak mengambil tindakan atas surat daripada MPPJ maka Yang Berhormat menasihatkan MPPJ kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengambil ke atas Pegawai Daerah yang tidak membalas surat Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Tuan Pengurus, saya nak merujuk kepada muka surat 283, kod 525000 berkenaan dengan pengurusan tanah. Saya nak merujuklah kepada EXCO yang berkenaan dengan permohonan lesen menduduki sementara iaitu TOL yang telah diperolehi pada tahun 2006 untuk tujuan rumah kediaman. Saya tahu bahawa kalau tanah tersebut telah dibangunkan rumah, pemohon boleh memohon untuk geran, itu saya faham. Tetapi masalahnya apabila pemohon memohon geran tapi jangka masa yang diperuntukkan nak memprosesnya terlalu lama. Jadi apakah cara kerajaan

untuk nak mengelakkan banyak sangat birokrasi untuk nak memastikan mereka-mereka ini dapat memohon geran tersebut.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Itu, Kerajaan Negeri sememangnya ada satu skim Yang Berhormat di mana kalau mereka telah menduduki tanah tersebut dalam jangka masa yang lama dan ada rumah yang didirikan di atasnya, mereka berpeluang untuk membuat permohonan untuk diberi milik akan tanah tersebut. Tetapi ini tertakluk kepada beberapa syarat seperti ia tidak di dalam sama ada rizab jalan, rizab sungai atau rizab-rizab lainlah. Tapi kalau perkara-perkara yang lain atau kalau ianya merupakan tanah kerajaan yang tidak termasuk di dalam mana-mana rizab maka mereka berpeluang untuk membuat permohonan. Jadi apa yang mungkin Yang Berhormat perlu dilakukan untuk memajukan ini merupakan *special* kes yang boleh melihat apakah masalah yang berlaku di situ.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Satu lagi soalan, berkenaan saya juga dapat maklumat bahawa ada di antara, ok selepas 2008 semua lesen TOL ini tidak boleh diperbaharui dan apa yang terjadi ada agensi-agensi tertentu mengagih-agihkan tanah-tanah ini dan telah mewar-warkan kepada penduduk untuk mereka memohon TOL ini semula kepada Pejabat Tanah. Adalah ini berlaku ataupun apakah tindakan yang dibuat ke atas mereka-mereka yang buat permohonan ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang Berhormat Kota Damansara sebenarnya dari segi peruntukan dalam Kanun Tanah Negara, TOL ataupun lesen menduduki sementara itu tidak memberikan hak untuk pemegang lesen memohon geran tanah selepas mereka menduduki tanah tersebut. Tetapi itu tidak bererti mereka yang tidak ada TOL tidak boleh memohon sebenarnya di pihak kerajaan dasar yang sedia ada adalah sekiranya terbukti seseorang itu telah menduduki tanah kerajaan untuk sekian masa yang lama dan ada yang mengusahakan tanah tersebut dan jika tertakluk kepada syarat-syarat di mana dia bukan di dalam rizab jalan, rizab sungai, rizab JKR dan sebagainya. Maka dia boleh pohon dan kerajaan telah meluluskan banyak permohonan tersebut khususnya di kawasan kampung tetapi itu tidak ada TOL, TOL itu hanya satu lesen TOL itu seolah-olah tanah itu disewa daripada kerajaan. Jadi dalam hal ini selepas tahun 2013 lepas satu dasar sebelum itu, iaitu tidak perlu TOL. Jadi pemahaman masyarakat adalah bahawa pembaharuan TOL tidak dibenarkan itu, tidak soal itu. Soal sebenarnya dasar pada masa itu tidak perlu TOL lagi kerana kerajaan yang Ehsan tidak payah susahkan rakyat. Tetapi disebabkan pemahaman masyarakat sekarang ini bahawa mereka tetap nak TOL tersebut. Maka dikaji melihat kawasan tertentu tidak akan mendatangkan masalah kemudian kerajaan sudi juga untuk memberikan TOL. Tetapi dengan peringatan yang khusus bahawa itu tidak boleh menjadi alasan untuk mohon geran tanah. Melainkan dia memenuhi syarat tertentu kalau tidak dia menimbulkan masalah seperti yang berlaku sebelum tahun 2008 di mana seseorang pemilik itu mempunyai TOL bertahun-tahun dan dia menggunakan itu sebagai alasan atau pun melihatnya

sebagai satu hak untuk memperoleh tanah kerajaan. Dan sebenarnya banyak TOL itu adalah diberikan ke atas tanah rizab, oleh itu tidak dapat diberikan geran walau pun ia bertahun-tahun menduduki atau mendiami tanah tersebut.

**TUAN PENGURUSI:** Jadual B.18 – iaitu wang sejumlah **RM13,930,488.70 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Sembilan Ratus Tiga Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Lapan dan Sen Tujuh Puluh)** untuk Kepala B. 18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Usul Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.19 – Pejabat Daerah dan Tanah Gombak **RM13,137,475.20 (Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Satu Ratus Tiga Puluh Tujuh Ribu Empat Ratus Tujuh Puluh Lima dan Sen Dua Puluh Dua).**

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Pengurus. Berkenaan dengan muka surat 291, Butiran Program 525000 Pengurusan Tanah. Emolumen peningkatan setengah juta untuk tahun depan dan perjawatannya kekal 194 pada tahun ini dan diunjurkan sama pada tahun depan. Isu yang telah kita perakui ialah tentang usaha-usaha kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor membuat reformasi berkenaan dengan pengurusan tanah yang telah dilaksanakan oleh mantan Menteri Besar dan kita yakin akan diteruskan dengan penambahbaikan oleh Menteri Besar yang ada sekarang. Di mana beberapa perkara telah kita timbulkan antara perkara yang berlaku reformasi besar adalah hubungan yang mesra, terus telus di antara pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Gombak khususnya dengan rakyat dan wakil rakyat. Di mana semua prosedur dikemukakan, diterangkan pekeliling-pekeliling yang tidak pernah dinyatakan kepada DUN sebelum ini telah dinyatakan dengan jelas. Walau bagaimanapun beberapa polisi masih lagi kurang jelas contohnya tentang permohonan kebanyakan kalau di kawasan Hulu Kelang ini adalah penduduk Melayu, mereka lebih cenderung untuk mendapatkan tanah mereka sebagai *free hold*. Itu telah dijelaskan dari segi persaingan pembangunan tanah dan sebagainya tetapi mereka masih lagi menganggap bahawa perkara ini sebagai satu penting. Di samping itu juga ada mereka dijelaskan bahawa permohonan tanah adalah di bawah MBI, itu telah dijelaskan oleh Pegawai Daerah pada saya beberapa bulan yang lepas. Penjelasan yang saya ingin dapatkan dari pihak kerajaan buat masa ini adalah apakah benar semua permohonan tanah dilakukan mesti melalui MBI? Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sebenarnya bukan, tidak ada dasar kerajaan permohonan perlu melalui MBI kerana tanah kerajaan adalah ditadbirkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah, dia melalui Pejabat Tanah dan Daerah ditadbirkan. Dan

melainkan tanah kerajaan yang telah diberi hak milik kepada MBI sebarang permohonan melalui MBI kerana MBI adalah sebuah syarikat. Maka semua permohonan tanah mereka sama ada untuk menyewa dan sebagainya perlu melalui MBI. Tetapi untuk tanah kerajaan itu adalah di bawah Kerajaan Negeri dan agensi di kawasan daerah memanglah di bawah PTD.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, mungkin saya akan cuba cari dokumen tersebut dan saya akan kemukakan kepada pihak kerajaan. Keduanya adalah tentang pertindihan permohonan yang bertindih di mana permohonan ini kalau dulu di Hulu Kelang contohnya di Batu 8, atau pun Batu 7 ¾ Jalan Hulu Kelang, MR2. Mereka telah memohon tanah ini sejak tahun 1960an, 1970an ada sebahagiannya yang dapat, sebahagiannya ditolak dengan syarat yang ditolak sementara. Cara keputusan sedemikian, jadi apa yang ditimbulkan adalah apabila kita memberi sokongan terdapat *zoning* telah dibuat di bawah Draf Rancangan Kerajaan Tempatan MPAJ. Jadi itu adalah tempat yang dikatakan yang sedangkan bertahun-tahun itu adalah kampung dan hasrat mereka yang memohon di samping mereka yang sudah dapat untuk mengekalkan kawasan kampung tradisi. Mereka bersetuju untuk akur dengan apa-apa syarat yang akan ditetapkan dari segi *layout* dan sebagainya dengan izin. Jadi saya nak minta penjelasan dari segi bagaimanakah kerajaan menyelaraskan di antara rancangan tempatan PBT dan rancangan permohonan yang sudah masuk daerah sejak tahun 1960an, 1970an dan rancangan kerajaan untuk memastikan tidak adanya tempatan setinggan di tanah-tanah kerajaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Untuk permohonan tanah kalau mengikut Akta Draf Perancangan Bandar dan Desa semua kegunaan tanah itu hendaklah mematuhi zon mengikut yang telah pun diluluskan. Jadi dalam permohonan tanah itu, MMKN juga mengambil maklum tentang perkara ini di mana apabila MMKN menguruskan permohonan tanah, kita melihat juga kepada ulasan dari JPPD dan JPPD lah memang pihak yang berkuasa dalam perkara ini dan mempunyai autoriti untuk mengesahkan sama ada tanah yang dipohon itu berada di dalam zon perniagaan atau pun perubahan dan sebagainya. Jadi sekiranya tanah-tanah kerajaan di dalam zon industri maka permohonan tanah untuk tujuan kediaman memang sukar dibenarkan. Tetapi sekiranya ada masalah yang bertindih seperti ini maka cara yang terbaik ialah membuat permohonan kita yang mendapat geran supaya ditukarkan zon jadi sebelum yang lain boleh memohon khususnya di kampung dapat dilakukan, kerana dapat diselaraskan oleh Ketua Kampung atau Penghulu. Bermakna ada pengetahuan bahawa tanah tersebut di kawasan tersebut ada dapat tanah di mana kegunaan tanah adalah untuk kediaman tetapi di zon sebagai industri sebelum ini. Ada masalah seperti itu maka boleh diselesaikan sekiranya dibawa ke mesyuarat supaya buat permohonan bagi menukar zon selepas itu baru kita buat permohonan tanah. Jadi itu memerlukan memang penyelarasan daripada Ketua Kampung dan Penghulu supaya masalah ini dapat diketengahkan dapat diketahui dan dimaklumkan kepada pihak Kerajaan Negeri.

Jadi melalui individu memang sukar untuk mengetahui masalah seperti itu. Jadi saya meminta Yang Berhormat sekiranya ada kes-kes seperti itu maka seharusnya dibawa kepada Penghulu supaya perkara ini boleh dibawa ke pengetahuan pihak PTD dan selepas itu kita dapat menasihati bagaimana proses yang dapat dilakukan supaya permohonan tanah dapat dipertimbangkan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Yang terakhir Tuan Pengerusi adalah tentang maklumat yang baru terima, dan message saya akan berurusan dengan Pejabat Daerah Gombak bertemu dan menjelaskan bertanya dengan Pegawai Daerah tetapi kali ini saya tidak sempat cuma dalam satu suasana ketulusan dan untuk memastikan nama baik Pejabat Daerah Gombak tidak tercemar saya ingin pihak dewan mengambil maklum tentang aduan-aduan. Pertama tentang penyalahgunaan isu tanah TOL, saya tahu bahawa Kompleks Penghulu Hulu Kelang adalah di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Gombak dan banyak bisikan-bisikan, tetapi bila saya siasat suatu dulu ketika benda ini *clear*. Dan apabila saya meminta Unit Audit Dalaman membuat audit kampung-kampung di Hulu Kelang semuanya ok. Tetapi masih ada lagi aduan tidak puas hati bahawa menyatakan bahawa sebahagian Kompleks Penghulu Mukim Hulu Kelang disewakan kepada Peniaga Tomyam. Ini bunyikan macam remeh tapi saya cuba atasi tapi benda ini timbul, sabotaj orang iri hati orang kita tidak tahu cuma saya nak beritahu dalam sidang dewan ini. Semuanya adalah tuduhan atau dakwaan menyatakan PLB ini di Pejabat Daerah Gombak ada mendapat tanah TOL dan TOL berada di Kompleks Pejabat Daerah Gombak di depan ada warung, itu adalah tanah kerajaan yang diberi TOL kepada PBL mekanisme saya tidak pasti, tetapi apa yang penting PLB apabila mendapat bayaran disalurkan kepada Kelab Sukan PLB. Jadi bunyinya tidak cantik tapi demi ketulusan pentadbiran kerajaan saya ingin minta penjelasan ataupun jawapan kemudian.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang, seperti yang kita sedia maklum sebelum ini memang ada satu dasar Kerajaan Negeri yang tidak lagi menganugerahkan lesen menduduki sementara atau pun TOL in. Walau bagaimana pun berdasarkan aduan yang kita terima daripada pelbagai pihak dalam sesi perbahasan belanjawan baru-baru ini kita juga telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan meneliti semula dasar tersebut khususnya untuk tujuan pertanian sekiranya ada tanah-tanah kerajaan yang belum dibangunkan dan sekiranya tidak ada perancangan untuk dibangunkan khususnya di kawasan desa dan pendalamatan yang boleh dibangunkan secara pertanian maka penganugerahan secara LMS ini boleh dipertimbangkan. Sekiranya tanah itu dibangunkan oleh pihak tertentu untuk tujuan perniagaan dan sebagainya, ini perlu mematuhi garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Jadi tentang dakwaan mukim Kompleks Penghulu di Mukim Hulu Kelang dan TOL bagi PLB.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya, sekiranya ada aduan seperti ini kita perlu semak dululah, bagaimana mereka boleh menduduki tanah kerajaan dan menjalankan perniagaan termasuk di Kompleks Penghulu Hulu Kelang dan juga yang berhadapan dengan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Di mana saya nyatakan tadi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menggunakan tanah kerajaan perlu mematuhi peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan. Jadi ada dua kes khusus yang dibangkitkan oleh yang Berhormat Hulu Kelang saya akan minta supaya Pegawai Daerah Gombak menyiasat perkara ini. Terima kasih.

**PUAN PENGERSUSI:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Puan Pengerusi. Rawang ingin merujuk kepada muka surat 291 butiran 525001 pengurusan tanah dasar baru. Saya ingin bertanya sama ada sebab barang kali pejabat saya juga terima aduan bahawa pemohon-pemohon ini mereka tidak dapat *keep track* dengan izin ataupun dapat maklum balas daripada Pejabat Tanah tentang tanah mereka yang dimohon dan kita sedia maklum bahawa setiap kelulusan tanah itu dia perlu ulasan daripada jabatan teknikal yang berkenaan. Cuma saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri ataupun Pejabat Tanah berhajat ada satu sistem yang mana kita gunakan ataupun *on line* itu untuk pemohon tu semak sendiri sejauh manakah status permohonan tanah mereka itu. Supaya ini bagi saya juga secara tidak langsung mengurangkan beban pegawai di Pejabat Tanah ataupun pejabat kita atau pun sesiapa yang berkenaan untuk menjawab. Dengan ini saya rasa dia boleh bagi satu access bagi orang awam juga untuk supaya kita lebih telus dalam permohonan dan juga kelulusan tanah ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Rawang, saya kira perkara ini juga ada dibangkitkan minggu lepas ketika perbahasan dalam belanjawan di mana dalam ucapan penggulungan tersebut, Kerajaan Negeri ada menyatakan bahawa pihak PTG sedang meneliti beberapa mekanisme yang dapat membantu mempercepatkan permohonan, itu yang pertama. Yang kedua, kita juga meneliti cadangan yang dibangkitkan untuk membolehkan pemohon-pemohon yang berkenaan dapat meneliti status permohonan tersebut dan perkara ini saya percaya akan diteliti semula oleh Dato' Pengarah Tanah dan Galian negeri untuk mencari mekanisme yang terbaik bagi mengemaskinikan kaedah yang diguna pakai pada hari ini. Sebagai contoh yang saya nyatakan baru-baru ini permohonan pindah milik strata bangunan strata telah pun siap satu kaedah baru yang akan kita lancarkan pada awal tahun 2015 bagi mempercepatkan proses pindah milik strata yang berkenaan. Terima kasih.

**PUAN PENGERSUSI:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya terpanggil juga untuk menimbulkan satu isu yang berkaitan dengan Pejabat Tanah Daerah Gombak. Saya tak termasuk, saya tak tersasul. Termasuk dan tersasul ya. Pejabat Daerah Gombak ini berkaitan dengan isu yang berlaku tentang isu tanah di Taman Selayang, di Taman Selayang Mutiara, Bukit Botaklah yang selalu kita katakan Bukit Botaklah di mana ada seorang pemilik tanah nama dia Ong Ban Hin. Dia dapat tanah tu daripada bapa dia Ong Ka Chee, 2005 dia dapat tawaran Borang 5A dan bayar premium 2005. O.K. Kemudian dapat hak milik sementara, dah dapat geran hak milik sementara, 2009 dia tukar milik kepada anaknya, anaknya Ong Ban Hin. Anaknya tidak duduk di kawasan tersebut. Anaknya di kawasan lain, dia tukar tanah itu sudah tukar pindah milik kepada anaknya. Dan 2009 ketika itu ada projek di mana ada tawaran daripada Pejabat Tanah dengan PKNS mengatakan bahawa di situ akan dibuat perancangan untuk Bukit Botak untuk rumah semi D dan sebagainya. Mereka dimintakan serahkan balik tanah tersebut, serah balik tanah tersebut. Isu yang berlaku ialah pemberimilikan PT 2365 HSD 55746 Mukim Batu itu telah terbatal disebabkan oleh keputusan MMKN Bil 5 2011 bertarikh 9/2/2011. Maknanya terbatal 2011 atas keputusan MMKN. Hak milik sementara terbatal. Ok. Isu sekarang ialah tanah sudah di milikan ini dan sudah diambil oleh kerajaan untuk PKNS dan sebagainya untuk perancangan penyusunan semula tapi sampai sekarang tuan milik tanah Ong Ban Hin ini tidak mendapat semi D dan tidak mendapat apa-apa pampasan dalam isu ini timbul isu adakah wajar kerajaan mempunyai hak untuk membatalkan pemberimilikan tanpa sebarang bayaran dan itu isu yang pertama. Yang kedua dalam ulasan yang saya telah berjumpa dengan Tuan D.O Gombak, beliau memberi tahu pemberimilikan ini dibatal sebab keputusan MMKN. Satu. Alasan pembatalan keputusan terdahulu adalah disebabkan tapak tokong hendaklah diganti dengan tapak tokong. Di mana dalam tanah tersebut si ayah ini dia bina satu tokong di situ ada kawasan komuniti cina. Dia sendiri bina satu tokong untuk sembahyang. Mana dikatakan itu sebagai tapak tokong. Ini individu dia bina tapak tokong. Dan tukar nama kepada anak yang tidak dibesarkan di Bukit Botak, dia kata tak boleh. Kalau geran milik individu setahu saya kalau geran milik individu saya nak tukar kepada anak saya berada di Singapura pun boleh. Bukan semestinya duduk di Bukit Botak. Jadi isunya sekarang bagaimana keadaan ini berlaku dan adakah kerajaan sedar bahawa hak pemberimilikan ini boleh ditarik balik dengan sewenang-wenangnya. Jadi saya tuntut isu ini, isu soal keadilan. Kenapa dia tak dapat pampasan ataupun semi D. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Ini satu isu yang dibangkitkan secara khusus tentang seorang pemilik yang tidak mendapat tawaran di Bukit Botak dan aduan telah di kemukakan melalui Yang Berhormat Sekinchan. Saya bersedia untuk meneliti kes ini secara khusus walau pun secara umumnya sukacita saya memaklumkan bahawa pembangunan di Bukit Botak ini adalah ekoran daripada kegagalan pihak pemaju membangunkan rumah-rumah seperti yang telah dijanjikan kepada pemilik-pemilik dan peneroka asal di kawasan tersebut. Sejumlah lebih 1400 keluarga yang memiliki tanah-tanah lot di

kawasan tersebut telah memberikan PA kepada sebuah pemaju dan dijanjikan untuk membangunkan kawasan tersebut dan menyerahkan rumah-rumah kepada pemilik yang berkenaan. Walau bagaimana pun seperti yang kita sedia maklum berlaku kelewatan dan kegagalan pihak pemaju untuk membangunkan maka apabila Pakatan Rakyat diberikan amanah pada tahun 2008 perkara ini telah dibangkitkan dan sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat kita mengambil maklum tentang keperluan perumahan di kawasan tersebut maka Kerajaan Negeri pada ketika itu telah meminta PKNS untuk meneliti cadangan pembangunan. Maka Kerajaan Negeri telah mengambil balik tanah-tanah yang berkenaan untuk dibangunkan oleh PKNS dan PKNS terpaksa menanggung subsidi 80 juta ringgit semata-mata untuk menyelamatkan lebih 1400 keluarga di kawasan tersebut. Oleh yang demikian apabila PKNS telah membangunkan *landed property* iaitu rumah berkembar di kawasan tersebut, kita telah membuat tawaran yang pertama kepada semua pemilik-pemilik asal tanah di kawasan tersebut. Namun kita ada masalah kerana kita tidak dapat bertemu dengan sebahagian dengan pemilik-pemilik asal, walaupun telah dilaporkan secara terbuka dalam akhbar, dalam media untuk menjemput semua pemilik-pemilik asal itu tampil ke depan dan diberikan tawaran rumah tersebut, masih ada lagi yang belum dapat kita kesan. Jadi kalau ada kes tertentu seperti ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan saya percaya perkara ini boleh kita teliti dan sekiranya mereka mempunyai dokumen yang lengkap bahawa mereka adalah pemilik tanah yang asal, Kerajaan Negeri boleh pertimbangkan. Terima kasih.

**PUAN PENGERTI:** Jadual B 19 iaitu wang sejumlah RM13,1037,475.22 untuk kepala B 19 Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak menjadi sebagai sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B 20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang RM13,34928,000.17

**PUAN PENGERTI:** Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Pengrusi. Saya merujuk kepada muka surat 301 Vot B 20 Pejabat Daerah dan Tanah Kelang. Butiran 505000 gaji dan upahan khidmat pengurusan.

Pejabat Daerah Kelang adalah satu menjaga daerah yang agak besar dan isu-isu tanah pun agak banyak, jadi saya melihat ada masalah sedikit tentang ujudnya modal insan yang penting. Pertama yang sekarang ini KADO yang menjaga PLB tidak ada dan dulunya A.D.O tanah juga tidak mempunyai modal insan yang penting ini, jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan di dalam dasar kerajaan yang baru ini

adakah ya, yang sebelum ini pun A.D.O kadang-kadang dia kursus enam bulan, jadi siapa ada di situ untuk menyelesaikan masalah-masalah khususnya masalah tanah, masalah PLB dan sebagainya. Jadi saya mohon kerajaan adakah dipastikan bahawa mereka yang mempunyai kerja yang khusus di sana dalam kadar yang memang cukup untuk menyelesaikan masalah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Selat Kelang. Saya mengambil maklum tentang masalah yang di hadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kelang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi dan mungkin ini soal perjawatan yang mungkin perlu diperkemaskan. Walau bagaimana pun seperti yang saya nyatakan tadi, apabila kita memperkenalkan satu kaedah dan sistem yang baru untuk mempercepatkan proses-proses permohonan tanah dan juga pindah milik tanah ini saya percaya perkara ini dapat kita tangani. Yang kedua nya saya percaya dan kebijaksanaan pimpinan di Pejabat Daerah, sekiranya ada pegawai khususnya CADO yang perlu menghadiri kursus, maka sudah tentulah perkara ini dirancang lebih awal dan diaturkan pengganti dan pegawai yang akan mengambil alih tugasan tersebut dalam tempoh latihan yang perlu dilalui oleh pegawai yang berkenaan. Jadi saya percaya perkara ini kita akan beri perhatian sebab kita tidak mahu ada permohonan yang tertunggak akibat perjawatan yang tidak diperkemaskan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BIN ALI:** Terima kasih Dato' Menteri Besar. Puan Speaker, yang kedua ialah saya merujuk kepada muka surat yang sama 301 butiran 505000 Op Kod Objek 34,000 kenderaan dan jentera.

Bagaimana mungkin sebuah daerah yang ada sungai, ada pantai bahkan ada pulau yang berisiko besar untuk banjir tetapi tidak mempunyai bot langsung sedangkan dalam kanun tanah negara dengan izin ya, *three neutical moulds* daripada persisiran pantai kelang adalah di bawah penjagaan Kerajaan Negeri yang diwakili oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kelang. Jadi saya bertanya kepada kerajaan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan bot untuk memastikan Pejabat Daerah/Tanah Kelang. Jadi saya bertanya kepada Kerajaan, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan bot untuk memastikan Pejabat dan Daerah dan Tanah Klang ini boleh berfungsi dengan sepatutnya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Selat Kelang, sekiranya Pejabat Daerah merasakan ada keperluan untuk menambah aset khususnya dalam konteks pengangkutan termasuk bot ataupun kuda ataupun helikopter, jadi boleh kita pertimbangkan tapi mestilah ada justifikasi yang kuat untuk membolehkan Kerajaan Negeri menimbangkan permohonan tersebut kerana kita juga ada agensi-agensi yang lain yang boleh membantu Pejabat Daerah yang berkenaan sekiranya berlaku banjir ataupun ada pencerobohan oleh pendatang asing seperti yang saya lihat sendiri di Pulau Ketam, kita ada agensi dan jabatan yang boleh membantu Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah bagi menangani masalah-masalah seperti ini.

Walau bagaimanapun sekiranya secara khusus Pejabat Daerah memerlukan kemudahan tambahan, boleh dibincangkan dan kita akan dipertimbangkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 20.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Puan Speaker. Saya nak rujuk kepada muka surat 299, Pengurusan Tanah 525000. Saya nak minta Kerajaan, baru-baru ni ada kedai di Taman *Berkeley* yang berkenaan dengan tanah juga. Dia ada taman, Restoran *Berkeley* ni sudahlah satu-satunya restoran yang lama yang dibina di dalam kawasan dan sudah pun bertugas lama di sini. Sekarang dapatkan Notis untuk robohkan perniagaannya. Separuh tanah itu adalah tanah individu, separuh tanah, tanah Kerajaan, separuh tanah, tanah rizab jalan. Kerajaan kata nak ambil, robohkan dia sebab rizab jalan tu kena digunakan. Saya setuju lah rizab jalan kena disetujukan ambil rizab tanah tetapi TOL ni telah berikan beberapa tahun mereka telah meniaga di sana dan restoran ini ialah restoran *icon* di mana belia-belia semua datang lambat dari Kuala Lumpur dia singgah di sana untuk makan dan *meeting ground* di sana. Saya nak minta Kerajaan apa, apa dia sebabnya kita nak runtuh, roboh restoran ni. Walaupun ada memiliki ialah miliki individu dia, kalau nak ambil tanah rizab saya setuju, ambillah untuk besarkan jalanan tapi untuk robohkan keseluruhan perniagaan ini saya minta penjelasan dari Kerajaan apa masalahnya sebab saya tahu dia tidak ada masalah pertembungan untuk bayar TOL, dia bayar TOL dia tiap-tiap tahun. Masalah dia ialah Pekeliling yang keluar oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk tidak diberi tol lagi dari 2 tahun 3 tahun sebelum ini tidak boleh dibayar TOL untuk tanah itu. Penjelasan daripada Kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas. Restoran yang dikatakan itu, Restoran *Berkeley Corner* itu sebenarnya terletak di atas tanah Kerajaan. Di atas tanah tersebut di sebelahnya adalah tanah milikan persendirian tapi untuk *Berkeley Corner* ni adalah terletak di atas tanah milik Kerajaan iaitu kawasan penampang sebenarnya. Jadi untuk restoran ini pernah diberi TOL dan selepas itu TOL pun diberikan kepada MPK dan MPK menyewakan tanah tersebut kepada restoran itu. Tapi jumlah sewa yang diperolehi sebenarnya tidak mencukupi dan merugikan pihak MPK. Sebab itu Kerajaan telah pun memberhentikan TOL dan restoran tersebut telah pun bertahun-tahun bermiaga tanpa sebarang bayaran. Jadi itulah kalau dikira pampasan dah melebihi pampasan dan sekarang Kerajaan terpaksa mengarahkan supaya dirobohkan kerana diperlukan untuk melebarkan jalan di situ kerana ada satu pembangunan pejabat 9 tingkat telah pun dibenarkan dan tanah tersebut adalah dizonkan sebagai

perniagaan untuk bangunan tersebut. Sementara itu kesesakan di Bulatan *Berkeley* itu memang agak serius sekarang oleh itu terpaksa apabila kita meluluskan pembangunan tersebut maka tanah itu perlu diambil balik untuk melebarkan jalan bagi memastikan tidak ada kesesakan di Bulatan *Berkeley* tersebut dan kalau kita tidak mengambil tindakan tersebut maka akan dibangkitkan oleh seperti Permatang dan Sungai Burong, kawasan penampang dan kawasan rizab diberi kebenaran untuk bina restoran. Itu kita perlu ambil tindakan, ambil tindakan supaya tidak dibenarkan lagi. Jadi kalau kita benarkan maka dikutuk di sebelah sana. Kalau kita tak robohkan dikutuk sebelah sini. Jadi Kerajaan bagi mentimun dengan durian, sini pun tak betul, situ pun tak betul. Tapi kita kena berpegang teguh kepada prinsip kita, kita mengikut undang-undang. Walau bagaimanapun, dalam hal *Berkeley Corner* ini Kerajaan juga telah mengarahkan selepas dirobohkan, Pejabat Tanah dan Daerah telah pun diarahkan supaya mencari tanah untuk ditawarkan kepada mereka selepas perobohan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, boleh tak saya merayu sangat masa ini kita gunakan untuk perbahasan secara dasar pengurusan tadbir Pejabat Tanah ataupun sesebuah agensi. Kalau kita setiap ADUN bangkitkan isu satu kedai, satu rumah kita bermesyuarat 1 bulan pun tak boleh habis. Boleh ya. Ok, di mana kita sekarang?

Ok, Jadual B.20 iaitu wang sejumlah RM13,349,028.17 untuk Kepala B.20 – Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 21 : Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, RM10,854,449.12.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.21 – iaitu wang sejumlah RM10 juta...kena bangun lebih awal ya. Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Pengerusi. Pengerusi dia tunduk-tunduk tadi tu. Saya merujuk kepada muka surat 307 Butiran Program 525000. Seperti dimaklumkan bahawa di Kuala Langat adalah merupakan kawasan pertanian yang luas dan di sana terdapat aktiviti pertanian yang banyak membantu penduduk-penduduk untuk meningkatkan pendapatan masing-masing. Saya ingin kepastian daripada Kerajaan apakah Kerajaan akan terus ataupun akan bersedia untuk memberikan status TOL kepada petani-petani yang telah pun berusaha dan mengusahakan tanah-tanah Kerajaan yang saya kira sangat luas di khususnya di daerah Kuala Langat bagi mereka untuk menambahkan pendapatan isu rumah masing-masing. Ini adalah penting kerana untuk mengelakkan pencerobohan terus berleluasa, jadi kalau pihak Kerajaan tidak lagi memberi status Pendudukan Sementara saya kira Kerajaan akan berhadapan risiko ataupun

berhadapan untuk tidak mendapat hasil daripada aktiviti pertanian yang diusahakan oleh rakyat Negeri Selangor.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat. Yang Berhormat mencadangkan supaya pemberian TOL ini dipertimbangkan semula sebagai langkah kawalan daripada aktiviti pencerobohan. Saya telah sebut sebentar tadi dan sebelum ini bahawa setelah kita mendengar dan mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk menimbangkan semula tanah-tanah Kerajaan yang boleh dimajukan untuk pertanian bagi diberikan secara TOL. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa usaha ini dapat meningkatkan pendapatan dan mengembangkan aktiviti pertanian mereka dan pada masa yang sama kita boleh kawal kedudukan dan aktiviti di tanah yang berkenaan. Yang ketiga, kita juga dapat memastikan tanah-tanah pertanian ini dapat diselia dengan lebih efisien dan bertanggungjawab. Maka PTG sedang meneliti dasar yang baru ini dan kita akan membentangkan dan memaklumkan dalam masa yang terdekat supaya hasrat Yang Berhormat bagi pihak petani-petani itu dapat kita capai dalam awal tahun 2015. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih, satu lagi perkara yang saya ingin kemukakan di sini di Kuala Langat khususnya ada terdapat kawasan hutan simpan yang juga telah diceroboh atau dengan kata lain telah diusahakan oleh petani-petani ni beribu-ribu ekar luasnya. Jadi apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan hutan simpan ini kekal dan dalam masa sama petani-petani ni yang telah berpuluhan-puluhan tahun mengusahakan dan meneroka tanah-tanah tersebut tidak rasa kerugian.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat. Saya kita pagi tadi Yang Berhormat Bukit Lanjan, telah pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri tidak akan membenarkan lagi sebarang aktiviti di kawasan hutan simpan kerana dasar Kerajaan Negeri ialah untuk memastikan sekurang-kurangnya 30% daripada keluasan tanah di Negeri Selangor ini akan kekal sebagai hutan simpan, itu yang pertama. Yang kedua, susulan daripada aduan yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Kelang pagi tadi bahawa ada juga kawasan yang telah diwartakan sebagai Taman Warisan dan Hutan Simpan oleh Kerajaan Negeri tetapi telah dibangunkan atau diterokai sebelum ini bagi tujuan pertanian, yang ini dalam kes-kes tertentu kita boleh pertimbangkan tetapi bukan tujuan untuk memberikan hak milik atau TOL tetapi memberikan permit, dipanggil Permit Penggunaan supaya hasil tanaman mereka itu dapat dikutip dan dikeluarkan tetapi perkara ini perlu dilihat secara spesifik di atas aduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang dan juga Yang Berhormat Tanjung Sepat dari segi dasar kita tidak membenarkan hutan simpan diterokai oleh mana-mana pihak. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Morib

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Puan Pengerusi. Morib ingin mengutarakan satu perkara yang berkaitan dengan merujuk kepada muka surat 307 vot 525002 – Pengurusan Tanah iaitu wujud satu projek rumah terbengkalai di Kampung Tongkah, Morib untuk bekas-bekas pekerja estet di mana pemajunya ialah Era Permai. Projek ini bermula sejak lebih kurang 2004 atau 2005 dan masalahnya adalah berkenaan status tanah, pertukaran status tanah. Jadi pada tahun 2014 dalam lingkungan bulan 3 telah diluluskan sebahagian daripada pemilik-pemilik tanah ini, pemilik-pemilik lot ini, lebih kurang 70 pemilik, bakinya lebih kurang 70 juga tidak diluluskan atas sebab-sebab yang tertentu. Akibat daripada keputusan ini projek ini tidak dapat diteruskan. Jadi mohon penjelasan daripada Kerajaan bagaimana untuk menyelesaikan perkara tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Sebenarnya Kampung Tongkah, Morib, betul ya. Ianya adalah soalan nombor 120. Saya jawab bila sampai la. Sampai masa saya jawab. 120 ya. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.21 – iaitu wang sejumlah RM10,854,449.12 untuk Kepala B.21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada Jadual .

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.22 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, RM13,339,386.45.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Saya dulu Speaker.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** *Ladies first.* Silakan Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Saya ingin membincangkan tentang, bahas tentang vot 22 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat. Saya ingin meminta beberapa perkara dengan merujuk Butiran 505000 mengenai Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat iaitu di mana kawasan saya iaitu Kajang merupakan komponen utamanya. Pada Butiran 11000 iaitu Soal Gaji dan Upahan, saya ingin bertanya mengapakah peruntukan pada tahun ini turun mendadak berbanding dengan tahun 2014, untuk tahun 2015 ini. Tahun 2014 peruntukan sebanyak RM2 juta manakala bagi tahun 2015 turun kepada RM1.1 juta.

Mohon penjelasan apakah rasional di sebalik penurunan ini. Pada Butiran yang berkaitan pula Elaun Tetap pada tahun 2014 berjumlah sekitar RM180,000.00 tetapi pada tahun 2015 ianya naik kepada 385 ribu. Saya pohon penjelasan juga dari sudut peruntukan apakah sumbangan Kerajaan Pusat kepada PTDHL jika ada berapakah peruntukannya berbanding dengan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Saya ingin juga tahu apakah mekanisme yang diambil untuk memantau peranan PTDHL dari sudut memastikan sebarang bantuan kewangan untuk kampung-kampung menerusi JKKK dilaksanakan dengan sempurna. Apakah kajian tahunan dibuat dari sudut memastikan agihan dana yang diperuntukkan kepada kampung-kampung dilaksanakan oleh JKKK untuk program-program yang ditetapkan. Saya juga berharap Pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan peruntukan tahunan RM10 ribu setiap kampung untuk dinaikkan kepada suatu jumlah yang munasabah dengan keadaan semasa. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang yang cukup teliti tentang perkembangan dan kemajuan di kawasan Kajang. Saya meneliti perbahasan Yang Berhormat Kajang sebentar tadi dan saya pohon untuk memberikan sedikit penjelasan tentang beberapa perkara yang dibangkitkan.

Pertama, agihan dana kepada kampung, pembangunan di kampung. Pertama program-program yang dianjurkan oleh JKKK ini memang pada ketika ini kita memperuntukkan RM10 ribu bagi setahun bagi program yang berkenaan dan saya kira sebelum ini pun Yang Berhormat Batu 3 ada mencadangkan supaya peruntukan ini dapat dinaikkan kepada RM30 ribu setahun. Walau bagaimanapun dalam jawapan yang saya berikan sebelum ini pembangunan di kampung ini bukan sahaja dalam konteks program tetapi pembangunan fizikal memang telah kita naikkan dalam satu kadar yang agak tinggi sebagai contoh untuk penambahbaikan dan penyelenggaraan jalan-jalan kampung yang merupakan satu isu yang bagi Kerajaan Negeri penting untuk menjamin kesejahteraan penduduk-penduduk di kampung, kita telah naikkan sebanyak 300 peratus. Sekarang ini peruntukan yang diberikan ialah RM12 juta ringgit setahun daripada RM4 juta ringgit sebelum ini kemudian kita juga mempunyai peruntukan untuk menambah baik dan memulihkan balai raya-balai raya di setiap kampung dan ini juga bagi Kerajaan Negeri merupakan satu pendekatan yang penting kerana balai raya ini merupakan tempat pertemuan masyarakat dan rakyat di kampung itu untuk membincangkan perkara-perkara yang perlu dibahaskan. Maka program JKKK ni walaupun pada kadar RM10 ribu setahun tapi saya kira dengan program-program yang sedia ada ianya dapat menampung keperluan pembangunan di kampung tersebut jauh lebih besar daripada tahun sebelum ini.

Mengenai Belanjawan yang dikatakan berlaku penurunan ianya dibuat dan diagihkan mengikut aktiviti dan bahagian di Pejabat Daerah yang berkenaan dan pembayaran seperti caj emolumen ianya adalah mengikut bahagian dan bayaran adalah secara *payroll*. Maka maklum balas yang saya terima di sini ialah

peruntukan diagih semula mengikut caj yang betul. Jadi perkara-perkara ini perlu dihalusi mengikut kod dan butiran program yang telah disusun di Pejabat Daerah yang berkenaan.

Sekiranya ada keperluan tambahan bagi Pejabat Daerah Hulu Langat khususnya di kawasan Kajang saya akan meneliti perkara ini apabila saya dan Yang Berhormat Kajang kita akan bersama-sama turun pada 12hb Disember 2014 dan kita mendengar sendiri daripada maklum balas pegawai dan juga rakyat di Kajang khususnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Pertama saya mengucap terima kasih kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat kerana konsisten mengadakan mesyuarat JKTD nya dua bulan sekali dan ADUN terlibat sekali dalam mesyuarat tersebut dan saya menyahut apa yang dikatakan oleh Speaker tadi jangan lagi kita bincang benda yang kecil-kecil kita kena bawa perkara yang besar-besar dalam membincangkan vot B22 ini macam mana kita tak cakap kadang-kadang mesyuarat di JKTD benda-benda yang patut kita minta dilaksanakan tetapi kadang lambat dan separuhnya tak dapat dilaksanakan. Jadi dalam Dewan yang mulia inilah kita nak cakap. Jadi saya minta Tuan Speaker bagi ruang saya sedikit. Yang pertamanya saya nak sebut berhubung dengan permohonan satu tapak surau di Kampung Sungai Lui Batu 23, surau tu dah dibina begitu lama saya dimaklumkan dah hampir 40 tahun lebih tapi tidak dapat *title* ataupun tidak dapat apa ini taraf untuk memiliki surau itu tanahnya seluas 1 ekar lebih dan apa yang menjadi isu kepada saya ialah sekarang ini jadi rebutan kepada pihak-pihak tertentu di kampung untuk mereka ambil separuh daripada tanah itu untuk nak dibuat bangunan dan begitu begini. Jadi pihak surau telah menunjukkan kepada saya surat kebenaran daripada mantan Menteri Besar telah meluluskan tanah itu, seluas itu hak surau itu tetapi ini yang saya kata tadi begitu lama untuk proses untuk meluluskan bagi geran kepada surau itu sampai sekarang ni tidak terlaksana. Jadi saya minta pihak yang bertanggungjawab untuk memberikan geran itu secepat mungkin kepada pihak surau dan yang kedua permit batuan, permit batuan ini kita nampak tempohnya terlalu lama yang saya dimaklumkan 30 tahun, 40 tahun baru tamat permit batuan ini maksud saya contohnya di Kuari Sg. Long sekarang ni kalau kita pergi tengok di Kuari Sg. Long itu *Masya-Allah* saya pun takut tengok di bawah tu orang dah kecil besar ni dah dan lori pun dah kecil nampak dari atas tu punya lama, punya dalamnya kuari itu dan sekarang ini pula dibina, dibenarkan pula MPKJ meluluskan perumahan di bibir-bibir lombong itu jadi saya kalau dibagi *free* pun saya duduk dekat situ, saya pun tak sanggup. Apa jadi satu hari nanti kalau batu itu runtuh. *Masya-Allah*. Jadi saya minta Pihak Kerajaan melihat balik perkara ini dan yang kedua berhubung dengan permit batuan ini juga. Lori-lori yang lalu pada waktu-waktu yang telah dibenarkan contohnya di Kampung Sungai Serai. Itu hari baru-baru ini ada masuk TV3, masyarakat marah berhubung dengan perkara ini dan

yang saya hendak timbulkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah arahan ataupun waktu-waktu yang dibenarkan lori ini lalu tetapi ada ketikanya lori-lori ini tidak mengikut waktu yang ditentukan itu dan mereka suka-suka hati boleh lalu macam pagi dibenarkan waktunya selepas jam 9.00 tapi mereka masih juga lalu lagi waktu cuti umum tidak dibenarkan lori-lori berada di jalan raya tapi mereka masih lagi melanggar peraturan itu, jadi saya minta supaya pihak bertanggungjawab mesti mengekalkan ataupun mesti patuh dengan arahan ini supaya lori-lori ini tidak sewenang-wenangnya lalu waktu-waktu tertentu. Banyak kemalangan berlaku kerana kita lihat pemandu-pemandu lori ini kebanyakan kita kenal pasti bukannya orang daripada negara kita ada yang datang dari negara lain dibenarkan membawa lori-lori batu ini.

Yang ketiganya berhubung dengan satu lagi tanah iaitu di Kampung Jawa Batu 20 ada satu kampung namanya Kampung Mampir. Jadi kampung ini sekarang ini telah dirampas tanahnya oleh Kerajaan dan kampung itu telah dibina dalam saya ingat dalam hampir 20 tahun rumahnya lebih kurang 70 unit rumah. Apa jadi dengan mereka ini kerana tanah itu telah dirampas dan saya dimaklumkan oleh Pejabat Tanah hendak diberi tapak yang lain tetapi bukan tanah pertanian jadi macam mana? Sedangkan di situ semuanya tanah pertanian. Jadi dia orang merayu kepada saya supaya kalau boleh kita buat sesuatu untuk mereka dapat hak milik yang sebenarnya dan yang terakhir saya sokong seperti mana yang Hulu Klang kata Kompleks Penghulu macam di tempat saya Kompleks Penghulu Batu 10 mukim Cheras di situ pun ada juga kedai tomyam beroperasi di sekitarnya. Apakah Kompleks Penghulu ini dibenarkan untuk berniaga di sekitarnya dan saya tanya dengan pihak tertentu bahawa sewa tomyam itu di masuk dalam tabung-tabung penghulu. Jadi kalau ada tabung-tabung penghulu ni saya nak tanya lah pihak yang tertentu ada ke persatuan-persatuan penghulu sewakan kedai di kawasan dalam kawasan pejabat kerajaan dan sewa itu di masuk dalam tabung-tabung tertentu. Terima kasih Speaker.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Dusun Tua. Pertama berhubung tapak surau Kampung Sungai Liew yang di Sungai Lui yang dinyatakan masih menunggu hak milik. Untuk makluman Yang Berhormat Dusun Tua dasar Kerajaan Negeri kita tidak memberi hak milik kepada surau. Yang kita benarkan ialah sekiranya ada permohonan untuk mewartakan tapak tersebut sebagai institusi Agama yang ini akan kita berikan pertimbangan tetapi kita tidak memberikan hak milik kepada surau mana-mana surau dalam negeri Selangor itu yang pertama.

Berhubung dengan Permit batuan yang terlalu panjang dan juga timbul masalah lori-lori yang menjalankan aktiviti di luar waktu yang ditetapkan saya kira ini soal penguatkuasaan yang perlu diperkemaskan. Dalam perbahasan dalam sesi ini kita juga telah mendengar beberapa hujah bahawa keperluan unit penguatkuasaan di Pejabat Daerah di Negeri Selangor ini memang kita menghadapi dari segi *strength*

ataupun keanggotaan penguatkuasaan itu memang rendah dan seperti yang saya nyatakan minggu lepas Kerajaan Negeri telah pun bersetuju pada dasarnya untuk melantik 200 orang penguat kuasa untuk ditempatkan di pejabat-pejabat daerah dan tanah di seluruh Negeri Selangor bagi tujuan memperkemaskan dan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan saya percaya dengan terlaksananya program ini kerana sekarang mereka dikenal pasti dan diberikan latihan yang secukupnya maka saya percaya perkara-perkara ini dapat kita tangani dengan bijaksana supaya lori-lori yang berleluasa menjalankan aktiviti di luar waktu dibenarkan ini dapat diambil tindakan yang sewajarnya.

Berhubung dengan Kampung Mampir ada 70 rumah yang terlibat dengan pengambilan alih tanah oleh Kerajaan Negeri saya akan semak apa kah kedudukan mereka, di manakah mereka akan ditempatkan dan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dusun Tua supaya mereka juga dapat tanah yang sesuai bagi tujuan aktiviti yang sedang mereka jalankan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 315 kod butiran 505000 Khidmat Pengurusan. Ada tiga persoalan yang saya ingin kemukakan di sini. Soalan yang pertama berkenaan dengan tempoh masa untuk Pejabat Tanah dan Daerah untuk mengeluarkan hak milik kekal kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan khasnya untuk pembinaan sekolah yang mana dalam soalan ini adalah merujuk kepada Tapak Sekolah di Lembah Maju di mana Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah membayar premium pada 24.6.2013. Saya terima surat pada bertarikh 11.11.2014 yang mana sekarang dalam proses di mana tapak ini telah dikemukakan kepada Unit Pendaftaran Hak Milik bagi pemprosesan hak milik kekal disebabkan lot tersebut mempunyai pelan akui iaitu PA.

Soalan yang kedua adalah berkenaan dengan apakah, adakah Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat bersedia untuk menarik balik pemberimilikan tanah sekiranya terdapat laporan lawatan tapak yang tidak tepat iaitu tidak mencerminkan keadaan sebenar sehingga Kerajaan Selangor telah meluluskan satu permohonan pemberimilikan kepada suatu pihak ketiga yang mana dalam soalan ini saya merujuk kepada satu bidang tanah yang telah diberikan kepada seorang pihak ketiga yang tidak menduduki di kawasan Kampung Baru Ampang di mana buat masa kini penduduk seorang warga emas yang bernama Encik Yap telah dikenakan kes mahkamah. Yang mana dia dikenakan pindah keluar daripada tanah tersebut. Apa yang didapati ialah laporan lawatan tapak berkenaan telah menyatakan bahawa atas tanah tersebut tidak ada bangunan. Di mana pada hal sebenarnya tanah terdapat satu bangunan yang telah dibina di atas tanah tersebut yang mana Encik Yap telah mengemukakan bil-bil api dan elektrik sebagai buktinya.

Dan soalan ketiga adalah adakah Pejabat Daerah Hulu Langat akan mengambil tindakan sekiranya terdapat mana-mana pihak pemaju yang gagal mematuhi arahan Kerajaan Negeri iaitu keputusan MTES sehingga memindah milik atau menjual 15 unit rumah yang mana sebenarnya 15 unit kondominium itu telah dijual kepada, kepada penduduk sejak lebih daripada 13 tahun yang lalu yang mana antara mereka telah menjelaskan ansuran yang dibayar kepada bank. Jadi adakah Kerajaan atau Pejabat Daerah Hulu Langat akan memasukkan kaveat pendaftar supaya menghalang pemberi atau pindah milik berkenaan berlaku. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Teratai ya, tiga-tiga perkara yang dibangkitkan itu terlalu spesifik dan khusus. Untuk berlaku adil kepada pegawai-pegawai yang terlibat khususnya kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat dan juga EXCO yang perlu menjawab, kita perlu mengambil sedikit masa untuk buat secara bertuliskan supaya jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat itu lebih tepat dari segi faktanya. Sebab ini terlalu spesifik isu yang dibangkitkan. Cuma saya pohon izin daripada Yang Berhormat Pengerusi, oleh kerana kita masih dalam topik dan tajuk yang sama tentang Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, saya dapat maklumat tambahan berhubung Kampung Mapir tadi, Mampir tadi yang didakwa ada 70 rumah yang terlibat dalam pengambilan tanah ini. Saya dimaklumkan bahawa kita tidak dapat memberi hak milik tanah kepada pemohon-pemohon yang berkenaan kerana mereka bukan warga negara Malaysia. Dan mereka juga bukan Melayu kerana tanah tersebut adalah berstatus Tanah Rizab Melayu. Jadi dia, dia bukan Melayu dan bukan warganegara. Jadi lebih rumitlah Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih. Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 319, kod 525 000. Saya nak tanya menurut maklumat yang diperoleh isu salah guna tanah di Daerah Hulu Langat semakin berleluasa terutamanya untuk tujuan tapak pelupusan sampah yang tanpa kelulusan. Jadi, saya nak tahu apakah tindakan ataupun pendirian ataupun perancangan kerajaan untuk menyelesaikan kegiatan-kegiatan ini kerana saya, kalau menurut maklumat yang didapati daripada Yang Dipertua MPKj, terdapat melebihi 80 bidang tanah di kawasan Hulu Langat yang disalah gunakan untuk tujuan tapak pelupusan sampah tanpa kelulusan. Antaranya adalah di Bukit Desa Cahaya yang telah bertahun-tahun masalah ini tidak dapat diselesaikan.

Dan isu kedua adalah, soalan kedua adalah untuk isu tanah perumahan yang telah dirampas oleh pihak kerajaan kerana kesalahan pemaju kerana mungkin tidak bayar cukai ataupun premium. Contohnya rumah pangsa kos rendah di Taman Alam Jaya dan Cheras Prima. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Balakong. Tentang aktiviti membuang sampah di tapak-tapak yang tidak dibenarkan ini. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk merampas tanah-tanah tersebut termasuk daripada pemilik individu. Yang ini telah pun saya lakukan sendiri di kawasan saya di Gombak. Apabila kita turun pada minggu pertama kita diberikan amanah, kita dapati ada sebidang tanah yang digunakan sebagai *illegal dumping ground* untuk satu tempoh yang agak lama. Lebih 8 tahun. Maka Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah memulakan proses untuk merampas tanah milik individu. Malahan ketika kita membuat lawatan mengejut ke tapak tersebut, pemilik tanah itu datang merayu kepada Kerajaan Negeri. Kita tidak akan pertimbangkan langsung kerana mereka bersubahat dengan aktiviti haram ini selama beberapa tahun dan tindakan tegas perlu diambil iaitu merampas tanah-tanah yang berkenaan dan kita menutup kawasan tersebut daripada boleh dibolosi oleh mereka-mereka yang terlibat dalam aktiviti haram ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Speaker, pembetulan sikit boleh?

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua, saya nak habiskan yang ini. Tolong duduk Dusun Tua.

Jadual B22 iaitu wang sejumlah RM13,339,386.45 untuk Kepala B22, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B23, Pejabat Daerah dan Tanah Sepang RM10,092,542.09.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 323, butiran program 525 000. saya ucap tahniah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat, Negeri Selangor telah pun memberi, memudahkan urusan rakyat Negeri Selangor untuk memiliki hak milik tanah yang tapak rumah. Saya merujuk kepada satu kawasan atau lot tanah *golden triangle* ataupun tiga segi emas berhampiran dengan Putrajaya yang Lot No. 5054 pada tahun 2000, tanah itu telah diduduki lebih daripada hampir 50 tahun. Alhamdulillah, setelah Kerajaan Pakatan memerintah tanah ini pun telah pun ditawarkan Borang 5A dan sebahagian daripada penduduknya telah pun memperoleh borang dan sebagiannya telah pun membayar premium nominal yang ditawarkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Sehingga sekarang hak milik atau geran tidak lagi

diperoleh walaupun sebahagian penduduk tersebut telah pun membayar premium nominal yang ditawarkan oleh Kerajaan Selangor. Jadi apakah tindakan ataupun alasan kerajaan dengan tidak lebih daripada 2 tahun saya ingat tidak lagi hak milik itu diperolehi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tanjung Sepat, ini di kawasan *golden triangle*? Kampung mana ni?

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Kampung Dato' Abu Bakar Baginda, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kampung?

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Kampung Dato' Abu Bakar Baginda

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Abu Bakar

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Bakar Baginda

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Abu Bakar Baginda. Ok. Mereka telah pun menerima Borang 5A dan telah pun membuat bayaran premium ya. 2 tahun yang lalu tapi belum mendapat hak milik di atas tanah tersebut. Ok, sekali lagi oleh kerana perkara ini perkara yang khusus, saya akan rujuk ke Pejabat Daerah dan Tanah Sepang untuk mendapatkan maklum balas kerana sekiranya mereka telah pun mendapat Borang A, makna Kerajaan telah pun meneliti permohonan dan memberikan kelulusan dan premium juga telah dibayar mengikut kadar yang ditetapkan jadi tidak ada sebab mengapa proses ini mengambil masa yang lama dan saya akan dapatkan maklum balas yang lebih terperinci dan akan maklum pada Yang Berhormat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B23

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek. Saya bagi amaran terakhir kepada semua ADUN, jangan bangkitkan isu spesifik kerana kita akan buang masa di sini. Ahli MMKN tak ada *info* di atas meja mereka untuk jawab *on the spot*. Ini amaran terakhir. Okey? Teruskan Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Merujuk muka surat 325, kod 254 000 pembangunan. Pertama, Sungai Pelek mengucap terima kasih kepada seluruh kakitangan di Pejabat Daerah Sepang yang sentiasa bekerjasama.

Tuan Speaker, adalah dimaklumkan di Kampung Batu 1, Sepang dahulunya adalah tempat ternakan babi. Selepas JE berlaku, kebanyakan tempat sudah terbiar. Selepas itu telah pun ada 5 keping tanah telah menjadi, telah berjaya ditukarkan kepada tanah perindustrian. Memandang penukaran status tersebut telah menjadikan satu peluang pekerja kepada penduduk di kawasan sekitar dan menjadikan punca pendapatan yang lumayan. Sungai Pelek berharap Kerajaan Negeri Selangor dapat membenarkan kesemua status tanah tersebut ditukar kepada tanah perindustrian. Inilah yang diharap-harap oleh penduduk yang tinggal di Kampung Batu 1. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD HAIRI BIN YUNUS:** Tuan Speaker, kita akan lihat berkaitan dengan tanah ataupun Kampung Batu 1 ini sendiri dan kita akan lihat kalau ada keperluan untuk kita susunkan ataupun naikkan sebagai kawasan pembangunan bandar dan sebagainya, kita akan lihat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B23 iaitu wang sejumlah RM10,092,542.09 untuk Kepala B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B24, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor RM11,098,484.10.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya akan menyentuh perkara dasar je. Pendek, ada 3 perkara. Yang pertama tentang dasar menduduki tanah rizab. Di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Kuala Selangor ada 3 jenis penempatan di atas tanah rizab. Satu ialah tanah rizab JPS, kedua tanah rizab Jabatan Hutan, yang ketiga ialah tanah rizab JPS atas tujuan perparitan. Kebanyakannya tanah-tanah ini telah diteroka begitu lama dan telah diduduki dan telah dibangunkan sama ada penempatan pertanian dan juga rumah-rumah. Mengikut dasar pentadbiran lama, pemberian Lesen Tumpangan Sementara ini telah pun tamatkan tapi di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang baru. Perkara ini telah dikaji semula dan mereka yang terlibat dalam tanah pertanian akan diberikan pertimbangan untuk melaksanakan pertanian secara Lesen Tumpangan Sementara. Persoalannya ialah di atas tanah-tanah pertanian ini terdapat juga pembinaan rumah-rumah. Jadi kita nak tahu kedudukannya, rumah-rumah kediaman yang mereka duduki adakah juga mereka diberikan kebenaran Lesen Tumpangan Sementara?

Yang keduanya ialah tanah-tanah rizab perparitan. Yang ini kawasannya tidak begitu luas tetapi telah dibina rumah-rumah kerana rumah-rumah ini adalah di dalam

kawasan bandar dan di tempat saya, beberapa penempatan terlibat di Jalan Lorong Hamzah, di Jalan UKM dan Jalan Pantai serta jalan berhadapan Sekolah Bomba. Mereka telah menduduki dan membeli rumah ini begitu lama, berpuluhan-puluhan tahun dan suatu masa dulu mereka telah diberikan TOL ataupun Lesen Tumpangan Sementara. Jadi sama ada sekarang ini mereka bukan pertanian tapi kediaman, adakah mereka juga boleh dipertimbangkan? Kebanyakannya mereka ini adalah golongan pendapatan rendah yang susah, nelayan dan juga mereka yang bekerja tidak tetap. Satu lagi penempatan ialah penempatan di atas rizab hutan. Penempatan di atas rizab hutan ni kebanyakannya terdiri daripada nelayan-nelayan yang telah lama meneroka tanah ini dan telah membangunkan rumah-rumah mereka dengan struktur rumah kekal. Dan mereka telah pun diberikan kemudahan, banyak kemudahan seperti pembinaan jeti-jeti konkrit, kemudahan jalan di kawasan mereka. Suatu masa juga mereka ini telah diberi TOL. Mereka merupakan rumah-rumah kediaman nelayan dan di tempat saya ialah di kawasan seperti di Bagan Pasir dan di Sungai Kajang. Jadi persoalannya, adakah mereka ini juga boleh dipertimbangkan kerananya TOL ataupun Lesen Tumpangan Sementara untuk rumah-rumah kediaman memandangkan mereka merupakan nelayan-nelayan pendapatan kecil dan juga mereka telah lama menduduki dan membuat rumah-rumah tersebut. Ini persoalan yang pertama. Minta jawab.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong. Ada 3 perkara yang dibangkitkan saya akan respons kepada 2 perkara yang pertama. Perkara yang ketiga akan dibantu oleh Y.B. Bukit Lanjan. Pertama kedudukan rumah yang dibina atas tanah tol. Saya percaya Y.B. sedia maklum bahawa untuk tanah yang telah mendapat hak milik kita membenarkan dasar yang ada sekarang membenarkan satu rumah di benakan atas tanah tersebut. Tetapi tanah tol ini tidak ada kuasa yang membenarkan pembinaan rumah kerana nama pun menduduki sementara. Sudah tentulah Kerajaan Negeri tidak mahu dibebankan dengan masalah sekiranya ada cadangan pembangunan di masa akan datang. Jadi pada ketika ini mereka tidak ada perancangan untuk meneliti perkara tersebut kerana tanah-tanah akan di pertimbangkan untuk tol ini hanya bertujuan pertanian ya bukan untuk perumahan. Itu yang telah saya nyatakan dalam penggulungan yang lepas. Yang keduanya masalah tanah kerajaan yang telah dibina rumah dan bukan tujuan pertanian. Apakah kita akan membenarkan untuk memberikan tol. Saya kira Y.B. Sungai Pinang telah menjelaskan hari ini, pagi ini bahawa masalah yang kita hadapi sebelum ini apabila seseorang mendapat tol mereka akan mengandaikan bahawa dalam beberapa tempoh yang masih depan mereka akan diberikan hak milik. Ini memang amalan Parti Yang Berhormat inilah khusus menjalankan pilihan raya umum, mereka akan turun janjikan kalau sokong kami dapat hak milik. Ukurlah jadi ukur ini dah 50 tahun ukur tak dapat hak milik. Jadi kita tidak mahu dipermainkan rakyat di negeri Selangor kalau tanah itu tanah tol bagi tujuan pertanian sedangkan kita mempertimbangkan kita akan laksanakan bagi tujuan seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Bukit Melawati supaya kita dapat kembangkan pertanian mereka dan dapat meningkat pendapatan. Tetapi kalau

untuk tujuan perumahan dan kalau mengikut andaian sebelum ini mereka akan dapat hak milik ini mungkin akan menimbulkan masalah kepada Kerajaan Negeri, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tunggu sekejap. Dewan perlu bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih belum selesai maka Dewan pada hari ini disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya Dewan Yang Bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang”.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui.**

Dewan bersidang semula sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Silakan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Pengurus. Sebenarnya rumah-rumah yang dibina itu bukanlah tujuan maknanya dia dapat tol terus nak bina rumah. Dasar dulu masa Barisan Nasional bila dibina rumah-rumah ini ialah untuk tujuan pertama sekali mereka ini adalah peneroka-peneroka asal. Peneroka-peneroka yang datang mereka tidak mencari rumah datang kemudian buka pembuka tanah membina rumah. Ini banyak di Lembah Klang pun banyak kes macam itu. Kemudian tol ini ada beberapa tujuan pertama ialah untuk membuat bancian supaya mereka berdaftar, ada *local standard size* dan kemudian ada dasar-dasar untuk pemindahan misalnya pemindahan untuk rumah setinggan kepada rumah-rumah pemilik ini atau pun pada masa itu rumah kos rendah, ini yang berlaku pada masa itu. Jadi soal yang saya nak tanya kalau kita tidak mengambil kira ke atas kedudukan mereka sekarang apakah status mereka pada masa ini. Adakah mereka menjadi orang peneroka-peneroka haram atau pemilik haram dan apa dasar Kerajaan Pentadbiran baru untuk pastikan mereka yang duduk di kawasan-kawasan ini akan diberikan perhatian, itu persoalannya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Sungai Burong sukacita saya menjelaskan mengapa Kerajaan Negeri mengambil satu pendirian yang agak tegas

dalam perkara ini kerana tidak mahu mana-mana pihak sewenang-wenangnya meneroka tanah-tanah kerajaan, itu secara umumnya, namun secara khusus Yang Berhormat menyatakan mereka yang dibangkitkan oleh Y.B. tadi adalah peneroka-peneroka asal yang mungkin telah meneroka tanah-tanah Kerajaan ini dalam satu tempoh yang agak panjang mungkin 15 tahun, 20 tahun. Untuk kes-kes ini saya percaya Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan kerana sebelum ini pun memang ada satu dasar mana-mana rakyat Selangor yang telah meneroka tanah kerajaan lebih daripada satu tempoh yang telah ditetapkan boleh dipertimbangkan untuk mendapat hak milik tanah yang berkenaan dan sudah tentulah proses ini terpaksa dilalui sebagai proses biasa dan apabila borang 5A dikeluarkan, mereka perlu membayar premium pada kadar yang ditetapkan dan sekiranya mereka boleh membayar dan pemilikan tersebut boleh dilakukan. Tetapi dalam kes-kes tertentu boleh kita mempertimbangkan khususnya peneroka yang lama meneroka tanah-tanah kerajaan bukan yang baru atau pun dalam tempoh yang terdekat terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Lanjan nak beri lebih penjelasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker saya ingin jawab soalan yang dibangkit oleh Y.B. Sg Burong berkenaan tentang Masyarakat Nelayan yang lama duduk di kawasan Hutan Simpan dan saya yakin rizab sungai berkenaan di Daerah Kuala Selangor. Setakat ini memang tiada perancangan untuk memberi geran tanah. Cuma Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bersama dengan Lembaga Urus Air Selangor boleh menyemak perkara ini, kalau kawasan tersebut sudah lama dibangunkan satu mungkin 30 tahun 50 tahun saya di maklum oleh Y.B. Seri Kembangan ada juga Bagan-bagan di Kuala Selangor yang lebih daripada 100 tahun maka kita boleh mempertimbangkan satu sistem untuk memberi tol seperti yang diluluskan untuk Pulau Ketam. Tetapi kita perlu semak kalau kawasan itu adalah kawasan sensitif Alam Sekitar ada *biodiversity* yang amat bagus maka perkara ini perlu diteliti dengan lebih mendalam. Cuma setakat ini memang tidak ada perancangan untuk mengeluarkan penduduk-penduduk khasnya penduduk-penduduk di Bagan atau pun Kampung Nelayan dari kawasan rizab Sungai atau pun kawasan Hutan Simpan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Y.B.. Sungai Burong, Puan Pengerusi saya meminta tambahan maklumat sahaja kepada Y.B. Sungai Burong. Yang saya tegaskan tadi ialah tanah-tanah kerajaan yang diterokai dalam satu tempoh yang panjang boleh dipertimbangkan untuk mendapat hak milik. Tetapi kalau tanah itu bersifat tanah rizab sungai, rizab parit itu tidak boleh kita tidak boleh beri hak milik. Jadi saya minta perkara ini kena jelas, Kerajaan Negeri hanya boleh mempertimbangkan kalau ia adalah tanah kerajaan dan bukan rizab sungai atau rizab parit dan yang lain-lain, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong terus kepada soalan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Soalan yang keduanya ialah tentang pembinaan rumah-rumah burung walid di kawasan-kawasan kedai, di kawasan pekan. Di kawasan saya ingat Daerah Kuala Selangor ini saya ingat yang terbanyak dasar pentadbiran yang lama

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker ini adalah soalan PBT. Tidak berkenaan dengan PTD.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tapi saya nak kaitkan ini dengan tanah-tanah sebab dasar sedikit dia memang PBT tapi ada kaitkan dengan tanah Pertanian, sebab dasar pentadbiran lama mengarahkan supaya mereka berpindah ke kawasan-kawasan Pertanian dan ini dasar telah pun diluluskan di bawah Pentadbiran lama. Cuma persoalan yang ingin saya bangkitkan apabila pelaksana ini dan masih tidak dapat dilaksanakan kerana mereka ini tidak dapat mencari tanah-tanah Pertanian atau pun mereka pemilik-pemilik tanah yang sedia untuk menyewakan atau meneroka tanah mereka untuk dibangunkan pembinaan rumah-rumah berwalid. Jadi persoalannya adakah dasar ini akan diteruskan atau pun perlu dikaji semula bagi membolehkan keberkesanan pelaksanaan tersebut.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Pengerusi saya rasa Sungai Burong ini sengaja nak mencetuskan satu isu yang tidak wujud kerana dalam dasar kerajaan kita dengarlah, dengarlah belum habis, belum masuk lagi ini. Pakej yang ditawarkan kerajaan adalah mulai tahun ini 2014 kita kira tetap satu tahun 1 Januari 2014 kita bagi tempoh 3 tahun untuk mereka pindah jadi sekarang belum habis tahun dah kata tak ada tanah ada 2 tahun lagi dan kita bukan suruh dia pindah sahaja. Bila dia pindah kita bagi lagi percuma cukai tanah, percuma cukai taksiran percuma selama 5 tahun, jadi ini tak jadi isu yang saya nampak itu isu nak dicetuskan Sungai Burong sahaja. Tidak wujud langsung semua masalah ini sebab kita bagi tempoh, bagi tempoh yang mencukupi tidak ada dalam Kerajaan dalam negara ini sama ada dalam Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri seperti Selangor yang bagi peluang yang bagi begitu panjang untuk minta pengusaha pindah dengan cara yang terbaik kita minta.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya terima kasihlah di atas santan. Sebenarnya saya, saya benda ini berlaku bukan tak berlaku sebab saya menerima aduan-aduan semasa saya pergi ke kedai-kedai kopi di Masyarakat Cina khususnya di Tanjung Karang. Mereka membangkitkan isu ini jadi saya nak menghadap EXCO yang berkenaan Y.B. Sg Panjang pergi turun ke Tanjung Karang berbincang dengan ....

**TUAN SPEAKER :** Sg Panjang, Sg Panjang duduk di belakang Sg Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Sg Pinang ya minta maaf. Pinang turun mencontohi Y.A.B. Dato' Menteri Besar turun ke Tanjung

Karang kita boleh kita berbicara tentang isu-isu. Saya bukan mengadakan isu-isu ini sebab saya menerima aduan maka saya bawa ke dalam Dewan ini. Jika saya terima penjelasan itu tapi kalau nak lebih kata nak perkara secara mendalam bolehlah pergi turun menerjah ke kawasan saya di Tanjung Karang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Pengerusi saya berterima kasihlah kepada Sungai Burong kerana keprihatinan terhadap pengusaha burung walid ini tapi saya juga prihatin terhadap juta rakyat Selangor ini yang banyak aduan terhadap rumah walid ini. Jadi kita tidak boleh membuat satu dasar yang membelakangkan hasrat rakyat. Kesihatan rakyat mesti jaga jadi pengusaha dah bagi tempoh, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang dulu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Puan Pengerusi saya ada terus kepada halaman 331 kod bidang 525000. Saya ada 1, 2 perkara sini, pertama saya menghargai dan mengucapkan terima kasih jawapan EXCO Pertanian mengenai TKPM Bestari Jaya dan saya dapat maklumat jawapan semalam kata lanjutkan tempoh setahun lagi sehingga Jun 2015 tetapi sayalah minta pihak kerajaan khususnya Y.A.B. Dato' Menteri Besar TKPM ini ialah satu kawasan yang satu-satunya belum digazet di TKPM Bestari Jaya. TKPM lain semua dah digazetkan jadi TKPM Bestari Jaya ini memang belum digazetkan. Untuk maklumat Y.A.B. Dato' Menteri Besar kawasan ini mempunyai pengusaha-pengusaha yang mengasaskan Pertanian untuk dibekalkan ke seluruh negeri Selangor. Sekarang di dalam negeri Selangor kita tahu negeri Selangor, seluruh dunia pun masalah bekalan makanan-makanan ini sangat penting. Di sini ada penternak, ada petani, ada usahawan, haiwan dan sebagainya. Jadi boleh tak saya nak mohon kalau boleh tempoh ini diberikan peluang kepada TKPM Bestari Jaya digazetkan sebagai TKPM sebagai pejabat TKPM-TKPM yang lain supaya kalau diberi tempoh setahun kesannya nantilah ialah pertama Jabatan Pertanian sendiri susah nak salurkan bantuan sebab tak menentu. Kod tahun depan tak sambung lagi bagaimana nak disalurkan bantuan contohnya infrastruktur dan sebagainya jalan masuk pembinaan longkang dan sebagainya. Jadi perlu ada satu kelulusan kalau boleh dikeluarkan kawasan ini daripada gazet sebagai itu sebab ini makanan penting sangat buat Menteri Besar kepada rakyat negeri Selangor dan untuk makluman sebagai rekod kita saya ada rekod dengan Jabatan Pertanian kawasan ini sudah mengeluarkan lebih kurang hampir RM50,000.00 dalam bentuk hasil yang dikeluarkan oleh TKPM ini dan saya pun bersimpati dengan pengusaha-pengusaha ini tak tahu sama ada bila mereka nak mengembangkan Pertanian atau nak buat mereka tak tahu sama ada dilanjutkan tak tahu atau pun tidak tempoh ini. Jadi kalau boleh diberi satu peluang kepada kawasan ini digazetkan sebagai TKPM jadi mudah untuk semua jabatan agensi yang terlibat boleh membantu dan akan beri kesan yang besar kepada Industri Makanan dalam negeri Selangor. Yang keduanya saya ringkaskan mengenai ini agak spesifik sedikit tapi ini peluang untuk saya bercakap dengan

Tuan Pengurus kena saya kami di sini tak terlibat dengan Pembangunan Jawatankuasa Daerah. Inilah forum yang ada mengenai tapak Masjid Kampung Permatang ini so tapak ini dah agak lama dan untuk secara spesifik terletak di sebelah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor, SMK. Isu ini sekarang telah menjadi satu pertikaian oleh saya mendapat maklumat ini kerana ramai penduduk jumpa saya minta supaya disebut perkara ini di dalam Dewan kerana isu ini ialah sudah menjadi satu perebutan seolah-olah di antara penduduk kampung dan juga pemaju perumahan yang sedang memajukan kawasan perumahan. Sebab pemaju kata ini sebahagian dari tanah milik mereka. Penduduk kata ini dah gazet sebelum 2008 apa ini Masjid Kampung Permatang. Masjid ini memang dah di gazet lama dah, ikut daripada sejarah ini sampai ke penduduk. Jadi saya mengharap supaya Dewan ini boleh disampaikan kalau pun bukan hari ini tetapi boleh beri jawapan kepada saya mudah-mudah boleh menyampaikan kepada penduduk-penduduk apa pendirian Kerajaan Negeri sama ada kawasan ini memang betul di gazet kalau mereka buat semakan di Pejabat Daerah dimaklumkan ini kawasan yang digazetkan untuk Masjid baru Kampung Permatang sebab Masjid yang lama memang sekarang dah uzur dan memang sorok ke dalam jadi mereka nak supaya kawasan ini diberikan supaya tidak dipertikai dengan pemaju yang sedang memajukan kawasan ini bersebelahan. Dan yang ketiganya saya menyentuh apa yang Sungai Burong sebut buat kawasan saya pun terlibat dengan banyak kawasan-kawasan rizab sungai yang digunakan untuk kediaman contohnya Bagan Pasir Penambang, Bagan Sungai Yu jadi saya cuma satu sahaja lah diberikan kebenaran untuk rizab. Ini untuk pemindahan tapi pemindahan dah habis pemindahan setahun lebih. Ini untuk pemindahan tapi pemindahan dah habis 100 tahun lebih rumah ini. Jadi apakah mereka ini akan menimba nasib termasuk ialah bila tak dapat kelulusan rizab sungai TOL tak diluluskan. Apakah mereka akan dirobohkan? Juga ada jawapan ini termasuk ada satu kawasan yang berhadapan dengan kawasan Pasir Penambang Kampung Baru, Kampung Baru Pasir Penambang. Inilah kawasan penempatan lebih kurang hampir 50 penilaian. Memang mereka duduk kawasan sungai, rizab sungai jadi mereka dah ada rumah di sana, rumah ini bukanlah rumah batu tak rumah ini memang begitu mereka ada. Jadi saya mintalah Y.A.B. Dato' Menteri Besar timbanglah walaupun dasar itu jelas tapi mereka tak ada tempat lain. Mereka merayu sangat sebab baru saya pergi Majlis bersama mereka, mereka minta sangatlah boleh dipertimbangkan, walaupun tak diberi bentuk hak milik berilah mereka satu bentuk jaminan apa-apa juga yang boleh menyebabkan mereka tidak akan dirobohkan. Itu tak ada tempat lain nak pergilah, terima kasih Tuan Pengurus.

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan untuk perkara kedua sila berikan jawapan bertulis secara bertulis kena spesifik. Teruskan Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Y.B. Puan Pengurus perkara pertama akan dijawab oleh Y.B. daripada Taman Templer, cuma perkara yang ketiga itu. Inilah masalah yang kita warisi daripada Barisan Nasional. Patutnya masalah ini dah

selesai 50 tahun dulu tapi tak diselesaikan jadi kami terpaksa menggalas tanggungjawab ini. Walau bagaimana pun, bagi saya tanah-tanah rizab sungai, parit ini tidak boleh diberikan hak milik atau pun TOL. Cuma kalau ada keperluan kita boleh mencari satu tapak yang lebih sesuai bagi tujuan mereka untuk dibangunkan. Itu kita boleh bersama-sama dengan Pegawai Daerah untuk mencari satu tapak untuk pembangunan kampung-kampung yang telah lama dibina tetapi sekiranya mereka duduk di atas tanah rizab memang kerajaan tidak boleh kerana untuk perancangan di masa yang akan datang. Tapi kita bersedialah untuk meneliti keperluan untuk *relocate* balik mereka ke satu tapak yang lebih sesuai bagi tujuan perumahan dan kampung yang telah mereka bina sebelum ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok, maaf Taman Templer dulu.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Pengurus, berkaitan dengan TKPM Bestari Jaya, saya kira telah pun bahagian besarnya pun telah disentuh dalam Soalan Mulut dan seperti yang mana kita tahu TKPM Bestari Jaya ini akan menggunakan horas 3,300 dari sudut sumber air mentah juga sangat kritikal dan seperti mana yang saya maklumkan sebelum ini tanah-tanah tersebut yang dimiliki oleh KDEB yang diurus oleh KSSB Kumpulan Hartanah Selangor Berhad dalam proses untuk kita menjayakan program horas. Walau bagaimana pun hasil daripada perbincangan telah pun dilanjutkan tempoh kepada peserta-peserta TKPM ini sehingga Jun 2015 dan saya juga menyatakan bagaimana Kerajaan Negeri Selangor bersama dengan Jabatan Pertanian sekarang ini sedang mengenal pasti hartanah-hartanah lain yang sesuai untuk kita bangunkan semula. Jadi mudah-mudahan proses ini hingga kita segerakan bagi kita mampu untuk menjaga kebijakan semua pihak.

**TUAN SPEAKER:** Ijok saya benarkan bawa satu perkara sahaja. Setiap ADUN satu perkara.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tapi apa yang penting 2 perkara, *very short*. Terima kasih Puan Speaker, saya nak timbulkan isu yang pertama jalan, saya nak tahu dasar negeri Selangor, Kerajaan Selangor atas cara mereka mengatasi masalah jalan-jalan yang projek-projek Persekutuan yang menimbulkan masalah. Yang saya beritahu Jalan Bestari Jaya ke Ijok. Nombor 1 dah lama tak siap-siap dan nombor 2 yang timbul masalah kalau Y.B. lalu jalan itu masa malam atau motosikal mungkin akan jatuh ke atau langgar longkang, banyak *potholes* dan kemalangan, kematian telah berlaku. Saya dah timbulkan masalah ini dah setahu dah tetapi apa dasar negeri Kerajaan Negeri untuk memantau atau mengatasi masalah projek-projek begini. Bukan sahaja jalan oleh sebab pembinaan jalan longkang-longkang pun telah ditutup oleh pasir dan apa tanah dan penduduk-penduduk di tepi jalan pembinaan itu memberitahu saya bila hujan sedikit rumah-rumah mereka dilanda banjir. Tak pernah-pernah dilanda banjir oleh sebab rumah

mereka naik air. Itu sebab saya nak tahu bila siap apa dasar Kerajaan Negeri Selangor atas masalah-masalah yang timbul oleh projek tetuan.

Nombor 2 isu tanah yang penting di Ijok masalah tanah ini ialah yang telah tadi diberitahu oleh Y.A.B. Menteri Besar inilah satu *legacy* jadi Kerajaan dulu. Yang masalah sekarang ada banyak taman-taman, kampung-kampung Kampung Sri Aman, Sentosa, Kampung Kereta api, Tanah Dara, Sungai Dara ini semua separuh mereka telah diberi tanah tetapi yang belum diberi tanah ini menimbulkan satu masalah, tak macam itu hak mereka mendapat tanah sebab kawan dapat tanah kenapa mereka tak dapat tanah. Untuk menyelesaikan masalah ini ada banyak pihak yang tertentu mengambil kesempatan. Separuh telah mendapat apa diberi deposit untuk menyelesaikan tanah. Ini pihak-pihak yang saya dapati Kerajaan kena berhentikan apa kegiatan haram ini dan juga untuk menyelesaikan ini bukan satu masalah yang senang. Mungkin Kerajaan Negeri Selangor mengujudkan satu *task force* untuk menyelesaikan masalah tanah di kawasan Ijok semua merangkum kawasan-kawasan yang tertentu, sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Ijok, yang pertama saya ingin memaklumkan kepada Y.B. bahawa jalan Ijok Bestari Jaya ini adalah Jalan Negeri dan saya mendapat makluman dari JKR Daerah Kuala Selangor bahawa jalan ini dijangka siap pada bulan Mei 2015. Mungkin dalam 6 bulan yang akan datang, walau bagaimana pun seperti Y.B. sedia maklum dan juga saya sedia maklum ramai sedia maklum bahawa jalan ini memang mengambil masa yang terlalu lama dan masih lagi *bumpy* dan boleh terbang lah kalau jalan itu. Kita akan bekerjasama dengan pihak JKR Negeri dan juga Daerah untuk memantau kerja-kerja yang dijalankan supaya kualiti jalan ini dapat menghasilkan satu kualiti yang dijamin keselamatan pengguna bagi jalan tersebut dan dalam tempoh 6 bulan yang akan datang fasal terakhir untuk menyiapkan jalan tersebut kita akan memantau bersama JKR Daerah dan Negeri. Berhubung tanah-tanah yang dibangkitkan tadi saya rasa kita boleh duduk dan berbincang dengan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor memastikan masalah saman yang dibangkitkan di Selangor dapat diselesaikan dengan segera oleh kerana tanah-tanah di kawasan Ijok yang dibangkitkan oleh Y.B. terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.24 – iaitu wang sejumlah RM11,098,484.10 (Ringgit Malaysia Sebelas Juta Sembilan Puluh Lapan Ribu Empat Ratus Lapan Puluh Empat dan Sen Sepuluh) untuk Kepala B.24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.25 – Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, RM11,585,591.19 (Ringgit Malaysia Sebelas Juta Lima Ratus Lapan Puluh Lima Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh Satu dan Sen Sembilan Belas)

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu terus kepada soalan, satu soalan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Pengerusi tak adillah sebab daerah Hulu Selangor yang terbesar di Selangor ini jadi 2 soalan saya minta.

**TUAN SPEAKER:** Satu soalan Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Kalau satu soalan saya kena pilih satu, saya harap Y.B. daripada Pembangkang sana boleh ambil soalan lain. Puan Pengerusi saya merujuk kepada muka surat 339 Butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan Kod Objek 10,000 Emolumen. Saya ingin menyentuh ialah Jawatankuasa Pengurusan Pejabat Daerah Hulu Selangor yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Tugas Jawatankuasa ini sangat berat pada tahun ini, mereka menangani kebakaran hutan selama 2 bulan pada awal tahun ini dan kebolehan menguruskan kejadian tanah runtuh di Apartment Teratai Bukit Beruntung selama seminggu. Puan Pengerusi Jawatankuasa ini telah menunjukkan kesungguhan dalam siri aktiviti yang kompleks dan menyelaras sumber manusia yang *ekstensif* daripada banyak agensi. Mereka mengorbankan masa dan tenaga sehingga bermalam di tempat kejadian walaupun cuti hujung minggu atau cuti perayaan demi kepentingan masyarakat. Pegawai yang dalam Kumpulan A pun memang tak dapat apa-apa upah lebih masa daripada sistem emolumen ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Anggota-anggota Jawatankuasa tersebut yang telah menjalankan tugas dengan baik dan penuh tanggungjawab. Saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor mengadakan malam penganugerahan Cemerlang ke atau pun penghargaan kepada anggota-anggota yang bertungkus-lumus melibatkan diri semasa bencana berlaku. Jadi ini bukan soalan Puan Pengerusi boleh saya pergi ke soalan saya. Satu lagi perkara

**TUAN SPEAKER:** Terus kepada soalan, tak payah ucapan terima kasih terus kepada soalan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Puan Pengerusi menerangkan tadi kenapa Puan Pengerusi marah ialah sebab kita tanya banyak soalan spesifik, pencurian pasir, patutnya saya akan cakap Y.B. daripada Kuang juga cakap, Hulu Selangor ada banyak curi pasir dan juga KSSB juga cakap ada 7 surat ...

**TUAN SPEAKER:** Terus kepada soalan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Jadi adakah Kerajaan Negeri di bawah Pentadbiran baru berhasrat menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Tanah supaya Ahli-ahli

Berhormat boleh menduduki Jawatankuasa tersebut. Kita tak payah membawa isu yang remeh temeh ini ke Dewan ini.

**TUAN SPEAKER:** Baik Kerajaan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Pihak Kerajaan setuju dan untuk makluman Dewan Yang Mulia Ini sepatutnya setiap PBT ada satu jawatankuasa khas untuk memantau cerun-cerun. Jadi MDHS diarahkan untuk membangunkan atau pun buat Jawatankuasa tersebut kalau tiada pada masa ini.

**TUAN SPEAKER:** Ada lagi pihak Kerajaan nak jawab?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Pengerusi. Perkara ini telah dijawab dan soalan 26 pada hari pertama, jadi tak perlu saya ulang balik cuma kami bersetuju supaya malam Penghargaan di adakan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, satu soalan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Okey, terima kasih Puan Speaker. Saya ingin menyentuh Perkara B 25 muka surat 339, Vot 525000 mengenai dengan pengurusan tanah. Saya ingin membangkitkan mengenai isu tanah yang masih atas nama pemaju yang dijadikan jalan utama dan ia berada di dalam kawasan perumahan yang telah diduduki. Contoh kes ialah jalan sepanjang 20 kilometer yang menghubungkan Rasa dan Bukit Beruntung terus kemudian ke tol PLUS. Masalahnya ialah keadaan ini menyebabkan tiada siapa yang dapat dipertanggungjawabkan untuk mengurus jalan berkenaan walaupun ia dalam keadaan yang sentiasa berbahaya dan membunuh ramai orang. Ini rekod, dekat sana selalu kemalangan dan banyak sekali kawasan-kawasan yang tidak dapat diuruskan dengan baik. Oleh kerananya ia menjadi isu tarik tali antara kehendak rakyat dan kesediaan untuk mengambil tanggungjawab mengenai masalah ini. Oleh itu saya nak bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah tidak ada apa-apa peruntukan undang-undang atau sekurang-kurangnya atas dasar prihatin ataupun kerajaan yang pedulikan rakyat, yang mengambil berat tentang kepentingan rakyat, tanah dan pengurusannya diambil alih oleh Kerajaan Negeri. Saya minta sangat supaya satu keputusan dibuat di atas jalan berkenaan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Batang Kali. Saranan yang diberikan bahawa keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya itu perlu diutamakan, saya kira itu juga adalah pendirian Kerajaan Negeri. Dan dalam amalan pada ketika ini, jalan-jalan yang berkenaan akan diserahkan penyelenggaranya kepada pihak PBT ataupun JKR daerah. Walau bagaimanapun untuk kes ini secara khusus saya akan teliti apakah kedudukan tanah tersebut. Pemaju mana yang terlibat dan kita akan pastikan penyelenggaraan jalan itu mesti dipertanggungjawabkan kepada satu badan sama ada PBT ataupun JKR daerah

supaya tidak berulang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Dan sekiranya ada isu-isu penyelenggaraan ataupun keselamatan pengguna di kawasan tersebut, agensi dan jabatan berkenaan akan dipertanggungjawabkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Yang Berhormat Antarabangsa, yang saya difahamkan bahwasanya jalan itu, ia jalan utama yang telah diguna pakai sejauh lama. Tanah berkenaan merupakan tapak tanah Talam, pembangunan Talam yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri. Dan saya difahamkan jalan-jalan berkenaan tidak dapat disiapkan apabila mereka jatuh ataupun *liquidated*. Dia punya syarikat itu digulung. Dan jalan itu tinggal begitu dan pejabat Majlis Daerah tidak dapat mengambil alih kerana dikatakan dia *second layer* nya tak berbuat lagi. Jadi ini satu alasan yang saya fikir perlu di ambil perhatian oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Batang Kali. Daripada maklumat awal yang saya perolehi daripada Pejabat Daerah, jalan-jalan sepanjang yang disebutkan tadi, dari Rasa ke Bukit Beruntung dan ke tol PLUS itu, masih belum diserahkan oleh pemaju kepada PBT. Namun pihak JKR dan PBT tetap membuat penyelenggaraan ke atas jalan-jalan berkenaan. Itu yang pertama. Yang kedua, kedudukan tanah tersebut, berdasarkan dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat bahawa tanah ini adalah tanah milik Talam sebelum ini. Tapi saya juga ingin memaklumkan bukan ke semua tanah-tanah milik Talam ini telah pun diambil alih oleh kerajaan. Dan kita akan lihat sama ada ini adalah sebahagian daripada proses pengambilalihan yang telah dibuat sebelum ini. Dan sekiranya benar maka mengikut Kanun Tanah Negara, kita akan teliti bagaimakah tindakan yang perlu diambil supaya tanah-tanah ini dapat diserahkan kepada pihak PBT untuk diselenggarakan dengan lebih bertanggungjawab ke atas jalan-jalan yang berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Oleh itu saya nak satu assurance lah, apakah boleh kita pertanggungjawabkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini dalam masa terdekat. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pada ketika ini, saya telah nyatakan kepada Yang Berhormat jalan-jalan ini belum diserahkan secara rasmi kepada pihak PBT. Namun atas tanggungjawab untuk menjaga dan memastikan penyelenggaraan jalan itu diteruskan pihak JKR dan PBT tetap menyelenggarakan jalan-jalan tersebut. Tetapi untuk supaya tidak timbul masalah ini di masa depan, saya akan mengambil maklum tentang perkara yang berbangkitkan, kita akan teliti, status tanah tersebut dan kita boleh selesaikan dengan Pejabat Daerah supaya penyerahan itu dapat dibuat secara rasmi dan jabatan itu akan dipertanggungjawabkan sekiranya ada masalah di masa depan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.25 – iaitu wang sejumlah Sebelas Juta Lima Ratus

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker, boleh,

**TUAN SPEAKER:** Saya sudah jalan. Minta maaf Hulu Bernam. Nanti kalau ada perkara lain boleh bawa dalam Usul Pembangunan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker, ini saja peluang kami, sebab kita tidak

**TUAN SPEAKER:** Tak ada, ada banyak peluang, masa ucapan dasar Bajet, sekarang Jawatankuasa, nanti ada lagi Usul Pembangunan. Saya minta Hulu Bernam, kalau nak ....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Satu soalan saja, kalau boleh.

**TUAN SPEAKER:** Satu *chance* sahaja. Satu kali saja. Satu soalan, satu soalan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih banyak-banyak, terima kasih Tuan Speaker. Saya minta maaf. Saya ingin bertanyalah kepada Kerajaan Negeri Selangor, apakah status perumahan untuk generasi kedua FELDA yang di mana telah dibuat proses pemecahan tanah oleh Menteri Besar yang terdahulu yang dihadiri Penasihat Ekonomi juga dihadiri Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Apakah statusnya terkini, atau adakah semata-mata retorik sebelum PRU 13.

**TUAN SPEAKER:** Kita sekarang bangkitkan isu Perbekalan untuk Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** 52500, termasuk Tuan Speaker, di muka surat 339.

**TUAN SPEAKER:** Maaf, saya tak nampak kaitannya dengan Perbekalan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Maksudnya pemecahan tanah berlaku dan apakah status terkini untuk kelulusan tapak perumahan generasi kedua FELDA. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Isu spesifik tolong jawab secara bertulis kepada beliau.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Puan Pengerusi, telah pun dijawab dalam sesi soal jawab minggu lepas. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukan saya tak bagi peluang, ya Hulu Bernam. Saya sudah bagi peluang.

Jadual B.25 – iaitu wang sejumlah **RM11,585,591.19 (Ringgit Malaysia Sebelas Juta Lima Ratus Lapan Puluh Lima Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh Satu dan Sen Sembilan Belas)** untuk Kepala B.25 iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam RM12,024, 881.55 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Dua Puluh Empat Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Satu dan Sen Lima Puluh Lima)

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, satu soalan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya nak timbulkan isu berkenaan dengan Pejabat Daerah Sabak Bernam ini berkenaan apa masalah kekangan tentang Kertas-kertas MMKN dibuat untuk dihantar ke PTG untuk diluluskan oleh EXCO. Banyak masalah antara yang timbul ialah Laporan Teknikal, Laporan Teknikal daripada jabatan, jabatan, jabatan, jabatan, untuk satu tanah. Jabatan JPS, JKR, JPBD macam-macam jabatanlah. Biasanya kita akan diberitahu oleh pegawai, mereka tak hantar laporan teknikal. Berapa hari, 14 hari dah, kemudian hantar peringatan pertama, tak bagi juga, ulasan, peringatan kedua, tak bagi ulasan. Peringatan ketiga, tiga bulan, enam bulan. Ini masalah kelembapan daripada ulasan teknikal dari jabatan-jabatan tertentu. Ha, ini kita perlu tangani bagaimana untuk kita memperkasakan permohonan ini bagi boleh melajukan, mempercepatkan. Itu satu. Yang kedua, ingin saya lontarkan adalah soal, kita banyak SOP, berapa lama satu permohonan untuk tukar milik tanah, berapa lama untuk geran, berapa lama untuk lanjutan, pajakan tanah, kita ada SOP. Ada garis panduannya. Tetapi saya nampak banyak yang tak ikut. Tak ikut, dan apa gunanya di Pejabat Tanah ada ISO 9002, tak benda ini tidak ditepati. Nama saja ISO, ini perkara serius, perlu kita tangani supaya betul-betul kita efisien, berkhidmat cepat, servis baik kepada rakyat. Lebih cepat, lebih tepat. Ha ini ya. Dan seterusnya, saya juga nampak Jawatankuasa Pembangunan Tanah yang kita sertai sejak 6 tahun yang lalu, Jawatankuasa Pembangunan Tanah tidak berapa efisien. Dia hanya datang buat laporan tentang pembangunan sini, pembangunan sana, tapi banyak masalah tak selesai. Kita dengan taklimat saja, kita mahu satu Jawatankuasa Tanah yang boleh kita selesai masalah. Jawatankuasa Tanah, saya minta respons daripada Menteri Besar, soal jawatankuasa tanah (JKT) ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang perkara kedua sudah dibangkitkan semasa Daerah Petaling. Silakan pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, pandangan yang Berhormat Sekinchan tadi tentang ulasan-ulasan teknikal yang perlu diberikan oleh jabatan.

Saya kira perlu diberikan perhatian. Tetapi saya kira untuk berlaku adil kepada semua Pejabat Daerah tidaklah itu masalah yang berlaku dalam semua keadaan dan semua pejabat daerah. Kerana apabila MMKN meneliti beberapa permohonan, saya kira sebahagian besar turut dilengkapi dengan ulasan-ulasan teknikal daripada jabatan-jabatan berkenaan. Tapi kalau ada kes-kes tertentu yang melengahkan permohonan maka perkara ini perlu diteliti segera. Tentang JKT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan, saya kira Jawatankuasa Tanah peringkat ini juga harus memberi ruang kepada anggotanya untuk membincangkan perancangan, bukan saja pembangunan dalam konteks taklimat yang didakwa oleh Yang Berhormat Sekinchan, tetapi juga mengambil kira pandangan daripada Ahli-ahli Dewan Negeri kerana mereka juga adalah sebahagian proses demokrasi di dalam negara dan negeri kita ini. Dan kita putuskan secara kolektif dalam mesyuarat tersebut, dan boleh dibangkitkan kepada peringkat PTG dan Kerajaan Negeri berdasarkan Rancangan Tempatan yang telah ditetapkan dan juga perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Muka surat 347, 5250000, dua pengurusan tanah. Isu agak besar, Cuma terpaksa mengambil contoh yang spesifik. Mengapa, kerana kita pun tidak dipanggil dalam jawatankuasa tanah di peringkat daerah Sabak Bernam. Saya nak merujuk kepada polisi dan dasar terutama pembinaan *hypermarket*, yang terlalu hampir dengan rumah kediaman. Contohnya di Sungai Besar ada satu *hypermarket* yang sempadan *hypermarket* itu adalah *hypermarket* yang sempadan juga dengan perumahan.

**TUAN SPEAKER:** Kaitannya dengan Pejabat Tanah.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Pengurusannya macam mana perkara ini boleh diluluskan dalam ....

**TUAN SPEAKER:** Itu isu PBT. Kebenaran Merancang isu PBT.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Daripada segi itu, mana dapatkan, ramai contohan yang dibuat begitu. Jadi saja melontarkan, nanti mungkin boleh dijawab.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Itu saja kan. Pembinaan *hypermarket*.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** *Hypermarket*, itu saja.

**TUAN SPEAKER:** Tersasar keluar. Tak apa, kalau nak jawab.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya berasa begitulah. Semua pembinaan tak kira *hypermarket*, ataupun projek perumahan perlu mengikut peraturan-peraturan

yang ditetapkan di peringkat PBT. Jadi saya rasa pembinaan *hypermarket* mesti dapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perancang di bawah PBT. Jadi saya, kalau peraturan-peraturan, butir-butir dia, memang saya boleh dapatkan kepada Yang Berhormat perlukan. Dan juga lesen, untuk *hypermarket* adalah dikeluarkan oleh kerajaan pusat.

**TUAN SPEAKER:** Jadual, Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih, Puan Pengerusi, kerana diberi peluang untuk saya ....

**TUAN SPEAKER:** Satu soalan, terus pada soalan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Soalannya ialah bagaimanakah status penduduk di Tanah Sungai Tengar.

**TUAN SPEAKER:** Ini isu spesifik, saya sudah kata banyak kali, Ahli kerajaan tak akan jawab. Tak boleh jawab.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Saya tak nak. Tadi kata satu yang menepati soalan.

**TUAN SPEAKER:** Pejabat Tanah. Kita sekarang dalam perbincangan Jawatankuasa Perbekalan untuk Bajet Perbekalan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam. Dasar. Seperti tenaga kerja, permohonan mengambil masa terlalu lama. Tapi jangan isu spesifik.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tak pe lah, saya akan bawa kepada pembangunan nanti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.26 iaitu wang sejumlah **RM12,024,881.55 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Dua Puluh Empat Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Satu dan Sen Lima Puluh Lima)** untuk Kepala B 26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.27 – Jabatan Kehakiman Syariah, **RM31,543,979.03 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Satu Juta Lima Ratus Empat Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Sembilan dan Sen Tiga)**.

**TUAN PENGERUSI:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Pengerusi, muka surat 355, Pentadbiran dan Kewangan, Emolumen khususnya perjawatan daripada bilangan 206 perjawatan pada tahun ini nak dikekalkan pada tahun depan 206. Saya ingin menarik perhatian Sidang Dewan tentang jawatankuasa tentang muka surat senarai perjawatan muka surat 303 di mana daripada 206 kakitangan ini diunjurkan seramai 129 akan terlibat secara langsung dalam 11 buah Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Selangor. Di mana bilangan ini melibatkan 63%, kalau kita rujuk apa dalam ringkasan perjawatan mengikut kumpulan perkhidmatan, Kumpulan Pengurusan Tertinggi seorang, Kumpulan Pengurusan dan Profesional 37, kumpulan sokongan 168 yang melibatkan 18% kumpulan teras dan 82% golongan sokongan. Kalau kita melihat daripada segi organisasi pengurusan menggunakan dengan izin prinsip rekto, 20 – 80 maknanya dari segi pengurusan, kekuatan pengurusan di seluruh jabatan ini adalah berkurangan. Tidak ada suatu angker teras yang mengerakkan perubahan hingga kita dapat walaupun dari segi penampilan, daripada segi keupayaan Jabatan Mahkamah Syariah. Aduan di akar umbi masih berterusan, isu tuntutan balu-balu atau janda-janda, ibu tunggal ataupun dalam kes perceraian bekas suami, nafkah anak-anak berterusan tidak diselesaikan. Dan kita lihat ada dua pendekatan yang perlu kita tampilkan, saya lihat kalau di kawasan saya Mahkamah Gombak Timur daripada segi penampilan, imej mahkamah itu terlalu biasa, tiada gahnya. Kalau kita pergi mahkamah itu ada gahnya, kita menggeletar bekas suami dia akan mengambil tindakan, dia hadir pun tidak, penguat kuasa pun tidak jika tindakan susulan dia buat tidak tahu kerana tidak ada kegagahan Mahkamah Syariah. Mahkamah yang jenis-jenis macam yang kita kena ini, dia gah itu memang dia gerun. Kalau boleh daripada segi perancangan dasarnya pada masa depan mula pada tahun depan kita rangkakan suatu penampilan satu persatu daripada sebelas buah Mahkamah Syariah ini satu gambaran menunjukkan gah mahkamah itu.

Keduanya daripada segi KPI dengan izin hendaklah diatur secara berterusan agar kes-kes tertuggak yang tertangguh yang membawa penderitaan kepada wanita-wanita dan anak-anak di atas kelalaian bekas suami, si lelaki ini akan dapat kita kurangkan dalam satu tempoh yang munasabah. Kita dilihat sebagai kerajaan yang prihatin membantu memudahkan meningkatkan bajet peruntukan agar mahkamah syariah dipertingkatkan, dimartabatkan, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Hulu Klang yang cukup prihatin yang berkaitan dengan mahkamah syariah ataupun di bawah Jabatan Kehakiman Syariah terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan yang melibatkan perjawatan dan juga melibatkan kegahan mahkamah syariah itu sendiri. Saya kira kita akan lihat bagaimana keperluan secara keseluruhan untuk kita memperkasakan Mahkamah Syariah ini supaya akhirnya masalah-masalah atau urusan-urusan yang berkaitan dengan kehakiman Mahkamah Syariah ini dapat kita perbaiki dan soal gah itu juga merangkumi hukuman-hukuman yang kita kenakan kepada pesalah-pesalah kita yang saya kira pada hari ini tidak menunjukkan satu

kegahan. Jadi terima kasih atas prihatin itu dan saya akan melihat dari secara keseluruhan.

**TUAN PENGURUSI:** Jadual B.27 – iaitu wang sejumlah **RM31,543,979.03(Ringgit Malaysia Tiga Puluh Satu Juta Lima Ratus Empat Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Sembilan dan Sen Tiga)** untuk Kepala B.27 Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.29 – Perpendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am), **RM44,297.772.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Empat Juta Dua Ratus Sembilan Puluh Tujuh Ribu Tujuh Ratus Tujuh Puluh Dua)**.

**TUAN PENGURUSI:** Dengkil. Terus kepada soalan Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Pengurus merujuk kepada muka surat 360, butiran 42000 Pemberian Dalam Negeri, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri dalam pemberian dalam negeri untuk tahun 2014 - 46 juta lebih, 2015 - 32juta lebih daripada 30 juta. Ini merupakan satu jumlah yang besar tetapi di sini saya nampak tiada butiran, tiada maklumat lanjut dengan pemberian dalam negeri. Kalau kita lihat muka surat 88, pelbagai perkhidmatan yang itu juga merupakan kepada pemberian dalam negeri antaranya Perpustakaan Awam, Lembaga Urus Air yang juga berjumlah 76 juta lebih. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan mengapakah tidak ada butiran disediakan untuk B 29 Pemberian Dalam Negeri atau adakah kita boleh dapatkan butiran yang dibelanjakan pada 2014 untuk *compression* dengan izin untuk kita menjamin ketulusan, keterbukaan dan juga *freedom information* di pihak Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil berhubung perincian yang diperlukan bagi pemberian dalam negeri, kita bersedia sebenarnya perinciannya ada 14 komponen di dalam pemberian yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya akan beri secara bertulis kerana perincian agak *detail* terima kasih.

**TUAN PENGURUSI:** Jadual B.29 – iaitu wang sejumlah **RM44,297.772.00(Ringgit Malaysia Empat Puluh Empat Juta Dua Ratus Sembilan Puluh Tujuh Ribu Tujuh Ratus Tujuh Puluh Dua)** untuk Kepala B.29 Perpendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jumlah Perbekalan: **Dua Bilion Tiga Ratus Lima Puluh Satu Juta, Lima Ratus Lima Puluh Sembilan Ribu, Empat Puluh Empat Ringgit, dan Empat Puluh Dua Sen (RM2,351,559,044.42).**

**TUAN PENGERTI:** Jumlah Perbekalan **Dua Bilion tiga Ratus Lima Puluh Satu Juta, Lima Ratus Lima Puluh Sembilan Ribu, Empat Puluh Empat Ringgit, dan Empat Puluh Dua Sen (RM2,351,559,044.42)** menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1 dan Fasal 2.

**TUAN PENGERTI:** Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual.

**TUAN PENGERTI:** Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan pengurus, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Tuan Pengurus, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersiang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bawah Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ini ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2015.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan)2014.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja, 1959.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang berhormat sekalian.

Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2013 perlu dipinda di bawah peruntukan-peruntukan bagi Kelas III, Kelas IV dan Kelas VI.

Bagi Kelas III, peruntukan telah bertambah daripada RM6,033,506.21 (**Ringgit Malaysia Enam Juta Tiga Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Enam dan Sen dua Puluh Satu**) kepada RM6,284,218.79 (**Ringgit Malaysia Enam Juta Dua Ratus Lapan Puluh Empat Ribu Dua Ratus Lapan Belas dan Sen Tujuh Puluh Sembilan**) iaitu pertambahan sebanyak RM250,712.58 (**Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu Tujuh Ratus Dua Belas dan Sen Lima Puluh Lapan**). Tambahan ini adalah untuk menampung perbelanjaan emolumen bagi kakitangan Istana.

Bagi kelas IV, peruntukan telah berkurang daripada RM13,283,745.00 (**Ringgit Malaysia Tiga Belas Juta Dua Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu Tujuh Ratus Empat Puluh Lima**) kepada RM12,940,195.00 (**Ringgit Malaysia Dua Belas Juta Sembilan Ratus Empat Puluh Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Lima**) iaitu pengurangan sebanyak RM343,550.00 (**Ringgit Malaysia Tiga Ratus Empat Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Lima Puluh**). Pengurangan perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan Pejabat Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda terutama untuk kos penyelenggaraan, merupakan antara faktor yang menyumbang kepada jumlah peruntukan yang lebih rendah pada tahun 2015.

Bagi Kelas VI, peruntukan telah berkurang daripada RM217,170.00 (**Ringgit Malaysia Dua Ratus Tujuh Belas Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh**) kepada RM186,000.00 (**Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh Enam Ribu**) iaitu pengurangan sebanyak RM31,170.00 (**Ringgit Malaysia Tiga Puluh Satu Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh**). Pengurangan berkenaan adalah disebabkan pengiraan semula Elaun Tetap (Rai) Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda.

Yang Berhormat Tuan Speaker Dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian.

Dengan penjelasan tadi, saya dengan ini mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen Diraja (Pindaan0 2014 dibaca kali kedua.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1.

**TUAN PENGURUSI:** Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 2.

**TUAN PENGURUSI:** Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang ketiga Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja Pindaan 2014. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan Pindaan 2014. Rang Undang-Undang ini bernama suatu enakmen untuk meminda enakmen anggota pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan 1980.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah bermesyuarat pada 5 November 2014 yang lalu telah bersetuju untuk mengemukakan pindaan kepada enakmen anggota pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan 1980 bagi mengkaji semula kenaikan gaji anggota-anggota pentadbiran Kerajaan Negeri, Speaker dan Timbalan Speaker. Enakmen anggota pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan 1980 telah dipinda pada 2005 apabila dewan ini bersidang pada tahun tersebut dan telah meluluskan pelaksanaan saraan berupa gaji dan elaun sebanyak 10% kepada anggota-anggota pentadbiran, Speaker, Timbalan Speaker serta Ahli Dewan Negeri selaras dengan keputusan parlimen yang telah meluluskan pelarasan tersebut kepada anggota pentadbiran persekutuan, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat. Pelarasan 10% adalah seperti berikut. Saraan Ahli Dewan Negeri dipinda dari RM3,738.90 kepada RM4,112.79 sebulan. Saraan bagi Tuan Speaker, dipinda dari RM5,553.90 kepada RM6,109.29. Saraan bagi Timbalan Speaker dipinda dari

RM3,000.25 kepada RM3,327.50. Gaji bagi Menteri Besar dipinda dari RM12,886.50 kepada RM14,175.15. Manakala gaji Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dipinda daripada RM5,553.90 kepada RM6,109.29. Kenaikan tersebut berkuat kuasa secara ke belakang iaitu 1 Januari 2004. Manakala pada tahun 2011 enakmen ini sekali lagi dipinda dengan hanya memberi kenaikan elauan Ahli Dewan Negeri yang telah dibentangkan dan diluluskan pada Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Kedua belas berupa kenaikan dari RM4,112.79 kepada RM6,000.00 iaitu sebanyak 45.89% kenaikan tersebut berkuat kuasa 1 Januari 2011. Bagi tahun 2013 Peruntukan Di Bawah Seksyen 3.4 dan 4(a) serta sub seksyen 6(i)(a) dan 6(i)(c) telah dipinda supaya pembayaran boleh dibuat di bawah seksyen tersebut mulai 1 Januari 2014. Melalui Rang Undang-Undang ini saraan Ahli Dewan Negeri di bawah Seksyen 3 dipinda dari RM6,000.00 kepada RM11,250.00 ataupun kenaikan 87.5% saraan bagi Tuan Speaker di bawah seksyen 4 dipinda daripada RM6,109.29 kepada RM22,500.00 iaitu kenaikan 268.29%. Saraan kepada Timbalan Speaker di bawah seksyen 4(a) dari RM3,327.50 kepada RM15,750.00 iaitu kenaikan sebanyak 373.33%. Pindaan di bawah sub seksyen 1(a) dan (c) juga meminda saraan anggota pentadbiran negeri ini dengan gaji bagi Menteri Besar dipinda dari RM14,175.15 kepada RM29,250.00 iaitu kenaikan sebanyak 106.35% manakala gaji Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dipinda dari RM6,109.29 kepada RM20,250.00 iaitu kenaikan 231.46%. Pindaan dan kenaikan gaji elauan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Untuk cadangan kali ini pindaan ke atas saraan gaji anggota-anggota pentadbiran, Speaker serta Timbalan Speaker adalah berdasarkan usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus dan memberikan tumpuan kepada perbelanjaan pembangunan. Pindaan juga berdasarkan pertimbangan dan keprihatinan terhadap beban tugas yang dipikul tanpa mengira waktu oleh pemimpin-pemimpin. Melalui Rang Undang-Undang ini saraan bagi Tuan Speaker dipinda di bawah seksyen 4 daripada RM22,500.00 kepada RM15,000.00 iaitu penurunan 33.33%. Saraan kepada Timbalan Speaker di bawah seksyen 4(a) dari RM15,750.00 kepada RM10,000.00 iaitu penurunan sebanyak 36.51%. Pindaan di bawah sub seksyen 1(a) dan (c) juga meminda saraan anggota pentadbiran negeri ini dengan gaji bagi Menteri Besar di pinda dari RM29,250.00 kepada RM25,000.00 iaitu penurunan sebanyak 14.53% manakala gaji bagi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dipinda dari RM20,250.00 kepada RM15,000.00 iaitu penurunan sebanyak 25.93%. Pindaan gaji ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian implikasi kewangan bagi pindaan gaji anggota-anggota pentadbiran, Speaker dan Timbalan Speaker Dewan Negeri jika diluluskan akan melibatkan peruntukan RM2,940,000.00 setahun iaitu penjimatan sebanyak RM1,029,000.00 setahun berbanding tahun 2014. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini saya mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bernama satu enakmen anggota pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri saraan pindaan 2014 di baca kali yang kedua.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Potong gaji pun nak bahas. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang mengurangkan saraan gaji, potong gaji ini. Di mana saya nampak kerajaan punya inisiatif untuk kurangkan kos pengurusan dalam konteks ini untuk mengurangkan gaji Menteri Besar, EXCO, Speaker, Timbalan Speaker. Walau bagaimanapun, saya menyambut baik tapi saya tetap dengan pendirian saya sebelum ini bahawa kenaikan yang dilakukan pada persidangan yang lepas itu yang berkuat kuasa ini sebelum ini adalah memadai pada masa tersebut. Dan yang saya nampak jika kita bandingkan saya nampak kita dapat jimat RM1.2 juta satu tahun. Kalau kita bandingkan kerja-kerja Menteri Besar nak jaga 5.2 juta penduduk Negeri Selangor ini, terjah sini terjah sana, kiri kanan longkang turun, sampah turun, pulau-pulau ketam turun, dengan ketam sekali turun. Bukan main susah. Sampai nak jumpa Menteri Besar pun susah sebab Menteri Besar sibuk. Sebab masa sudah habis dengan jawatan Menteri Besar ini tetapi dari dulu kita naik RM29,000.00 sekarang terpaksa diturunkan demi rakyat. Ini RM25,000.00 satu pengorbanan besar. Kalau kita banding dengan Ketua Menteri Sarawak dulu RM13,000.00 dia naik RM39,000.00. 200%. Kalau banding Selangor RM39,000 dengan RM25,000.00 sekarang. Sarawak bukan besar sangat. Lebih kuranglah tu kawasan dia besar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Berapa KDNK Sarawak berbanding dengan Selangor ini Yang Berhormat Sekinchan?.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Kampung Tunku. Kalau nak dibandingkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) ini Selangor ini hampir 25%. Satu perempat seluruh Malaysia. Sarawak jauhlah. Kecil sikit. Tapi mereka RM39,000.00. Menteri Besar kita terjah sini terjah sana RM25,000.00. Jadi saya nampak tak berapa molek la nak turun dengan kapasiti kerjanya. Saya tetap dengan prinsip ini *lower pay*. *Under pay* la, *under pay* dengan izin. Sepatutnya RM50,000.00 gaji Menteri Besar kita. Sepatutnya RM50,000.00 ini cadangan saya. Bukan saya nak bodek. (Ampulisme dan bodeklisme) itu Barisan Nasional. Saya cakap berdasarkan kenyataan. Saya tak nak macam Menteri, macam Perdana Menteri. Perdana Menteri di Parlimen kononnya gajinya sikit tapi dia orang punya GLC macam-macam. Punyalah besar. Mereka berpura-pura. Tak ikhlas. Tapi Selangor kita ikhlas. Dan saya nampak EXCO, saya bagi contoh lagi. EXCO Selangor dulu daripada RM6,000.00 lebih dia naik sampai RM20,000.00. Kemudian sekarang diturunkan tak sampai separuh pun RM15,000.00 tapi kalau nak bandingkan dengan Sarawak, Menteri Kanan, RM30,000.00. 100% banding dengan

Selangor. Tapi KDNK tak ada. Kurang. Kita 25%. Jadi saya pun pelik sikit la. Tapi tak apa ini demi rakyat. EXCO saya kira kurang-kurang tetap dengan RM20,000.00 la. Saya tak berganjak sebab ayat saya dari mula-mula saya tidak berganjak sebab *under pay* juga. Dan seterusnya Tuan Speaker, saya tengok Speaker kerja penat tambah masa sampai pukul 4.30 mesti ada usul tambahan. Dengan ini, dengan Peraturan Tetap berapa sidang ini sampai 6.00 sampai 7.00.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nak mencelah sikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Oh Permatang pun nak mencelah. Oklah saya pun nak dengar apa cerita dia.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Turun gaji ini saya ingin tak nak bahas sangatlah. Saya nak mencelah saja la. Kalau Sekinchan simpati dengan apa yang Sekinchan umumkan tadi marilah kita sama-sama tolak Rang Undang-Undang ini. Setuju ke?. Ke ada berani ke tak berani?.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tak boleh. Nanti saya tolak di sini nanti kat luar Permatang cakap lain. Tak sepakat pula. Nanti jadi masalah kecuali di Parlimen dia lain, dia ada penyokongnya. Ini lain. Tapi terima kasih kepada Permatang yang prihatin. Rasanya ADUN sekarang RM11,250.00 kalau dengan kapasiti kerja ni pun setakat memadai sahaja. Kalau boleh dinaikkan pun cantik juga. Tapi tak apa, tak apa sebab Menteri Besar nak turun kita naik nanti tak patut. Nanti, nanti. Permatang setuju. Nampak tak. Permatang setuju. Rekod. Walaupun tak naik, kita syok sendiri tak apa. Syok sendiri tak apa tapi kita setuju. Saya dan Permatang dalam konteks ini, itu ini kita sehati sepakat. Jadi saya nak bagi contoh Speaker di Selangor kerja sampai pukul 6, 7, 6, 7, 8 pun ada. Jawatankuasa penuh 10 jawatankuasa pun dah sampai. Dulu 9. Dah tambah 1 lagi. 10 jawatankuasa. Saya cari di Parlimen, Parlimen pun tak ada. Parlimen jawatankuasa 1, 2 saja, 3 saya pun lebih kurang tak berani buat jawatankuasa. Dia tak berani semak sendiri. Takut itu Barisan Nasional tak nak ubah. Cakap transformasi. Syok sendiri sahaja tapi di Selangor kita buat betul-betul. Kerja dia kuat. Jadi saya nampak banding gaji Speaker dulu RM22,000.00 turun balik jadi RM15,000.00. Kalau banding dengan Sarawak, Speaker dia RM30,000.00. RM30,000.00. Kerja Sarawak apa ada. Negeri Bumi Kenyalang sahaja.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Puan Speaker, saya ingin mencelah. Kenapa buat perbandingan dengan Sarawak, apakah ada *target* politik kerana PRM Sarawak, jadi kenapa tidak buat perbandingan dengan negeri lain. Dan kita juga kena baca geografi Sarawak dengan geografi Selangor begitu susah, begitu jauh, pendalaman dan sebagainya. Jadi ini tidak adil kita berbandingkan dengan negeri lain. Sila, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Hulu Bernam. Saya kesian dengan Hulu Bernam, Hulu Bernam berapa hari datang, tak datang, datang tak datang banyak himpunan dah. Saya kesian, sampai soalan dijawab, soalan dijawab pun tak tahu tanya balik. Itu masalahnya, tak apa, tak apa, tak apa, Hulu Bernam tak apa. Sabar kita himpukkan semangat itu, semangat PAU masih ada. Kemelayuan itu ada, tak apa tak apa kita sabar. Tapi saya hendak beritahu, Sarawak itu negeri, kita bandingkan negeri dan negeri, G to G, G to G dengan izin negeri *to* negerilah, *state to state*, ini kita bandingkan dengan negeri bukan bandingkan dengan negara. Hendak bandingkan dengan Singapura, jauh, jauh gaji sana lebih besar. Jadi banding dengan Negeri Sarawak, sumbangan KDNKnya kecil daripada Selangor, tapi Selangor besar, gaji yang dia dapat 1 kali ganda Speaker, EXCO nya. Jadi saya nampak dalam konteks inilah secara keseluruhannya saya nampak ini perlu diperhalusi dan oleh sebab kita pentadbiran Yang Amat Berhormat yang baru, dia dengan kerja kuat dia, cara yang tersendiri, stail macam 80% di lapangan, 20% di pejabat, macam Bapak Jokowi, jadi kita ....

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Minta mencelah juga.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ada yang hendak mencelah juga.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Hendak mencelah, Dusun Tua.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ah, Dusun Tua, Dusun Tua, ingat dia tua benar.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Tadi Yang Berhormat Sekinchan sebut Menteri Besar, EXCO, Speaker tapi Timbalan Speaker tak sebut, lupa agaknya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Dusun Tua, rupanya dia nak cakap Timbalan Speaker. Ya, Timbalan Speaker saya nampak dia memang tinggi sikitlah daripada kenaikan kadar dulu. Saya bandingkan kadar dulu dengan RM3,000 terjun sampai RM15,000 ah, itu tinggi sikit. Dia turun balik, saya setuju. Ah, bukan saya hendak rebut, walau pun undi saya kalah, lain ceritalah, itu demokrasi. Saya kena nyatakan kepentingan saya, itu demokrasi undi saya kalah, 14 undi tak apa itu perkara biasa. Kalah menang dalam perjuangan, lawan tetap lawan. Tak apa, tak apa, semangat setia kawan tetap kita pelihara. Tapi yang pentingnya Speaker dia turun RM10 ribu itu bab ini saya setuju. Tapi bab Menteri Besar saya tak setuju. RM50 ribu saya setuju, tapi tak apalah kita terima juga. Bab EXCO pun agak rendah, Kota Damansara nak mencelah juga, ini minatlah Pembangkang, ok teruskan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Puan Speaker, saya nampak Sekinchan ini terlalu prihatin dengan Dato' Menteri Besar ini. Saya pun setuju sebenarnya tapi kesian jugalah dengan Dato' Menteri Besarlah kan, kalau hendak bersama-sama dengan Dato' Menteri Besar ini, hendak menunjukkan

keprihatinan kalau Dato' Menteri Besar turun longkang, semua wakil rakyatnya kena turun longkang jugalah, bersama-sama untuk bekerja membantu rakyat ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Kota Damansara yang juga prihatin terhadap Menteri Besar juga. Dia kata Menteri Besar turun padang dia pun tahu, maknanya dia tahulah prihatin. Sekinchan turun, wakil rakyat pun akan ikut turun semua, terjah kita akan terjah, dia terjah ke benda, saya pun terjah, gambar itu adakan, gambar lain tak ada, gambar Sekinchan terjah ada. Kita terjah.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ya, tapi saya nampak Dato' Menteri Besar saja terjah seorang, yang lain tak terjah pun. Tak masuk sama-sama.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oleh kerana Menteri Besar baru 60 lebih hari, masa singkat jadi kita hendak terjah beransur-ansur kita terjah, beransur-ansur. Dia berperingkat-peringkat dengan izin *step by step*, ok kena faham ya, dengan izin. Jadi itu tak ada isulah, jadi kerja kuat Menteri Besar, Speaker dan EXCO kita nampak, jadi tak apa. Setakat ini kita demi rakyat, kita bantulah rakyat, kita bantu rakyat, tapi masa-masa akan datang, kita ikut kesesuaian kita kena kaji balik. Saya nampak prinsip ini, buat sementara tak apa. Prinsip saya tetap tidak berganjak, kita *under pay*, ini saya hendak beritahu *under pay*. Dan yang keduanya daripada seperti jawatankuasa Setiausaha Politik ini, saya nampak dalam RM5,000 lebih kurang RM5,000 saraan itu pun tidak cukup. Setiausaha politik penting Selangor ini, Selangor ini Menteri Besar satu, setiausaha politik satu yang dilantik. Jadi itu pun perlu disemak, itu bukan turun kena semak, kena naikkan, kerja kuat.

Yang keduanya daripada berkuat kuasa, saya nampak kuat kuasa enakmen ini berkuat kuasa tahun hadapan, bulan satu. Ya, saya nampak kalau boleh semakan ini, kalau boleh di kuat kuasa 2008 lah. Semua gaji-gaji termasuk Adun ini kita kena pinda 2008. Kerana apa, dasarnya senang kita zaman Pakatan, kita bermula daripada era Pakatan 2008, era Pakatan 2008. Inilah legasi kita kena tunjuk kita kena rekod dalam sejarah kita, zaman dalam Pakatan Rakyat. Barisan Nasional sudah lepas, ini Pakatan. Ah, ini penting jadi dalam usul ini saya nampak, apabila saya amati, teliti, kenaikan gaji-gaji di Sarawak ini, Timbalan Menteri Speaker dia RM21 ribu, RM21 ribu, ah nampak tak? Dia RM21 ribu, nampak tak. Dua orang pun masih cukup lagi, ah ini yang saya nampak ya. Jadi saya hendak beritahu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kita kerja tapi dalam isu ini kita semak dan kemudian yang pentingnya kita kena tahu satu konsep bagi tahu rakyat kita *under pay* kerana tanggungjawab, tanggungjawab wakil rakyat ini berat. Tanggungjawab ini berat dan komitmen dia besar, komitmen besar, malam pukul, pagi pukul 3, 4 pun orang telefon. Saya yakin Permatang pun dalam perkara ini, walau pun dia Pembangkang tapi dia setuju dengan saya. Permatang pun telefon kena berbunyi pukul 3 pagi suruh datang tempat sini dan tempat sana minta tolong, macam bomba, lebih teruk daripada bomba. Ini wakil rakyat, nama dia wakil rakyat, Permatang dua penggal, dia kalau ikhlas dia mesti setuju, kecuali kalau dia tak ikhlas. Ah, saya

suara hati wakil rakyat, saya tak nak cakap macam munafik, saya tak nak. Cakap tak serupa bikin, bikin tak serupa cakap saya tak nak. Saya cakap terus berdasarkan fakta ya bukan auta, bukan auta. Oleh jadi macam itu, saya setakat inilah perbahasan saya yang pentingnya saya tetap dengan prinsip saya kita *under pay*, kalau Menteri Besar RM50 ribu lebih baik, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ada pihak pembangkang hendak bahas? Tak ada ya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan sahabat Sekinchan saya kerana memberikan hujah-hujah yang cukup bersemangat. Pertamanya dari segi Rang Undang-Undang ini pada peringkat permulaan tahun ini dibawa, saya agak tergamam kerana pada hari itu saya rasa hanya 2 orang Ahli Dewan Negeri yang membahaskannya iaitu Sekinchan dan Kampung Tunku. Dan hari ini pun hampir-hampir keadaan yang sama akan berlaku tapi saya masuk dulu. Bagi saya apa yang menjadikan diri saya kecewa pada peringkat awal, adalah saya tidak sempat menyediakan bahan-bahan perbincangan dan perbahasan menyebabkan saya tidak mengambil bahagian ketika mana Rang Undang-Undang itu dikemukakan. Bagi saya, saya berhadapan dengan satu dilema dalam keadaan kita hendak menjadi Adun, wakil rakyat, barisan pimpinan yang menekankan kebijakan dan kita memandang ke depan dalam pembasmian kemiskinan, kita terperangkap dalam satu keadaan di mana kita sendiri sebagai Dewan yang mulia ini membuat satu keputusan menaikkan gaji kita.

Jadi dalam perspektif rakyat, adalah satu perkara yang janggal. Dan saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan pihak kerajaan yang mengambil langkah untuk menurunkan gaji mereka yang telah disebut sebagai Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli-ahli EXCO tetapi kalau cara telus. Saya ingin menggambarkan sekiranya penurunan itu akan dipersetujui dan diluluskan apakah lagi insentif-insentif yang didapati oleh Menteri Besar, EXCO dalam konteks menjalankan kegiatan atau pun tanggungjawab kerajaan dalam konteks memimpin GLC dan sebagainya. Jadi perlu kita kemukakan agar tidaklah dilihat bahawa RM20 ribu ke RM30 ribu, RM50 ribu itu satu angka yang sebenarnya menyembunyikan, melindungi satu angka yang ada selain daripada itu. Elaun seperti pengurus PKNS dan sebagainya sebagai Menteri Besar yang merupakan yang telah ditetapkan.

Saya dalam perbahasan bajet, saya mengemukakan politik akal budi, *politic of concerned* di mana asas teras kita adalah prihatin kita, secara jujur ikhlas terhadap keperitan rakyat. Kita berbahas di Dewan yang mulia ini, bahawa 30% rakyat Selangor miskin. 1.5 juta rakyat Selangor miskin dan kita berbahas dengan penuh semangat untuk menaikkan gaji kita. Jadi saya konflik dalam keadaan ini dengan izin. Jadi saya ingin menyarankan sekiranya kalau betul-betul EXCO hendak

turunkan gaji, turunkan gaji Adun juga. Jadi ini barulah kita menunjukkan *solidarity*, *solidarity*. Kalau Menteri Besar, EXCO ...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nak minta, minta laluan....

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya akan bagi laluan. Tapi saya hendak tegaskan *solidarity* maknanya apa yang Adun dikecualikan sebagai simboliknya kita sama-sama memikul tanggungjawab memimpin rakyat. Kita adalah wakil rakyat. Kalau betul ada *reason*, ada asas untuk Menteri Besar turunkan sebagai menunjukkan keprihatinan kepada rakyat, EXCO, Speaker, Timbalan Speaker, Adun pun sama. Walau pun ia simbolik tetapi kita menunjukkan kebersamaan kita, dukungan kita kerana kalau kita mengambil tanggungjawab sebagai Adun, sebagai kerjaya ini bukan tempatnya. Kita semua profesional, ada yang peguam, *engineer*, konsultan dan sebagainya. Kita dapat lebih daripada apa yang sebenarnya kalau kita tidak menjadi wakil rakyat. Kalau lah sebab kita menjadi wakil rakyat untuk mendapat habuan, gaji saya rasa itu tidak tepat dalam konteks reformasi perjuangan yang hendak kita bawa, silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang yang begitu berkobar-kobar dan semangat ya kerana sebelum ini dia terlepas. Tapi saya cuma dengan ayat itu tak berapa nak setuju dengan ayat *solidarity* itu, ini macam terpengaruh dengan PAU yang diungkapkan oleh Najib itu. *Solidarity* sila tukarlah dengan ayat lain, terima kasih.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Saya bantah juga, *solidarity* itu perpaduan, tak kan tak nak perpaduan. Itu perpaduan yang kita tuntut, kena fahami dia punya ayat itu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya punya platform, *corum* saya itu. Jadi itulah yang ingin saya kemukakan, sekiranya kita persetujui untuk diturunkan maka saya meminta pihak kerajaan balik membawa pindaan yang ditambah agar Adun juga, jadi simboliknya cara kebersamaannya. Cara mendukung politik akal budinya, bersama-sama kita turunkan gaji kita di semua peringkat, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi seorang saja lagi. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker, saya ...

**TUAN SPEAKER:** Lima minit ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya telah mengimbas kembali setahun yang lalu saya dengan Sekinchan bangkit membahas dan menyokong pindaan enakmen ini. Jadi saya kira ada perlu untuk saya juga membahas pindaan ini. Saya sebenarnya mempunyai pendirian yang sama dengan Yang Berhormat Sekinchan

cuma pendekatan saya adalah sedikit berbeza. Iaitu daripada kita bertanya berapa banyakkah gaji yang harus dipotong melalui pindaan ini, saya rasa adalah lebih penting kalau kita bertanya apakah *expectation* yang kita ingin dapat daripada Menteri Besar, anggota-anggota EXCO, Speaker dan juga Timbalan Speaker kita di dewan yang mulia ini. Jadi saya telah pun meneliti pindaan ini dan saya merasa bahawa kita seharusnya mengekalkan paras gaji yang lama. Dan saya mempunyai satu alasan yang sangat-sangat penting iaitu kita perlu memastikan bahawa kesemua anggota-anggota atau pun pentadbiran kita termasuk EXCO, termasuk Speaker dan sebagainya mereka dapat menjalankan fungsi mereka dengan sempurna.

Puan Speaker saya ingin membawa perhatian kepada satu institusi iaitu institusi Speaker dan Timbalan Speaker itu sendiri. Saya lihat dalam pindaan gaji, gaji Speaker sama dengan gaji EXCO. Saya rasa ini tidak betul, sekurang-kurangnya gaji Speaker mesti lebih tinggi daripada EXCO dan bukannya sama dengan EXCO. Saya rasa ini penting kerana kita harus menghayati institusi Speaker dan Timbalan Speaker khususnya cabang perundangan yang kita ada, yang kita warisi daripada tradisi demokrasi, berparlimen ala *Westminster* daripada British. Saya tidak perlu mengulangi prinsip-prinsip pengasingan kuasa tetapi saya rasa kita seharusnya memberi pertimbangan atau pun penghormatan yang sewajarnya terhadap institusi ini. Dan salah satu cara adalah melalui gaji yang kita bayar kepada Speaker. Kalau kita ikut protokol, Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat sekalian, kita ikut protokol dari segi aturan, institusi kedudukan Speaker ini hanya selepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan di hadapan Ahli-ahli MMKN. Jadi saya rasa mungkin kita tidak boleh lakukannya pada masa sekarang tapi pada masa-masa akan datang kita harus *by in mind* bahawa gaji yang kita bayar kepada Speaker itu perlulah sedikit lebih tinggi daripada gaji EXCO. Ini adalah saranan saya dan saya berharap sangat ia akan dapat dilakukan pada masa-masa akan datang. Dan ramai juga yang salah faham terhadap apa yang kita hendak lakukan, apa yang Speaker, Timbalan Speaker lakukan di Dewan yang mulia ini. Ramai orang apabila mendengar tentang kenaikan gaji, dia ingat Speaker dan Timbalan Speaker tidak ada kerja lain. Hanya mempergerusikan mesyuarat atau pun sidang dewan sahaja.

Jadi ini hanya membolehkan mereka mendapat gaji yang begitu besar sekali, itu setahun yang lalu. Orang ramai mempunyai persepsi yang salah. Saya rasa ini perlu diperbetulkan dan saya bercadang supaya kita menjalankan lebih banyak *out reach* program untuk membolehkan orang awam memahami apa yang peranan sebenarnya dimainkan oleh Speaker dan juga Timbalan Speaker ini. Khususnya dengan lebih aktiviti-aktiviti dewan makin rancak dengan penubuhan jawatankuasa pilihan. Saya rasa penting untuk kita bagi tahu orang lain apakah yang kita lakukan sekarang ini.

Seterusnya saya rasa ini adalah rujukan yang sangat penting saya memohon dewan memberi perhatian sebenarnya kalau kita banding dengan *commonwealth* yang lain

saya ambil daripada Majlis Perundangan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong dia ada satu *Hong Kong Special The Specialties Council Hong Kong Special Administrative Legend* ada satu laporan ataupun *guideline* yang menentukan bahawa gaji Speaker tidak boleh jauh berbeza daripada *Fund Bencher* dan saya rasa ini juga perlu kita ingat semasa kita membuat penyelarasan gaji. Saya mengakui bahawa apabila kita menjalankan pindaan ini setahun yang lalu kita lakukan dengan cara yang sedikit *rush* sedikit gopoh gapah tetapi saya rasa ini tidak bermakna pada masa yang akan datang kita tidak ada peluang untuk memperkemaskan penyelarasan gaji ini. Oleh itu saya bercadang supaya Jawatankuasa Pengurusan Dewan diberi tugas pada masa akan datang sekiranya ada penyelarasan gaji dan saran kita melalui perbincangan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Dewan dan kita bawa cadangan ataupun pindaan itu ke dewan yang mulia ini kita bincang bersama-sama dan kita tengok macam mana kita boleh menjalankan penyelarasan dan satu juga cadangan saya, saya juga ingin membawa perhatian dewan kepada buku ini buku senarai perjawatan kita lihat kalau kita ikut gaji penjawat awam di bawah Sistem Saran Malaysia gaji SSM kita lihat sebenarnya sistem ini memperuntukkan kenaikan gaji tahunan untuk semua penjawat awam untuk semua kategori tetapi untuk ADUN, Speaker, Timbalan Speaker, EXCO dan juga MB kita tidak ada.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Ringkaskan ayat terakhir

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ini ayat terakhir saya, jadi saya barangkali untuk penyelarasan gaji yang akan datang mungkin kita akan mempertimbangkan supaya gaji atau saran ADUN ataupun Speaker, Timbalan Speaker, EXCO, MB kita selaraskan mengikut cara yang sama iaitu kita tetapkan kita membentarkan satu range penyelarasan setiap tahun supaya kita boleh ini adalah untuk menghilangkan ataupun membantalkan kesan-kesan inflasi. Saya rasa ini adalah sistem yang lebih adil dan lebih sempurna dan oleh itu, Kampung Tunku mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya menjemput pihak Kerajaan untuk beri penjelasan

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Puan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan pada petang ini berhubung semakan yang kita cadangkan pada petang ini.

Saya menjangkakan apabila kita nak menurunkan gaji dan elau mungkin tidak ada bantahan tetapi nampaknya masih ada pandangan-pandangan yang diberikan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Sekinchan, Y.B. Hulu Kelang, dan Y.B. Kampung Tunku yang menzahirkan keprihatinan mereka terhadap tugasannya yang

digalas oleh Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Speaker, dan Timbalan Speaker cuma nak saya nyatakan di sini. Ini bukan soal saya secara peribadi saya rasa saya bersyukur dan berterima kasih kerana Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diberikan amanah ini bekerja sebagai satu pasukan yang cukup kuat dan mantap dan ini adalah satu perkara yang amat saya gembira kerana mereka bersama-sama dengan saya dan mendapat sokongan pada anggota pentadbiran awam.

*This is our willing team* yang bekerja kuat dan saya rasa kumpulan ini akan menjamin kemenangan yang lebih besar untuk Pakatan Rakyat *insya-Allah* di masa akan datang. Cuma yang saya tekankan ini ialah ini bukan soal peribadi ini juga keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Presiden Pakatan Rakyat supaya kenaikan gaji dan elaun yang dibuat pada 2013 itu diteliti semula dan disemak sesuai dengan keadaan ekonomi semasa dan kos sara hidup yang begitu membebankan rakyat. Kita sedia maklum Negeri Selangor ini sebuah negeri yang maju berbanding dengan negeri-negeri yang lain Y.B. Sekinchan menegaskan kita juga penyumbang utama kepada KDNK Malaysia sebanyak 23.7% sudah tentulah peranan Negeri Selangor itu untuk kekal sebagai peneraju ekonomi Negara dan negeri mesti dikekalkan untuk maksud itu maka sudah tentulah peranan Ahli Dewan Negeri, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri itu cukup besar dengan cabaran-cabaran baru untuk memastikan Negeri Selangor ini kekal sebagai penyumbang utama KDNK Negara, itu kita tidak menafikan maka tugas kita, tanggungjawab dan peranan yang dimainkan itu cukup besar untuk memastikan matlamat ini dicapai. Tetapi pada masa yang sama untuk membandingkan dengan Sarawak saya kira agak keterlaluan untuk digunakan Sarawak digunakan *benchmark* ataupun kayu ukur kerana kalau kita lihat dalam konteks rizab Negeri Sarawak berbanding dengan Negeri Selangor sudah tentulah Sarawak jauh lebih besar yang kini mencatatkan rizab RM22 billion berbanding dengan Negeri Selangor hanya RM3.3 billion tetapi bagi saya Negeri Selangor juga tidak boleh dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain yang tidak mahu saya sebutlah kerana menyenggung kawan-kawan di sebelah sana tetapi sebagai sebuah negeri yang maju dengan tanggungjawab yang begitu besar sudah tentulah semakan gaji dan elaun itu ini perlu disemak dan diteliti dengan sempurna. Sebab itulah saya kira semakan yang dibuat ini agak munasabah dan kita mengambil kira perasaan rakyat untuk menghadapi pelaksanaan GST tahun depan bebanan kos sara hidup yang lebih besar maka kita menunjukkan simpati saya tahu beban tugas Ahli Dewan Negeri itu juga besar sebab itu kita tidak bercadang untuk menyemak elaun dan gaji Ahli Dewan Negeri kerana kita merasakan kenaikan yang dibuat pada tahun 2013 itu cukup munasabah dengan tugas yang mereka galas selama ini bekerja tujuh hari seminggu 24 jam sehari 366 hari setahun jadi saya ingat bukan saya sorang sahaja terjah bila saya turun Sekinchan, Sekinchan pun tolong terjah sama, saya turun Kota Damansara dia pun bantu sama jadi ini satu pasukan yang kuatlah mudah-mudahan dengan pasukan yang baik ini dapat menunjukkan contoh teladan yang baik untuk rakyat. Tetapi pada masa yang sama kita juga kalau kita nak banding dengan negeri lain peruntukkan Ahli Dewan Negeri dan Ahli Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri itu peruntukan tahunan itu jauh lebih besar dari negeri-negeri lain. Ahli Dewan Negeri sekarang RM700,000.00 setahun MMKN RM900,0000.00 setahun, jadi saya kira selain dari kita turunkan sedikit elau itu tetapi kita ada satu peruntukan yang lain untuk meringankan beban tugas kita sama ada pengurusan di pejabat pengurusan Pusat Khidmat dan juga projek-projek dan Program Mesra Rakyat untuk rakyat di kawasan kita.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya cuma minta penjelasan untuk Menteri Besar dari segi kebersamaan *solidarity* apakah persepsi dan tanggapan rakyat di bawah ini apabila gaji ADUN naik sekali dengan MB, Speaker, EXCO, dan sebagainya dan Timbalan Speaker dan apabila turun ADUN tak turun, penjelasan ini boleh difaham bagaimana Dato' Menteri Besar menjelaskan itu kita boleh faham tapi di peringkat akar umbi rakyat. 11,250 satu *figure* yang mereka tak boleh gambarkan yang duduk kat lubang sampah yang duduk di tepi-tepi sungai golongan gelandangan *homeless* dan sebagainya. Jadi itu saya ingin tarik perhatian agar kita dapat menjelaskan ini kepada rakyat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Hulu Kelang tapi kita juga jangan melihat dari segi *long term* kenaikan kita kena lihat dari segi peratus kenaikan Ahli Dewan Negeri kenaikannya paling minima 87.5%, berbandingkan dengan Speaker, Timbalan Speaker, melepas 300 peratus sebab itu kita buat semakan itu yang pertama. Yang kedua saya menyatakan tadi kalau kita boleh nyatakan kepada rakyat kita dan di negeri kita bahawa peranan Ahli Dewan Negeri di Selangor ini tidak boleh disamakan dengan banyak negeri di Negara kita kerana di sebuah negeri yang maju dengan cabaran yang *expectation* rakyat cukup tinggi kepada Ahli Dewan Negeri dan kenaikan yang diberikan sebanyak 87.5 peratus itu satu peratusan yang cukup munasabah selaras dengan tugas dan tanggungjawab mereka yang itu yang saya pertahankan tetapi sukar bagi Kerajaan Negeri dan Pakatan Rakyat pimpinan di peringkat pusat mempertahankan kenaikan sebanyak 373% ataupun kenaikan sebanyak itu untuk Timbalan Speaker untuk Speaker sebanyak 268% peratus jadi kita kalau boleh *connect* balik dengan rakyat bahawa ADUN sebanyak 87% itu, cukup munasabah tetapi kita juga memberikan satu peruntukan yang besar melalui Program Mesra Rakyat dan projek-projek di peringkat daerah dan juga peringkat PBT bagi menampung keperluan rakyat khususnya dalam menghadapi kegawatan kelembapan ekonomi yang akan kita hadapi pada masa yang akan datang. Perkara yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku bahawa gaji dan elau Speaker itu, tak sama dengan sepatutnya tidak sama dengan MMKN saya ingin menjelaskan kalau ikut *practice* di kebanyakan Negara-negara *Commonwealth* gaji Speaker dan Menteri itu sama pada kadar yang sama statusnya begitu. Mungkin dalam soal protokol kedudukan Speaker itu selepas Perdana Menteri dan Menteri Besar tetapi status dan tanggungjawab itu ianya sama sebab itu banyak Negara-negara *commonwealth* menggunakan kadar yang sama bagi Speaker, dan juga Menteri Kabinet ataupun Menteri di peringkat negeri dan saya kira perkara ini telah pun kita bincang dan kita ada kebersamaan dalam perkara ini dan saya harap perkara ini

boleh kita terima dengan baik sebab itu saya mencadangkan satu semakan pada petang ini. Terima kasih Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, cadangan di hadapan dewan adalah Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua, sekarang

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali Yang Kedua Rang Undang-Undang ini dinamakan suatu enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Sarawak 1980.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai jawatankuasa untuk menimbaangkan rang undang-undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. DATO' TENG CHAM KHIM:** Puan Pengerusi saya menyokong.

**PUAN PENGURUSI:** Dewan bersidang sebagai jawatankuasa

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1

**TUAN SPEAKER:** Fasal 1 Menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 2

**PUAN PENGURUSI:** Fasal 2 Menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada dewan sekarang

**Y.B. DATO' TENG CHAM KHIM:** Puan Pengerusi saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker saya mohon memaklumkan dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHAM KHIM:** Puan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan Kali Yang Ketiga Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Sarawak Pindaan 2014.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah jam telah menunjukkan 6.00 petang maka saya tangguhkan dewan sehingga esok 2 Disember 2014, pukul 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan jam 6.00 petang )